ii. Merujuk soalan bahagian i, dari manakah sumber- sumber jawapan diperolehi?
iii. Sila senaraikan nama-nama mantan Ketua Kg Baru Bercham yang pertama hingga yang lepas?

<u>Jawapan Soalan 1</u>

**Jawapan Soalan i dan ii**

Bagi makluman Yang Berhormat, bagi menjawab soalan i dan ii. Maklumat mengenai asal usul Bercham masih tidak dapat dike kawasan yang berkembang pesat hasil daripada kegiatan perlombongan bijih timah pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. A menjelaskan secara tepat etimologi atau maksud asal nama “Bercham”. Usaha untuk mengenal pasti asal usul nama 'Bercham' deng primer yang komprehensif bagi memastikan ketepatan dan kewibawaan fakta berhubung perkara ini.

**Jawapan Soalan iii**

Berdasarkan rekod, nama-nama bagi Ketua Kampong Baru Cina bagi Kampung Bercham adalah seperti berikut:

| Bil | Nama | Tempoh |
|---|---|---|
| | | |

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Loh Kwek Choon | 01.04.2025 Hingga 31.03.2026 |
| 2. | Loh Kwek Choon | 01.04.2024 Hingga 31.03.2025 |
| 3. | Loh Kwek Choon | 01.04.2023 Hingga 31.03.2024 |
| 4. | Choo Kam Kau | 01.11.2021 Hingga 31.10.2022 |
| 5. | Choo Kam Kau | 01.11.2020 Hingga 31.10.2021 |
| 6. | Loh Kwek Choon | 01.01.2019 Hingga 31.12.2020 |
| 7. | Lim Huey Shan | 01.01.2016 Hingga 31.12.2018 |

2. Tentang infrastruktur awam bawah kawalan JKR

i . Sila jelaskan lampu-lampu jalan di JALAN TASEK (bahagian Kg Tasek ke Kawasan Industri Tasek ) , mengapa masih belum ditukar ke lampu LED
ii. Merujuk soalan bahagian i, bilakah lampu LED SON akan dipasang?
iii. Sila jelaskan mengapa banyak lampu jalan,di susur keluar dan masuk lebuhraya PLUS bahagian JALAN KUALA KANGSAR dan JALAN TASEK y

Jawapan Soalan 2

Untuk makluman Yang Berhormat,

i. Pertukaran kepada lampu LED bagi lokasi yang dinyatakan telah ada dalam perancangan pihak JKR di mana permohonan peruntukan bag

ii. Kerja-kerja pertukaran serta pembaikan ini akan dilaksanakan segera setelah peruntukan diterima.

iii. untuk makluman, tindakan penyelangaraan sedang dilaksanakan oleh pihak JKR yang mana kerja-kerja bermula dari 11 Ogos 2025 hingga

| TAHUN | TAJUK KERJA | KOS |
|---|---|---|
| 2025 | Kerja-Kerja Menaiktaraf Lampu Jalan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Laluan A14 (Jalan Tuanku Abdul Rahman) Di Daerah Kinta, Perak Darul Ridzuan | RM 500,000.00 |

3. Tentang projek pembinaan jabatan konkrit baharu, di Kg Tasek, Ipoh.

i. Sila jelaskan anggaran kos untuk projek ini?
ii. Sila jelaskan bilakah projek ini akan siap?
iii. Sila jelaskan objektif,kesan- kesan positif dan manfaat projek ini?

Jawapan Soalan 3

Projek ini tidak berkaitan dengan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW). Mohon rujuk kepada Agensi Pelaksana.

4. Tentang banjir kilat di DUN Bercham.

i. Sila jelaskan satu per satu punca utama banjir kilat ,sering berlaku di Taman Tasek Indra, Taman Seri Dermawan, Anjung Bercham Utama, Taman
kedai Jalan Tasek)?
ii. Merujuk soalan bahagian i , apakah rancangan atau langkah- langkah terdekat untuk menandatangani masalah- masalah ini mengikut lokasi masi
iii. Sila terangkan apakah projek-projek mengekang banjir kilat yang sedang ,atau bakal dilaksanakan di DUN Bercham?

Jawapan Soalan 4

**JAWAPAN 1**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Punca utama banjir kilat sering berlaku di beberapa kawasan ini adalah seperti berikut:

a. Taman Tasek Indera – Banjir kilat berlaku berpunca daripada longkang yang tidak mampu menampung kuantiti air disebabkan sampah yang te

b. Taman Seri Dermawan – Banjir kilat berlaku berpunca daripada kuantiti air dari jajaran longkang Taman Seri Gaya ke dalam longkang monsur

c. Anjung Bercham Utama – Banjir kilat berlaku berpunca daripada kedudukan taman yang terletak berdekatan dengan sungai. Apabila air su lebihan air melimpah ke atas jalan.

d. Taman Bercham Baru – Banjir kilat berlaku berpunca daripada longkang yang tidak mampu menampung kuantiti air disebabkan sampah yang

e. Taman Loke Lim – Banjir kilat berlaku berpunca daripada longkang yang tidak mampu menampung kuantiti air disebabkan sampah yang te Kangsar (di bawah Jabatan Kerja Raya) dan aliran air ke longkang tanah semula jadi di tepi bukit.

**JAWAPAN 2**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Rancangan dan langkah-langkah bagi mengatasi masalah di semua lokasi ini adalah seperti berikut:

a. Taman Tasek Indra – Memastikan pihak konsesi melaksanakan penyelenggaraan secara berterusan pada longkang kecil dan pembersihan lor

b. Taman Seri Dermawan – Bagi mengurangkan kesan banjir adalah dengan menyelenggara longkang monsun secara berterusan untuk memas yang berkaitan dan sedang mengkaji cadangan membina kolam tadahan pada rizab kawasan lapang di belakang Persiaran Tasek Timur 31.

c. Anjung Bercham Utama – Pihak Majlis Bandaraya Ipoh sedang melaksanakan penyelenggaraan pada *flap gate* dan pembersihan kolam tadah

d. Taman Bercham Baru – Memastikan pihak konsesi menyelenggara sistem longkang terbuka dan tertutup secara berterusan.

e. Taman Loke Lim – Majlis Bandaraya Ipoh akan melaksanakan pembersihan termasuk aliran semula jadi iaitu longkang tanah di tepi bukit dai pada *crossing* di bawah Jalan Kuala Kangsar.

**JAWAPAN 3**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Majlis Bandaraya Ipoh sedang melaksanakan projek menaik taraf sistem saliran di kawasan Industri Bercham bernilai RM1.4 juta bermula pada O Taman Kinta Mas bernilai RM0.5 juta juga sedang dilaksanakan bermula pada bulan Julai 2025 dan dijangka siap pada bulan Januari 2026. Manak masih dalam proses perolehan.

5. Tentang masalah jalan di DUN Bercham.

i. Sila jelas projek turap jalan yang akan dilaksanakan di DUN Bercham sertai dengan kos yang dianggar?
ii. Sila jelaskan jalan yang rosak teruk di Kawasan Peindustrian Tasek ( Persiaran Portland) dan Kawasan Perindustrian IGB ( Lebuh Perusahaan Kle
iii. Merujuk soalan bahagian ii, apakah sebab tiada kerja turapan dijalankan?

Jawapan Soalan 5

**JAWAPAN 1**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pada masa ini, pihak Majlis Bandaraya Ipoh telah merancang untuk memohon peruntukan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempata bawah kawasan DUN Bercham iaitu:

a. Jalan Persiaran Tasek, Kawasan Perindustrian Tasek iaitu sebanyak RM834,000.00;
b. Jalan Lebuh Perusahaan Klebang 4, Kawasan Perindustrian IGB iaitu sebanyak RM426,675.00;
c. Jalan-jalan sekitar di Taman Tawas Gemilang iaitu sebanyak RM171,600.00; dan
d. Jalan Tawas Baru Utara iaitu sebanyak RM250,000.00.

Perancangan ini akan dilaksanakan sekiranya pihak Majlis Bandaraya Ipoh menerima kelulusan permohonan tersebut pada tahun 2025.

**JAWAPAN 2**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Berdasarkan semakan, kerosakan jalan Persiaran Portland adalah berpunca daripada jajaran paip air Lembaga Air Perak yang mudah pecah dan m semula jalan tersebut adalah lebih baik dilaksanakan selepas selesainya pengalihan atau penggantian jajaran paip LAP yang lebih tahan terutama d

Pada bulan Jun 2025, pihak Majlis Bandaraya Ipoh telah melaksanakan pembaikan jalan secara berskala kecil di jalan tersebut bagi mengurangk memfokuskan / mengutamakan kerosakan-kerosakan yang kritikal di sepanjang jalan tersebut.

Untuk makluman, kerja penurapan semula di Lebuh Perusahaan Klebang 1 pernah dijalankan pada penghujung tahun 2024 setelah menerima k penurapan semula di jalan tersebut termasuk Lebuh Perusahaan Klebang 2 dan 4, pihak Majlis Bandaraya Ipoh akan memasukkan ke dalam senara

**JAWAPAN 3**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Majlis Bandaraya Ipoh menggunakan peruntukan MARRIS bagi menyelenggara jalan-jalan raya di bawah kawasan pentadbiran Majlis. Namun beg 2025 dan pecahan kerja adalah seperti berikut:

1. RM5,000,000.00 – Kontrak selenggaraan jalan, longkang, tandaan jalan, perabot jalan, lampu isyarat dan lampu jalan; dan

2. RM2,650,000.00 – Membaik pulih jambatan rosak di Jalan Tun Abdul Razak, Kampung Kuala Pari Hilir dan Kampung Kepayang, Fair Park.

Oleh yang demikian, kerja-kerja penurapan semula yang lengkap dan penuh bagi jalan-jalan di soalan i dan ii memerlukan peruntukan tambahan sar

**SOALAN-SOALAN LISAN**

1. Tentang kebajikan warga emas

i. Sila jelaskan terdapat berapakah rumah orang tua yang disediakan oleh pihak kerajaan di negeri Perak?

ii. Merujuk soalan bahagian i. Sila terangkan lokasi-lokasi rumah orang tua yang sedia ada?

iii.Sila jelaskan kriteria dan syarat untuk warga emas untuk mohon masuk menginap di rumah orang tua?

Jawapan Soalan 1

**Jawapan : JKM**

i. Terdapat sebanyak tiga(3) buah rumah orang tua di negeri Perak yang dikenali sebagai Rumah Seri Kenangan dan dikendalikan oleh kerajaan kh

ii. Berikut merupakan lokasi Rumah Seri Kenangan di Negeri Perak:

a. Rumah Seri Kenangan Taiping dalam daerah Larut,Matang dan Selama

b. Rumah Seri Kenangan Ulu Kinta dalam daerah Kinta

c. Rumah Seri Kenangan Seri Iskandar dalam daerah Perak Tengah

iii. Kriteria dan Syarat kemasukan ke Rumah Seri Kenangan seperti berikut:

a. Berumur 60 tahun dan ke atas

b. Berupaya mengurus diri sendiri

c. Tidak menghidap penyakit berjangkit

d. Tidak mempunyai tempat tinggal tetap

e. Tiada pendapatan

f. Tidak mempunyai sanak saudara/waris

g. Tidak mempunyai penyakit psikiatrik

2. Tentang KIGIP, LuMIC dan AHTV.

i Sila jelaskan apakah manfaat yang kini sedang dirasai oleh pihak kerajaan negeri, pelabur dan rakyat atas projek mega ini?

ii. Sila jelaskan apakah kesan 3 projek mega ini ,boleh merangsang ekonomi kawasan sekitar termasuk Ipoh, Teluk Intan,Kampar, Batu Gajah dan Ta

iii. Sila jelaskan dimanakah agensi, OSC atau jabatan yang boleh menjadi rujukan, untuk pelabur tempatan dan asing yang berminat atas projek meg

Jawapan Soalan 2

Untuk makluman Yang Berhormat Bercham,
Projek mega strategik seperti Kerian Integrated Green Industrial Park (KIGIP), Automotive Hi-Tech Valley (AHTV), dan Lumut Maritime Industrial City
tiga sudut utama:
1. Manfaat kepada Kerajaan Negeri :
a. Mengukuhkan kedudukan Perak dalam growth node nasional selaras dengan agenda Perak Sejahtera 2030.
b. Memberi sumber hasil baharu melalui pajakan tanah, cukai dan limpahan ekonomi.
c. Menjadikan Perak sebagai destinasi pelaburan strategik, sekaligus meningkatkan keyakinan pelabur dan Kerajaan Persekutuan terhadap keboleh

2. Manfaat kepada Pelabur :
a. Penyediaan infrastruktur asas (air, tenaga, logistik) yang kini sedang ditingkatkan di KIGIP, AHTV dan LuMIC telah memberi keyakinan kepada pel
b. Penawaran ekosistem industri yang bersepadu:
- KIGIP menyediakan platform industri hijau dan tenaga boleh diperbaharui.
- AHTV membentuk hab automotif berteknologi tinggi.
- LuMIC menempatkan ekosistem maritim, logistik dan tenaga.
- Pelabur mendapat kepastian dasar dan sokongan Kerajaan Negeri, sekaligus mengurangkan risiko operasi dan meningkatkan pulangan jangka pa

3. Manfaat kepada Rakyat :

a. Peluang pekerjaan telah mula diwujudkan melalui fasa awal pembinaan, meliputi sektor kejuruteraan, pembinaan, logistik dan perkhidmatan sokor
b. Komuniti setempat menikmati limpahan ekonomi melalui pertumbuhan PKS, perniagaan runcit, perkhidmatan dan hospitaliti.
c. Peningkatan kualiti hidup rakyat melalui pembangunan infrastruktur, kemudahan awam, dan peluang pendidikan serta latihan kemahiran (TVET) y
Walaupun projek-projek ini masih di fasa awal pembangunan, manfaatnya sudah mula dirasai secara nyata. Dalam jangka sederhana dan panjang, k
impak berganda (multiplier effect) kepada kerajaan negeri, pelabur dan rakyat secara inklusif.
Tiga projek mega strategik negeri Perak antaranya KIGIP, AHTV dan LuMIC berada di landasan positif untuk menjadi pemacu utama pembangunan

**1. Manfaat Projek Mega :-**
a. KIGIP : Hab industri hijau dan E&E dengan tenaga solar sebagai asas, dijangka siap sepenuhnya pada 2028. Ia akan menarik pelaburan bernilai t
b. AHTV: Dibangunkan bersama DRB-Hicom dan Geely sebagai hab automotif generasi baharu (NxGV) dan kenderaan efisien tenaga (EEV). Projek
global.
c. LuMIC: Zon industri maritim seluas 9,307 hektar dibangunkan dengan kerjasama Port of Antwerp-Bruges International (PoABI), berpotensi menari

**2. Kesan Limpahan Ekonomi ke Bandar-Bandar Sekitar :-**
a. Ipoh – Hab Pentadbiran, Perkhidmatan & Perdagangan : Sebagai ibu negeri, Ipoh akan menjadi pusat kawalan dan pengurusan pelaburan mega i
undang, audit, perundingan teknikal) yang berpangkalan
di Ipoh. Bandaraya ini juga akan berkembang sebagai hab gaya hidup untuk eksekutif antarabangsa dengan permintaan lebih tinggi terhadap perum

b. Teluk Intan – Logistik, Pertanian & Perdagangan Wilayah : Kedudukan Teluk Intan di selatan Perak menjadikannya sesuai sebagai simpul logistik l
ruang pasaran baharu untuk produk pertanian hiliran (contoh: agrofood, bahan asas biomas, bahan mentah tempatan) yang diproses untuk kegunaa
penyimpanan dan perkhidmatan pengangkutan darat, sekali gus memacu pertumbuhan PKS.

c. Kampar – Modal Insan, Pendidikan Tinggi & TVET : Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR) dan pusat-pusat
berkemahiran.Dengan keperluan baharu dalam bidang automotif pintar (AHTV), E&E (KIGIP) dan logistik maritim (LuMIC), kerjasama industri–akade
menjadikan Kampar sebagai “education-industrial hub” yang menghubungkan akademia dengan keperluan pasaran pekerjaan industri besar.

d. Batu Gajah – Perumahan, Utiliti & Penempatan Pekerja : Batu Gajah, berdekatan dengan Ipoh dan kawasan industri lain, akan berfungsi sebagai
kemudahan kesihatan, jaringan pengangkutan (ETS, jalan raya) dan utiliti asas akan dipacu oleh kemasukan pekerja. Dalam jangka sederhana,
Batu Gajah boleh berkembang menjadi bandar satelit dengan sokongan infrastruktur yang moden dan mesra pekerja.

e.Taiping – Industri Sokongan, Logistik & Pelancongan :
Taiping mempunyai sejarah sebagai bandar industri ringan dan logistik di utara Perak. Pertumbuhan LuMIC dan KIGIP akan meningkatkan permintaa
Kedudukannya yang strategik di lebuh raya utara-selatan menjadikan Taiping sebagai simpul logistik bagi penghantaran barangan antara utara Pera
merangsang sektor hospitaliti, pelancongan sejarah dan ekopelancongan (contohnya Taman Tasik Taiping, Bukit Larut), mewujudkan peluang pernia

Pada masa yang sama, pelabur domestik mahupun antarabangsa yang berminat dengan projek mega ini boleh merujuk kepada Perak Investment M
lanjut, panduan pelaburan, serta sokongan fasilitasi yang diperlukan.

Secara keseluruhannya, KIGIP, AHTV dan LuMIC bukan sahaja memacu pembangunan sektor perindustrian berskala besar, malah berperanan seba
Dengan limpahan peluang pekerjaan, pertumbuhan PKS, pembangunan modal insan serta peningkatan infrastruktur dan utiliti, Ipoh, Teluk Intan, Kar
sekali gus memastikan pertumbuhan ekonomi negeri bersifat inklusif, mampan dan seimbang.

3. Tentang pembangunan Kg Baru Cina

i. Sila jelaskan apakah sumber bantuan kewangan yang sedia ada, tidak kira dari pihak kerajaan pusat atau negeri, dan agensi untuk warga pendudu
perniagaan mereka lebih berdaya saing dan bermaya?

ii. Sila jelaskan apakah bantuan tidak kira kewangan atau bantuan teknikal serta publisiti daripada pihak agensi pelancongan kerajaan negeri, dalam
menarik pelancong?

iii. Sila jelaskan apakah contoh-contoh menarik , iaitu bakti-bakti yang telah disumbangkan oleh Kg Baru Cina sejak kerajaan negeri sekarang yang m

Jawapan Soalan 3

Tentang pembangunan Kg Baru Cina

**i. Sila jelaskan apakah sumber bantuan kewangan yang sedia ada, tidak kira dari pihak kerajaan pusat atau negeri, dan agensi untuk warg lebih berdaya saing dan bermaya?**

**Jawapan:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk menjawab soalan Bercham, ingin saya maklumkan dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Cina (PKBC). Di bawah Skim PKBC, terdapatnya Skim Pinjaman Mikro Kewangan dan Skim Pinjaman Mikro Kewangan Plus.

Untuk makluman semua, Skim Pinjaman Mikro Kewangan menawarkan pinjaman sebanyak RM5,000 hingga RM100,000 kepada peniaga-peni perniagaan yang dirangkumi termasuklah peruncitan dan pemborongan, pembuatan, dan perkhidmatan.

Selain itu, bagi peniaga-peniaga yang mempunyai rekod pembayaran balik yang baik untuk Skim Pinjaman Mikro Kewangan, mereka layak untuk me

**ii. Sila jelaskan apakah bantuan tidak kira kewangan atau bantuan teknikal serta publisiti daripada pihak agensi pelancongan kerajaan ne pelancong?**

**Jawapan:**

Untuk soalan kedua, sebenarnya ini agak tersasar daripada portfolio yang dipegang pejabat saya namun saya akan mencuba sedaya upaya untuk m

Di peringkat persekutuan, KPKT adalah sentiasa bersedia untuk membantu entiti, agensi dan NGO yang berkaitan untuk melaksanakan prog pelancongan di Kampung Baru.

Pelbagai inisiatif boleh dilaksanakan seperti penganjuran festival budaya, promosi produk komuniti, serta latihan teknikal dan keusahawanan bag setempat, malah turut memperkukuhkan identiti budaya Kampung Baru sebagai destinasi yang unik kepada pelancong tempatan dan antarabangsa.

Untuk pihak kerajaan negeri, pejabat saya juga telah memanfaatkan dana di bawah portfolio Hal Ehwal Bukan Islam untuk membantu JPKK yang se

Contohnya, pejabat saya telah menyumbang dana untuk menjayakan Raintree Art Market di Taiping pd tahun 2023 & 2024 demi merancakkan usaha

**iii. Sila jelaskan apakah contoh-contoh menarik, iaitu bakti-bakti yang telah disumbangkan oleh Kg Baru Cina sejak kerajaan negeri sekara**

**Jawapan:**

Untuk menjawab soalan ketiga, pejabat saya telah melaksanakan dua inisiatif pada tahun 2025, iaitu Program Pemerkasaan Kampung Baru Cina da

Kedua-dua inisiatif ini dilaksanakan bersama komuniti setempat melalui pendekatan bawah-atas (bottom-up) dan berteraskan konsep “place-mak platform dan sumber, manakala komuniti setempat menjanakan identiti budaya, sejarah, kraf tradisi, industri baharu dan pelancongan untuk meranca

Untuk makluman,Program Pemerkasaan Kampung Baru Cina telah berjaya mewujudkan satu platform yang kukuh untuk memacu pembangunan tahun ini adalah seperti berikut:-

1. Persatuan Rimba Kuala Sepetang, Taiping Perak
2. Pertubuhan Kebudayaan dan Kesenian Timur
3. JPKK Liman Kati
4. JPKK Matang
5. JPKK Bercham
6. JPKK Menglembu

Dana ini merangkumi penganjuran festival kebudayaan, acara larian, projek mural dan pelbagai inisiatif pembangunan komuniti yang meningkatkan k

Inisiatif kedua yang dilaksanakan pejabat saya adalah Ekspo Kampung Baru Cina Negeri Perak 2025 yang berlangsung dari 6 Jun hingga 8 Jun 202
mempamerkan daya saing dan identiti unik Kampung Baru Cina secara komprehensif.

Pelaksanaan ekspo ini telah menonjolkan aspek keusahawanan tempatan, hasil perniagaan, produk industri kecil yang inovatif serta mempromosika

Pada masa yang sama, penganjuran ekspo ini juga telah berjaya mengukuhkan keyakinan komuniti, khususnya golongan muda, terhadap potensi e
kembali dan berkecimpung dalam ekonomi Kampung Baru Cina.

Ekspo sebegini telah menunjukkan soft power negeri Perak. Apabila penggiat, pengusaha dan JPKK berganding bahu mempamerkan seni, budaya,
terlibat dalam kerja-kerja budaya, sejarah dan pemeliharaan warisan. Usaha ini amat penting untuk mengekalkan identiti masyarakat majmuk Perak

Kesimpulannya, sejak kerajaan perpaduan memimpin, sumbangan Kampung Baru Cina kepada negeri Perak adalah amat nyata sekali khususnya
iaitu dari bawah ke atas, bukan lagi di mana pihak atasan turunkan arahan sahaja.

Sekian, terima kasih.

Soalan Dari : YB ENCIK MUHAMMAD ZULFADLI BIN ZAINAL
Ahli Dewan Undangan Negeri : (SLIM )

**SOALAN-SOALAN BERTULIS**

1. KAFA
   1. Apakah usaha Kerajaan untuk naikkan elaun guru Kelas Al Quran dan Fardu Ain (KAFA) yang masih rendah sekitar RM1200?
   2. Adakah ada usaha kajian dan libat urus berkaitan pengurusan KAFA kearah gaji minima?
   3. Adakah khidmat guru yang lama sehingga 20 hingga 30 tahun tiada elaun tambahan?

<u>Jawapan Soalan 1</u>

Untuk makluman Yang Berhormat Slim, elaun Guru KAFA ditetapkan sebanyak RM1,100 sebulan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan ditamba
Pihak JAKIM telah mengambil inisiatif melaksanakan kajian serta sesi libat urus bagi tujuan penambahbaikan menyeluruh terhadap semua aspek berkaitan progra

Untuk makluman Yang Berhormat juga, buat masa ini, tiada elaun tambahan khusus diberikan kepada guru KAFA yang telah berkhidmat antara 20 hingga 3(
peruntukan secara *one-off* kepada negeri melalui Persatuan Pengurusan KAFA Negeri Perak.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Perak akan menubuhkan sebuah *Task Force* yang akan dianggotai oleh pihak-pihak berkaitan untuk meneliti semula isu-is

2. KUATERS GURU ( lisan )
   1. Adakah Kerajaan boleh nyatakan jumlah kuaters guru yang tidak berpenghuni di Perak dan khusus di Daerah Muallim dan Batang Padang?
   2. Adakah Kerajaan mempunyai jalan penyelesaian untuk memenuhkan penghuni di kuaters guru?
   3. Adakah polisi Kerajaan tidak membenarkan selain kakitangan Kerajaan untuk menduduki kuaters guru?

<u>Jawapan Soalan 2</u>

1. Adakah Kerajaan boleh nyatakan jumlah kuarters guru yang tidak berpenghuni di Perak dan khusus di Daerah Muallim dan Batang Padan

1.1 Jumlah keseluruhan kuarters guru bawah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Perak adalah sebanyak 3,865 unit. Daripada jumlah tersebu
unit (70.12)% dengan pecahannya seperti berikut:

(i) 1,125 unit berada dalam keadaan baik dan boleh diduduki; dan

(ii) 1,585 unit telah rosak dan tidak boleh diduduki.

1.2 Di daerah Muallim terdapat 142 unit kuarters dengan 84 unit (59.15%) sedang diduduki. Baki sebanyak 58 unit (40.85%) tidak berpenghu

(i) 6 unit berada dalam keadaan baik dan boleh diduduki; dan

(ii) 52 unit adalah rosak serta tidak boleh diduduki.

1.3 Manakala di daerah Batang Padang, terdapat 344 unit kuarters dan sebanyak 162 unit (47.09%) sedang diduduki. Baki sebanyak 182 ur

i. 82 unit dalam keadaan baik dan boleh diduduki; dan

ii. 100 unit rosak dan tidak boleh diduduki.

2. Adakah kerajaan mempunyai jalan penyelesaian untuk memenuhkan penghuni di kuarters guru?

2.1 Untuk makluman tuan, Kementerian Pendidikan (KPM) dan JPN Perak sentiasa mengambil inisiatif untuk memastikan kuarters guru didu mengoptimumkan penggunaan Kuarters Guru tidak berpenghuni milik KPM yang telah dijalankan oleh konsultan lantikan KPM. Antara intipati k pendidikan melalui prosedur tukar fungsi, guna sama dengan agensi lain, sewaan awam dan syor roboh. JPN Perak sedang mengkaji dan mera

2.2 Selain itu, antara isu utama kuarters tidak berpenghuni adalah disebabkan keadaan kuarters yang uzur, faktor jarak kuarters dengan tem lain faktor yang menyebabkan tiada permintaan dari kalangan warga pendidik dan kakitangan pendidikan yang lain. Walau bagaimanapun, JP tahun bagi mengatasi isu kuarters berpenghuni yang rosak/uzur. Mulai penghujung tahun 2024, KPM juga telah menyalurkan peruntukan bagi k untuk diduduki.

2.3 Pada 11 Julai 2025, KPM telah meluluskan penggunaan kuarters secara guna sama di seluruh negara dengan agensi di bawah Kemente

2.4 Dasar atau garis panduan pengurusan kuarters yang dikeluarkan oleh KPM yang sedang berkuat kuasa turut membenarkan permohona permohonan hendaklah dikemukakan ke KPM atau melalui JPN Perak. Di Perak, pihak KPM telah meluluskan permohonan penyewaan kepad Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Perak. Pihak KPM juga baru meluluskan permohonan penyewaan kepada NGO yang berdaftar iaitu Yayasan Rumah Guru Seri Setia, Teluk Intan bagi tujuan menjadikan pusat kecemerlangan dan tuisyen percuma bagi pelajar di seluruh Hilir Perak untu kakitangan Kerajaan dari lain-lain Jabatan.

3. Adakah polisi Kerajaan tidak membenarkan selain kakitangan Kerajaan untuk menduduki kuarters guru?

Buat masa ini, garis panduan pengurusan Kuarters KPM yang sedang diguna pakai tidak membenarkan kuarters diduduki oleh individu selain k permohonan untuk menduduki kuarters yang kosong sebagai penginapan atau lain-lain tujuan yang bersesuaian. Semua permohonan hendakla

**SOALAN-SOALAN LISAN**

1. Komuter
Komuter Utara telah dilanjutkan ke Ipoh sejak September 2023, tetapi laluan komuter Selatan (Tanjong Malim ke Klang). Laluan inni penting untuk m

1. Adakah Kerajaan negeri telah mengemukakkan permohonan rasmi kepada Kementerian Pengangkutan dan pihak KTMB untuk menyambung lalu dan Pembangunan AHTV?
2. Apakah status kajian atau pelan perlaksanaan sambungan tren komuter antara Ipoh ke Tanjong Malim, dan bilakah dijangka dimulakan?

<u>Jawapan Soalan 1</u>

1) Kerajaan Negeri sentiasa peka di dalam meningkatkan kemudahan pengangkutan awam untuk rakyat Negeri perak.
2) Dalam konteks ini, pihak Kerajaan Negeri telah mengadakan sesi libat urus dengan pihak KTMB di dalam memperluaskan akses perkhidmatan k maklum bahawa untuk memperluaskan akeses perkhidmatan komuter, pihak KTMB mempunyai kriteria-kriteria yang perlu dipatuhi antaranya potens
3) Pada ketika ini, didapati potensi penumpang di laluan ini masih rendah dan pada masa yang sama, keperluan tersebut boleh menampung melalui pe
4) KTMB telah meneliti cadangan pelan penyambungan perkhidmatan Komuter Ipoh – Tanjung Malim memandangkan terdapat poten
5) Walau bagai mana pun, hasil penilaian mendapati jumlah potensi penumpang di laluan ini masih kecil dan pada masa ini keperluar
6) Faktor kekangan utama juga adalah disebabkan bilangan set tren Komuter yang terhad, di samping keperluan menyeimbangkan j
7) Buat masa ini, pelaksanaan sambungan Ipoh – Tanjung Malim belum dapat dipertimbangkan

2. 1. Kajian Semula Rancangan Struktur Negeri (RSN) dalam Pembangunan Perak Sejahtera 2030.

Adakah Kerajaan mengambil kira pemulihan pembinaan bangunan atau perumahan yang terbengakalai?
2. Adakah Kerajaan akan bertindak mengambil semula tanah Kerajaan yang didiami sementara atau yang telah diceroboh?
3. Adakah Kerajaan boleh nyatakan tempoh masa yang terperinci dalam menjayakan kajian RSN.

<u>Jawapan Soalan 2</u>

Untuk makluman Yang Berhormat Slim, Kajian Semula Rancangan Struktur Negeri (RSN) Perak yang sedang dilaksanakan adalah selaras dengan agenda pe pengurusan guna tanah yang berkesan. Berhubung soalan berkaitan projek pembinaan bangunan atau perumahan yang terbengkalai, Kerajaan Negeri mengambil m awam dan pembangunan setempat.

Sehubungan itu, kajian semula RSN Perak turut akan mengambil kira keperluan pemulihan projek-projek terbengkalai sebagai salah satu isu utama yang perlu ditan

Langkah-langkah yang sedang diberi perhatian termasuk:

i. Pemetaan semula dan inventori projek terbengkalai di seluruh negeri, khususnya yang melibatkan kawasan perumahan dan pembangunan bercampur;

ii. Semakan semula dasar dan garis panduan pembangunan untuk mengenal pasti pendekatan terbaik dalam menggalakkan pemulihan oleh pemaju sedia ada atau pen

iii. Kerjasama antara agensi teknikal dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menilai semula kesesuaian guna tanah dan potensi penyesuaian semula projek terben

iv. Penyediaan cadangan dasar insentif pemulihan semula (*redevelopment*), termasuk kemungkinan insentif pembangunan atau pengecualian tertentu, tertakluk kepada

Melalui pendekatan ini, Kerajaan Negeri berhasrat memastikan aset pembangunan sedia ada tidak terbiar begitu sahaja, sebaliknya dimanfaatkan semula secara str tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kerajaan Negeri sentiasa memandang serius isu pencerobohan atau pendudukan sementara ke atas tanah milik Kerajaa kebenaran yang sah.

Dalam menangani isu ini, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan berstruktur melalui Dasar Penyelesaian Setinggan Kediaman dengan menekankan penggunaan L kaedah pemutihan. Kedua-dua mekanisme ini memberi ruang kepada peneroka untuk menduduki tanah secara sah dalam tempoh terhad, namun tanpa jaminan tapak pencerobohan tanah yang tidak sesuai untuk penempatan.

Langkah-langkah yang diambil ini menggambarkan komitmen Kerajaan Negeri untuk memastikan setiap inci tanah milik Kerajaan diurus secara teratur dan n digariskan dalam Pelan Perak Sejahtera 2030.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kajian Semula Rancangan Struktur Negeri (RSN) Perak 2040 akan menzahirkan dokumen perancangan strategik yang pe menyemak semula dasar-dasar fizikal, guna tanah dan pembangunan jangka panjang bagi memastikan pertumbuhan negeri berlaku secara mampan, terancang dan i

Kajian yang dijalankan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan (PLANMalaysia Perak) dan Pejabat Projek Zon Tengah (PLANMalaysia) dalam empat (4) fasa iaitu:

i. Peringkat Laporan Awal – 2 bulan

ii. Peringkat Laporan Tinjauan – 5 bulan

iii. Peringkat Draf Awal RSN Perak (Kajian Semula) – 3 bulan

iv. Peringkat Draf RSN Perak (Kajian Semula) – 2 bulan

Secara keseluruhannya, kajian ini adalah selari dengan keperluan semakan semula setiap 10 tahun seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Perancangan Ban dengan mengambil kira input daripada pelbagai pihak serta perkembangan semasa bagi memastikan RSN yang disemak semula benar-benar relevan dan berkesan s

Soalan Dari : YB ENCIK ROSLI BIN ABD RAHMAN
Ahli Dewan Undangan Negeri : (PASIR PANJANG )

**SOALAN-SOALAN LISAN**

1. a. Berapakah bilangan Sekolah Harian Kerajaan (Rendah dan Menengah) yang menawarkan pendidikan khas di Daerah Manjung?

   b. Berapakah jumlah pelajar yang sedang mengikuti pendidikan khas (menengah dan rendah) di sekolah-sekolah harian di Daerah Manjung?

   Jawapan Soalan 1

   Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 16 buah Sekolah Kebangsaan, 4 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan 11 buah Sekolah Menengah semua sekolah berkenaan adalah seperti di lampiran.

2. a. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menjamin pembangunan Ekonomi BIru di Perak benar-benar memberi impak p berkaitan?

   b. Sejauh manakah kejayaan langkah-langkah dan pendekatan yang diambil?

   Jawapan Soalan 2

Terima kasih di atas soalan yang dikemukakan mengenai usaha Kerajaan Negeri Perak dalam memastikan pembangunan Ekonomi Biru yang mampan, khususnya dalam menyokong komuniti pesisiran pantai, nelayan tradisional serta industri makanan dan asas tani dalam sektor perikanan.

Tuan Yang Dipertua

Kerajaan Negeri telah mengambil pelbagai langkah strategik bagi memastikan Ekonomi Biru berkembang secara lestari dan memberi manfaat langsung kepada golongan sasar tersebut. Ekonomi Biru merupakan konsep pembangunan ekonomi yang menitikberatkan pemanfaatan sumber laut secara berterusan demi memastikan kelestarian sumber perikanan untuk generasi akan datang. Sektor akuakultur, sebagai salah satu cabang utama Ekonomi Biru, memiliki potensi besar untuk membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan masyarakat pesisir, sambil mengekalkan keseimbangan ekosistem marin.

Sebagai bukti komitmen, Kerajaan Negeri telah melancarkan Hala Tuju Ekonomi Biru Perak pada Februari 2025 di Lumut, dengan objektif utama menjadikan Perak sebagai hab utama Ekonomi Biru di Malaysia. Pelan ini bertumpu kepada pengoptimuman pelbagai sumber asli negeri seperti garis pantai sepanjang 397.5 kilometer, 32 pulau kecil, sungai sepanjang 400 kilometer serta hutan bakau seluas 42,700 hektar.

Salah satu projek utama yang telah dilaksanakan adalah Kebun Kerang Lekir, hasil kerjasama Jabatan Perikanan Malaysia Negeri Perak. Projek ini berperanan meningkatkan ekonomi masyarakat pesisir Pantai dengan mengurangkan peratusan golongan B40 dari 87.3% kepada 67.3%, sekaligus menaikkan kadar golongan M40 daripada 8.9% kepada 27.4%. Di samping itu, pembangunan kebun kerang turut sedang giat dilaksanakan di beberapa daerah lain seperti Kerian, Larut Matang, dan Hilir Perak di Bagan Datuk.

Kerajaan Negeri juga sedang dalam proses mewartakan kawasan kebun kerang sebagai Zon Industri Akuakultur (ZIA), yang akan mengukuhkan jajaran pesisiran pantai Perak sebagai pusat utama ternakan kerang. Inisiatif ini bukan sahaja akan merancakkan aktiviti akuakultur negeri tetapi juga meningkatkan pengeluaran kerang serta memberikan manfaat ekonomi yang berterusan kepada komuniti setempat.

Di bawah sektor Ekonomi Biru, sektor perikanan memainkan peranan penting di mana Perak telah menyumbang sebanyak 22.8% daripada jumlah pengeluaran perikanan negara pada tahun 2023, dengan hasil pendaratan ikan laut berjumlah RM2.53 bilion dan menjadi pengeluar utama kerang

sebanyak 14,500 tan metrik. Ini menggambarkan potensi pendapatan tinggi kepada komuniti nelayan tradisional yang terlibat dalam aktiviti penangkapan ikan laut dan pengeluaran hasil kerang. Nelayan tradisional kini turut diberikan peluang untuk melibatkan diri secara langsung dalam sektor Ekonomi Biru melalui projek kebun kerang di sepanjang jajaran pesisir pantai negeri.

Kesemua inisiatif dan usaha ini adalah bukti komitmen Kerajaan Negeri dalam memastikan pertumbuhan Ekonomi Biru yang inklusif dan mampan, sejajar dengan aspirasi untuk meningkatkan kualiti hidup komuniti pesisir pantai serta menjana pendapatan yang berterusan bagi menjamin kesejahteraan mereka.

Sekian, terima kasih.

3. Kecenderungan Pegawai Perubatan dan Jururawat Terlatih dan berpengalaman meletak jawatan dari hospital kerajaan semakin membimbangkan.

a. Berapakah jumlah Pegawai Perubatan dan Jururawat Terlatih meletak jawatan dari hospital kerajaan di negeri Perak?

b. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membantu Kementerian Kesihatan menarik minat golongan profesional ini agar r

Jawapan Soalan 3

**JAWAPAN :**

Dato' Yang Dipertua,

Untuk makluman YB Pasir Panjang, tidak dapat dinafikan wujud kecenderungan Pegawai Perubatan dan Jururawat Terlatih negeri Perak. Perkara ini sememangnya bukan berlaku di negeri Perak sahaja tetapi menjadi isu kritikal di setiap negeri. Ia b lebih menarik di sektor swasta dan luar negara. Pihak kerajaan negeri sentiasa peka dan memberikan perhatian serius agar is kerajaan.

(a) Berikut adalah jumlah peletakan jawatan Pegawai Perubatan (bukan pakar) dan Jururawat Terlatih untuk tempoh 2023 – Jur

| Bil | Jawatan | Tahun | | |
|---|---|---|---|---|
| | | 2023 | 2024 | 2025 (sehingga Jun) |
| 1 | Pegawai Perubatan | 103 | 133 | 53 |
| 2 | Jururawat Terlatih | 30 | 31 | 12 |

(b) Bagi menjawab soalan kedua Yang Berhormat ,

Pihak kerajaan merancang dan memperkenalkan beberapa inisiatif bagi memastikan Pegawai Perubatan dan Jururawat Terlatil diberikan kepada Pegawai Perubatan dan Jururawat Terlatih bagi memastikan mereka terus kekal bertugas di bawah Kementer

i. Pegawai Perubatan dan Jururawat Terlatih lantikan kontrak yang menunjukan prestasi kerja yang baik akan ditawarkan ke berkenaan selain minat untuk terus kekal dalam perkhidmatan awam meningkat.

ii. Pegawai Perubatan dan Jururawat Terlatih yang bertugas syif diberikan tempoh bekerja yang lebih pendek iaitu 42 jam Perkhidmatan Awam (SSPA) dengan matlamat untuk menjaga kebajikan mereka atas beban tugasan yang besar dan menca Malaysia masih mempertahankan keputusan berikut agar kebajikan pegawai-pegawai terlibat terpelihara sepenuhnya.

iii. Pemberian elaun kritikal kepada semua Pegawai Perubatan agar ia menjadi suntikan input kepada kesungguhan bekerja di

iv. Kenaikan pangkat secara time based bagi Pegawai Perubatan. Perancangan dan pelaksanaan ini penting bagi memberi j dan peningkatan taraf dalam perkhidmatan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS**

1. a. Apakah status terkini pembangunan fizikal LuMIC dan Perak Halal Industrial Park (HIP) yang dibangunkan di Daerah Manjung?

   b. Sehingga kini, di peringkat awal pembangunan, berapakah jumlah pekerjaan yang berjaya ditawarkan oleh kedua-dua projek mega ini?

   Jawapan Soalan 1

   **Jawapan**

   i. Apakah status terkini pembangunan fizikal LuMIC dan Perak Halal Industrial Park (HIP) yang dibangunkan di Daerah Manjung

**Pembangunan Lumut Maritime Industrial City (LuMIC) :**

Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) telah memeterai usahasama dengan pihak Port of Antwerp-Bruges International (PoABI) pada Pembangunan kawasan perindustrian maritim LuMIC ini merangkumi 7 lokasi tapak iaitu LuMIC 1, LuMIC 2, LuMIC 3, LuMIC 4, LuMIC 5, LuMI 50,000 peluang pekerjaan.

Sehingga kini, *milestone* penting dalam pembangunan fizikal LuMIC adalah seperti berikut :

i. Jemaah Menteri telah meluluskan pajakan tanah Persekutuan seluas 155.57 ekar kepada PKNPk selama 99 tahun bagi pembangunan LuMI

ii. Pembangunan projek Terminal Regasifikasi RGT-3 yang dijangka menjadi pemangkin kepada pembangunan LuMIC. Pembangunan pro pemprosesan gas asli cecair (LNG) setara dengan RGT Sungai Udang, Melaka, dan RGT Pengerang, Johor. Projek ini dijangka menjadi pem menyokong hala tuju pelan pembangunan Perak Sejahtera 2030. Projek ini dianggarkan mampu mewujudkan kira-kira 3,000 peluang pekerja

Kelulusan di kedua-dua peringkat Persekutuan dan Negeri ini jelas membuktikan komitmen serta sokongan penuh kerajaan kepada PKNPk da terdekat. PKNPk kini bersedia untuk menjadikan LuMIC pemangkin utama transformasi struktur ekonomi negeri, memacu inovasi, menjana pe antarabangsa, dan pelaksanaan strategik, LuMIC berpotensi muncul sebagai nod utama maritim serantau dan simbol kebangkitan ekonomi hijau b

i. Sehingga kini, di peringkat awal pembangunan, berapakah jumlah pekerjaan yang berjaya ditawarkan oleh kedua-dua projek mega ini?

**Pembangunan Lumut Maritime Industrial City (LuMIC) :**

-

Melalui Program Pelatih Lumut Maritime Industrial City yang memfokuskan kepada pembangunan bakat, PKNPk telah bekerjasama dengan inst transformatif dalam kalangan graduan di peringkat ijazah dan sarjana di Malaysia khususnya di bidang TVET. Sebanyak tiga belas (13) orang pe kini, empat (4) orang telah dilantik sebagai kakitangan LuMIC Development Sdn Bhd bagi meneruskan pengurusan fasa awal pembangunan dan p

Di samping itu, pembangunan projek Terminal Regasifikasi RGT-3 turut membuka peluang pekerjaan baharu dalam bidang TVET. Projek ini dija pekerjaan sebaik sahaja siap dibangunkan.

Selari dengan kemajuan projek ini pada masa hadapan, PKNPk optimis lebih banyak peluang pekerjaan ditawarkan kepada rakyat negeri Perak dan seterusnya menyokong agenda utama koridor TVET Malaysia iaitu dengan membawa masuk modal insan berkemahiran tinggi. Inisiatif ini buk pemindahan teknologi di negeri Perak.

2. a. Apakah status cadangan mewujudkan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) di Daerah Manjung?

   b. Mohon "update" status cadangan mengambil alih Pearl Harbour International School di Seri Manjung untuk dijadikan Kolej Tingkatan Enam di Dae

Jawapan Soalan 2

a. Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh (BPSBP) KPM memaklumkan bahawa buat masa ini masih belum ada perancangan bagi mewu
sekolah asrama penuh di Segari telah dimohon tukar guna oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi cadangan membina sebuah politeknik di ta

B. Permohonan bagi pembelian bangunan dan tapak seluas 15 ekar Pearl Harbour International School bagi cadangan mewujudkan sebuah Kolej Ti
Malaysia ke-13 (RMK13) Rolling Plan 1 (RP1) untuk dipertimbangkan kelulusan. Senarai kelulusan hanya akan diketahui setelah pembentangan baj

3. a. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan anak-anak Perak mengisi jawatan-jawatan dalam industri mega ya

b. Adakah PASAK mengenalpasti bidang kursus-kursus yang diperlukan oleh industri-industri mega yang bakal beroperasi di Negeri Perak? Sudahka

Jawapan Soalan 3

**JAWAPAN :**

Untuk makluman Yang Berhormat Pasir Panjang,

Demi memastikan anak muda Perak mengisi kekosongan dalam industri-industri mega negeri Perak, kerajaan negeri mengamb
satunya adalah dengan menjalankan program latihan yang berkesan.

Kerajaan negeri melalui PASAK secara aktif menjalankan sebelas (11) program latihan kemahiran dengan melihat kepada ke
dimaksudkan ini ialah:

I. Program TVET Modular Industri;

II. Program TVET Mahir Kerja;

III. Program TVET OKU;

IV. Program TVET Orang Asli;

V. Program TVET Anak Yatim;

VI. Program TVET Warga Emas;

VII. Program TVET Pelancongan;
VIII.
IX. Program TVET Tahfiz;

X. Program TVET Usahawan;

XI. Program TVET Desa Mahir, dan;

XII. TVET Exchange Program.

Program-program ini merupakan program latihan jangka masa pendek yang membuka peluang kepada rakyat untuk mempe
bertauliah. Setiap peserta akan dilatih dengan modul-modul yang mengikut acuan industri, Melalui program TVET ini, pese
sebanyak RM200 hingga RM300 bergantung pada jenis latihan, dan memperoleh sijil yang diiktiraf oleh kerajaan negeri. Ini de
dalam industri mega yang sedang dibangunkan kerajaan negeri.

Selain itu, kerajaan negeri turut menjalankan program kesedaran yang mampu menarik minat anak muda untuk menceburi TVE
telah dijalankan sebanyak tiga (3) kali seperti yang berikut:

| TAHUN | PROGRAM | LOKASI | PENGUNJUNG |
|---|---|---|---|
| **2025** | Jelajah AIM TVET *with* Cikgu Saarani | Tapah | 2,385 orang |
| | Jelajah AIM TVET *with* Cikgu Saarani | Lenggong | 315 orang |
| | Jelajah AIM TVET *with* Cikgu Saarani | Gerik | 195 orang |
| | | **JUMLAH PENGUNJUNG:** | **2,895 orang** |

Jelajah AIM TVET *with* Cikgu Saarani Siri Keempat akan dijalankan pada bulan September 2025. Siri keempat ini akan mempe
TVET secara besar-besaran. Dengan menghimpunkan sebanyak lapan (8) kategori pertandingan kemahiran, pameran TVE
kerajaan negeri yakin ia dapat menarik lebih ramai anak muda Perak untuk menceburi bidang TVET dan memilih TVET sebaga
negeri Perak.

Tambahan pula, kerajaan negeri melalui PASAK juga menjalankan program-program kerjaya seperti Jelajah Kerjaya Perak Seja
bertujuan untuk membantu industri-industri tempatan mendapatkan tenaga kerja yang berkualiti, di samping membantu rakyat P
setiap tahun yang merangkumi setiap daerah dalam negeri Perak supaya dapat memperluaskan akses kepada penduduk seten

Berikut merupakan Jelajah Kerjaya Perak Sejahtera yang pernah dijalankan pada tahun 2025:

| Tahun | Program | Majikan | Pencari Kerja |
|---|---|---|---|
| **2025** | Karnival MyFutureJobs @ Bagan Datuk | 21 majikan | 413 orang |
| | Karnival Kerjaya MyFutureJobs Perak Sejahtera @ Sungai Siput | 13 majikan | 270 orang |
| | Jelajah Kerjaya Perak Sejahtera @ Daerah Muallim | 15 majikan | 172 orang |
| | Jelajah Kerjaya Perak Sejahtera Zon Manjung & Perak Tengah | 16 majikan | 500 orang |
| | | **Jumlah Pencari Kerja:** | **1,355 orang** |

***Jadual: Program Jelajah Kerjaya Perak Sejahtera***

Berdasarkan statistik PERKESO, dari tempoh Januari hingga 22 Ogos 2025, bilangan kekosongan jawatan aktif yang diiklanka
jumlah tersebut, sebanyak 4,750 kekosongan jawatan aktif di negeri Perak. Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalu
meningkatkan peluang pekerjaan dalam kalangan pencari kerja termasuk anak-anak Perak, sekaligus dapat mengisi kekoson
Tinggi Automotif (AHTV) Tanjung Malim, Bandar Perindustrian Maritim Lumut (LuMIC) dan Taman Perindustrian Hijau Bersepad

I. Melaksanakan Program Daya Kerjaya 3.0 yang merupakan satu insentif penggajian di bawah Belanjawan 2025 yang diberi
sasar dalam kalangan golongan mudah terjejas seperti bekas banduan dan Orang Kurang Upaya (OKU). Insentif khas ini ad
daripada kumpulan sasar ini. Berdasarkan statistik PERKESO, dari tempoh permohonan dibuka pada 1 Januari sehingga 3
seramai 1,454 orang pekerja. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 505 orang pekerja telah diluluskan dan sebanyak 10 pek
berjumlah RM12,000.

II. Mempergiatkan Karnival Kerjaya kepada pencari kerja tempatan. Berdasarkan statistik PERKESO, dari tempoh Januari sehi
Kerjaya termasuk sesi temuduga harian dan mingguan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 261 program telah dilaksan
Daripada jumlah tersebut, seramai 5,418 orang pencari kerja telah berjaya mendapatkan pekerjaan. Manakala 3,488 orang

III. Melaksanakan program-program kebolehpasaran pekerjaan bagi menarik perhatian dan minat golongan muda seperti Karni
Program Profiling Golongan Sasar, Bengkel Kebolehpasaran Pekerjaan, Kaunseling Kerjaya dan pelbagai program berteras

Selain itu, PERKESO juga menyediakan faedah insurans pekerjaan bagi membantu Orang Berinsurans (OB) yang kehil
*and upskilling)* di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800] agar kebolehpasaran dalam kalangan mereka lebih ti

I. Pembiayaan yuran latihan yang dibayar terus kepada penyedia latihan yang terpilih pada kadar maksimum sehingga RM4,00

II. Menyediakan elaun latihan kepada Orang Berinsurans (OB) pada kadar harian sebanyak RM10 hingga RM20. Bagi mel
latihan yang telah ditetapkan.

III. Menyediakan program peningkatan kemahiran *(upskilling)* dan latihan semula *(reskilling)* dengan tujuan membantu Orang B
meningkatkan kebolehpekerjaan *(employability)* selaras dengan permintaan pasaran buruh semasa. Berdasarkan statistik
untuk menjalani program peningkatan kemahiran *(upskilling)* dan latihan semula *(reskilling)* di bawah program Sistem Insur
untuk menjalani program latihan dan seramai 2,094 peserta mendapat pekerjaan. Daripada jumlah tersebut, seramai 249 t
negeri Perak.

**<u>JAWAPAN B :</u>**

Kerajaan negeri melalui PASAK telah mengenal pasti bidang kursus-kursus yang diperlukan oleh industri-industri mega yang
strategik dengan badan-badan kerajaan, institusi latihan, dan pemain-pemain industri di daerah Muallim melalui Mesyuarat Ja
tahun 2025. Jawatankuasa Pekerjaan Wilayah Selatan ini melibatkan kerjasama daripada pihak Majlis Daerah Tanjung Mali
Kolej Komuniti Chenderoh, PSAS, Kolej Vokasional, serta institusi latihan dan pemain industri yang lain.

Jawatankuasa Pekerjaan Wilayah Selatan ditubuhkan bagi membendung isu utama industri tempatan, iaitu kekurangan te
penawaran tenaga mahir di antara institusi latihan dengan industri di kawasan ini. Demikian supaya, tenaga mahir yang dila
Apabila peluang latihan kemahiran dan peluang pekerjaan di daerah ini dapat diselaraskan, pertumbuhan ekonomi di kawasan

4. a. Berapakah jumlah produk Negeri Perak yang dihasilkan oleh usahawan tempatan yang berjaya menembusi pasaran luar negara?

b. Mohon nyatakan usahawan terbabit dan jenis produk yang dihasilkan.

<u>Jawapan Soalan 4</u>

**Prestasi Eksport Negeri Perak (Jan–Julai 2025)**

Berdasarkan data daripada MATRADE sehingga Julai 2025, jumlah eksport negeri Perak mencatatkan nilai sebanyak RM3.97 juta, menunjukkan pe produk ke 40 buah negara di seluruh dunia.

**Komposisi Eksport Mengikut Produk**

Produk eksport utama dari Perak adalah seperti berikut:

1. Bahan Mentah Tidak Boleh Dimakan (Crude Materials, Inedible) merupakan penyumbang terbesar, dengan 74.3% daripada jumlah eksport.

2. Minyak dan Lemak Haiwan serta Sayuran (Animal and Vegetable Oils and Fats) menyumbang 1.7%.

3. Mineral sebanyak 1.5%.

4. Produk Pembuatan (Manufactured Goods) dan Bahan Kimia (Chemicals) masing-masing menyumbang 1.3%.

5. Produk lain menyumbang bahagian yang lebih kecil dalam jumlah keseluruhan eksport.

**5 Negara Pasaran Utama Mengikut Nilai Eksport**

Negara-negara utama destinasi eksport dari Perak adalah:

1. China – RM1.5 juta (-19.5% berbanding sebelumnya)

2. Vietnam – RM0.9 juta (-6.3%)

3. Indonesia – RM0.3 juta (+13.2%)

4. Kenya – RM0.3 juta (+899.3%) – peningkatan ketara

5. India – RM0.2 juta (-85.8%)

Peningkatan drastik eksport ke Kenya mencerminkan pembukaan pasaran baharu atau permintaan yang meningkat secara mendadak dalam tempo

**Prestasi Tahunan Dagangan Perak (2015–2025)**

Melalui graf "Perak's Trade in All Products", dapat dilihat trend dagangan seperti berikut:

Eksport tertinggi dicatatkan pada tahun 2021 (RM12.69M).

Tahun 2025 (sehingga Julai) menunjukkan penurunan kepada RM3.97M.

Jumlah dagangan keseluruhan dan import juga mengalami penurunan selari dengan eksport.

Kesimpulan

Prestasi eksport Perak pada 2025 menunjukkan cabaran yang perlu ditangani, terutamanya dengan penurunan melebihi 30%. Namun begitu, terdap Indonesia. Langkah strategik boleh difokuskan kepada kepelbagaian produk eksport dan pengukuhan pasaran baharu untuk meningkatkan semula p

Berikut adalah sebahagian usahawan / syarikat yang telah berjaya memasarkan produk mereka ke luar negara.

| BIL. | USAHAWAN | PRODUK |
|---|---|---|
| 1 | Ameen Products Sdn Bhd | Kordial Minuman |
| 2 | Syilis Food Manufacturing Sdn Bhd | Sambal (RTE) |
| 3 | Team Some Sdn Bhd | Produk Sejuk Beku |
| 4 | CWP Food Manufacturing | Makanan Ringan |
| 5 | Zaktar Group Sdn Bhd | Minuman (RTD) Kesihatan |
| 6 | M & S Food Industries Sdn Bhd | Santan |
| 7 | Imperia Asia International | Minuman (RTD) Kesihatan |
| 8 | Mama Keen Empire | Rempeyek |
| 9 | Anramin Industry (M) Sdn Bhd | Produk Susu Tepung |
| 10 | Dunita International Sdn. Bhd (Medic Pets) | Produk Kesihatan Haiwan |
| 11 | World Marketing Work Sdn Bhd | Produk Susu Tepung |
| 12 | Che' Din Food Industries | Produk Makanan Dalam Tin |
| 13 | Suffy Dairy Group Sdn Bhd | Produk Susu Tepung |
| 14 | As Suffiyah Collection Sdn Bhd | Pakaian Muslimah |

5. a. Apakah langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam usaha pembasmian miskin dan miskin tegar di Negeri Perak?

b. Sejauh manakah langkah-langkah dan pendekatan diambil berjaya?

Jawapan Soalan 5

**a. Apakah langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam usaha pembasmian miskin dan miskin tegar di Negeri Perak?**

Jawapan :

JKM menyediakan perkhidmatan bantuan kewangan kepada mana-mana individu/keluarga yang layak dan memenuhi syarat-syarat kelayakan yang kepada JKM di peringkat daerah tempat pemohon tinggal.

Sebagai usaha untuk membasmi miskin dan miskin tegar, JKM berperanan sebagai agensi pemberi bantuan yang terlibat secara langsung dengan bagi pertimbangan bantuan kewangan bulanan tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan umum yang ditetapkan iaitu :

i) Warganegara dan bermastautin di Malaysia;

ii) Pendapatan isi rumah tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Purata Miskin Tegar Isi Rumah RM1,98 atau Purata Miskin Tegar Pe

**b. Sejauh manakah langkah-langkah dan pendekatan diambil berjaya?**

Jawapan :

Seramai 53,825 orang penerima sedang menerima manfaat daripada skim bantuan kewangan JKM pada Julai 2025 dengan kadar bantuan RM 200 adalah daripada DUN Pasir Panjang iaitu mewakili 20 peratus daripada jumlah keseluruhan penerima bantuan daripada daerah Manjung (7,039 orang)

**JUMLAH PENERIMA BANTUAN JKM (BULANAN) DUN PASIR PANJANG**

**MENGIKUT SKIM BANTUAN**

| SKIM BANTUAN JKM | JUMLAH PENERIMA BANTUAN (orang) |
|---|---|
| Bantuan Warga Emas (RM 600 sebulan) | 315 |
| Bantuan Penjagaan OKU/ Pesakit Terlantar (RM 500 sebulan) | 105 |
2. Isu talian telefon dan internet masih menjadi masalah dibeberapa kawasan di DUN Selinsing, terutama di beberapa buah sekolah seperti SMK Selins

Jawapan Soalan 2

**JAWAPAN:**

Kerajaan Negeri melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sentiasa berusaha untuk memastikan kadar capaian interne pedalaman.

Merujuk kepada kawasan yang dinyatakan, terdapat satu (1) menara telekomunikasi sedia ada di sekolah SK Kg Dew yang telah memberi liputan 4 (1) lagi menara baharu dalam peringkat pelaksanaan berhampiran dengan kawasan sekolah dan dijangka akan siap beroperasi sepenuhnya pada su

Untuk SK Samagagah, di bawah pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), terdapat satu (1) menara baharu telah siap beroperasi di Kampung Sama

Manakala bagi SK Dato Alauddin, terdapat dua (2) menara telekomunikasi sedia ada di sekitar kawasan berhampiran sekolah yang memberi liputan

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak MCMC juga telah menjalankan ujian Standard Mandatori Kualiti Perkhidmatan (MSQoS) di SK Dato A yang ditetapkan. Tiga penyedia perkhidmatan ini adalah Maxis, U Mobile dan TM Tech. Manakala tindakan susulan telah dibuat oleh penyedia perkh

Dalam usaha lain, Kerajaan Persekutuan juga turut melaksanakan penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah Point of Presence (P
bagi Fasa 1 manakala 1,468 PoP daripada 3,693 PoP bagi Fasa 2 telah berjaya disiapkan di seluruh negara. Khusus bagi DUN Selinsing, sebanyak
tersedia dengan sambungan gentian optik untuk dilanggan oleh komuniti setempat.

Selain itu, pihak MCMC telah membangunkan aplikasi MCMC NEXUS bagi memudahkan orang awam menjalankan ujian kelajuan internet di kawa
boleh dimuat turun melalui Google Play (sistem Android) atau App Store (sistem iOS). Aduan selanjutnya boleh dikemukakan terus kepada MCMC N

3. Mohon penjelasan dan tindakan yang konkrit yang akan diambil bagi menyelesaikan masalah jerlus dan ketiadaan air yang sudah beberapa musim b
Mohon dapat diberikan bantuan kewangan yang bersesuaian dengan petani yang telah kehilangan pendapatan akibat masalah tersebut.

<u>Jawapan Soalan 3</u>

Untuk pemakluman, beberapa tindakan dan langkah telah dibuat oleh pihak IADA Kerian dalam menyelesaikan masalah isu tanah jerlus yang berlak
disebabkan perubahan iklim yang tidak menentu, keadaan struktur tanah yang berubah dan pada masa yang sama bebanan mekanisasi yang telah
daripada pihak IADA Kerian adalah :

1) Melaksanakan kerja – kerja penyelenggaraan parit ladang di petak sawah terutamanya di kawasan Simpang Tiga Selinsing yang melibatkan pa

2) Melaksanakan kerja – kerja penyelenggaraan parit ladang di Bukit Semanggol (48,749.80 meter), Jalan Semanggol (32,000.00 meter) dan Kg M
tahun ini.

3) Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan parit saliran dan mendalamkan parit borrowpit pada tahun semasa di kawasan Simpang Tiga Selin

4) Melaksanakan kerja-kerja menambun tanah menggunakan batu kawi di kawasan yang kritikal jerlus di kawasan Kg. Masjid melibatkan 14 unit lu

5) Melaksanakan kerja-kerja untuk mendapatkan data Keupayaan Galas Tanah di Kompatmen H dengan kolaborasi Bahagian Pengurusan Sumbe
ada beberapa lot sawah padi mempunyai bacaan Kelas 2 dan 3 yang menunjukkan potensi jerlus dan jerlus. Langkah ini penting untuk mengenalpas

6) Perancangan yang akan datang di dalam Rancangan Malaysia Ke-13 adalah menaiktaraf semula petak sawah di kawasan tanah jerlus dengan
optimum bagi penyediaan kawasan dan kemudahan pengairan serta saliran yang lebih efisien.

7) Pihak IADA Kerian juga telah membantu meminjamkan beberapa mekanisasi
seperti jentuai padi, excavator untuk membantu kawasan yang terjejas dalam proses penuaian padi pada awal tahun 2025 yang banyak memba

8) Pada masa yang sama juga, pihak IADA Kerian juga membantu meminjamkan traktor beserta implement dalam membantu kerja-kerja penyedia
ini.

Di samping itu, beberapa tindakan dan langkah telah dibuat oleh pihak IADA Kerian dan agensi yang berkaitan untuk menguruskan kawasan Jelapa
adalah :

1) Pihak IADA Kerian telah mengambil tindakan untuk mengerakkan aset pam 5 Qusec di kawasan-kawasan yang membuat aduan berkaitan keku
Air 375 Sungai Perikan.

2) Pihak IADA Kerian juga melakukan inisiatif untuk meletakkan pam solar bergerak di kawasan sawah yang terjejas.

3) Pihak IADA Kerian mengambil tindakan secara komprehensif bagi mempertingkatkan penggunaan sumber air bawah tanah di mana terdapat be
tahun 2025 di bawah peruntukan Program Pembangunan Punca Air Bumi dimana dua (2) unit telaga tiub telah diperuntukkan di Kompatmen H.

4) Pihak IADA Kerian, DOA Daerah Kerian dan PPK Semanggol dan Selinsing juga membantu melakukan tinjauan utuk mendapatkan maklumat d
permohonan Tabung Bencana Pertanian di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

4. Selain daripada tindakan rutin, apakah perancangan kerajaan dan agensi terlibat dalam membantu menangani masalah kacau ganggu haiwan liar se
barangan penduduk terutama di daerah Kerian?

<u>Jawapan Soalan 4</u>

**Untuk makluman Yang Berhormat Selinsing,**

Selain daripada tindakan rutin seperti menangkap dan melupuskan spesies monyet, pihak Kerajaan melalui Jabatan PERHILITAN dan agensi b
mengatasi masalah kacau ganggu hidupan liar. Antara perancangan tersebut ialah:

**a) Pengurusan Habitat & Landskap**

- Pemuliharaan serta pengayaan habitat semula jadi hidupan liar bagi mengurangkan kebergantungan mereka kepada kawasan manusi
- Penanaman semula pokok buah hutan di kawasan tepi hutan sebagai sumber makanan alternatif.

**b) Program Pendidikan & Kesedaran Komuniti**

- Kempen kesedaran untuk mendidik penduduk agar tidak memberi makanan kepada monyet.
- Bengkel komuniti mengenai kaedah kawalan mesra alam (contoh: pagar elektrik, penggunaan perangkap khas, teknik menakutkan mon

**c) Teknologi & Kaedah Inovatif**

- Pembangunan sistem amaran awal atau peranti penghalau haiwan (contoh: bunyi ultrasonik, sensor pergerakan).
- Kajian penggunaan kawalan populasi monyet melalui kaedah biologi/kontraseptif.

**d) Kerjasama Antara Agensi**

- Kolaborasi antara PERHILITAN, PBT, Jabatan Pertanian, RELA, dan komuniti setempat untuk melaksanakan operasi bersepadu.
- Integrasi dalam pelan pembangunan bandar/ladang supaya mengambil kira aspek konflik hidupan liar.

**e) Dasar & Perundangan**

- Menguatkuasakan undang-undang berkaitan aktiviti memberi makan hidupan liar.
- Menyemak semula dasar guna tanah di kawasan pinggir hutan untuk mengurangkan zon konflik.

**f) Penyelidikan & Data Saintifik**

- Menjalankan kajian ekologi dan tingkah laku monyet bagi memahami corak pergerakan mereka.
- Membina pangkalan data hotspot konflik untuk membolehkan intervensi lebih terancang.

Secara keseluruhannya, pendekatan Kerajaan bukan hanya berbentuk reaktif (tangkap & lupus), tetapi semakin beralih kepada pencegahan jang bersepadu.

**Untuk makluman Yang Berhormat Selinsing,**

Antara perancangan yang dicadangkan adalah bekerjasama dengan NGO berdaftar bagi menangani isu ini dengan menggunakan pendekatan kem juga, pihak NGO menyediakan pusat jagaan sementara (*shelter*) bagi kebajikan haiwan tersebut.

Bagi isu burung gagak pula, Kerajaan Negeri melalui Majlis Daerah Kerian mengadakan gotong-royong memusnahkan sarang-sarang yang berada d mengurangkan aduan awam.

Sekian, terima kasih.

5. Apakah perancangan pihak berkuasa tempatan Daerah Kerian bagi menambah baik dan membantu lokasi pelancongan seperti perkhidmatan jeti ke

<u>Jawapan Soalan 5</u>

Untuk makluman Yang Berhormat,

Jeti kelip-kelip di Kg Dew terletak di bawah daerah Larut Matang dan Selama (Taiping). walau bagaimanapun pihak Majlis Daerah Kerian bersama K

Majlis Daerah Kerian tiada halangan bagi orang ramai untuk menjalankan aktiviti pendakian Gunung Semanggol, tetapi para pendaki perlu mematuh infra di kawasan berkenaan terdapat sedikit kekangan kerana ia melibatkan tanah milik individu / persendirian.

Soalan Dari : YB PUAN BAVANI A/P VERAIAH
Ahli Dewan Undangan Negeri : (MALIM NAWAR )

**SOALAN-SOALAN LISAN**

1. 1. Program Peningkatan Kemahiran Tenaga Kerja Tempatan (selaras RMK13)
(a) Apakah program latihan kemahiran yang ditawarkan kepada belia di negeri Perak bagi memenuhi keperluan industri masa depan?

(b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk bekerjasama dengan institusi TVET, kolej, dan universiti di Perak untuk melahir
(c) Nyatakan rakan strategik TVET di daerah Kampar dan bilangan peserta yang berjaya yang berjaya menyertai program ini dalam tempoh tahun 20

Jawapan Soalan 1

Untuk makluman Yang Berhormat Malim Nawar ,

Menyahut aspirasi Kerajaan Persekutuan dalam RMK-13 yang menekankan pembangunan TVET sebagai teras pembangunan tenaga kerja negara pelan Perak Sejahtera 2030.

Melalui pembangunan ini, kerajaan negeri berusaha untuk merancakkan ekonomi tempatan dan akan membuka sehingga 100,000 peluang pekerja sebanyak 1.2 juta peluang pekerjaan dalam bidang TVET, khususnya dalam sektor pembuatan dan digital.

Selain itu, demi menyokong objektif RMK-13 dalam meningkatkan bilangan pusat TVET berprestasi tinggi dan meningkatkan kebolehpasaran gradu dengan melibatkan kerjasama daripada penyedia latihan yang bertauliah di negeri Perak. Program latihan yang dimaksudkan ini terbahagi kepada se

i. Program TVET Modular Industri;
ii. Program TVET Mahir Kerja;
iii. Program TVET OKU;
iv. Program TVET Orang Asli;
v. Program TVET Anak Yatim;
vi. Program TVET Warga Emas;
vii. Program TVET Pelancongan;
viii. Program TVET Tahfiz;
ix. Program TVET Usahawan;
x. Program TVET Desa Mahir; dan
xi. TVET Exchange Program.

Sebelas (11) program latihan kemahiran yang saya senaraikan ini memberi fokus terhadap bidang-bidang kemahiran yang mendapat permin menyelaraskan penawaran dan permintaan dalam pasaran semasa agar dapat memenuhi keperluan industri pada masa kini dan masa depan.

Penyelarasan ini dilakukan dengan mengeluarkan input melalui bengkel-bengkel dan mesyuarat jawatankuasa yang melibatkan badan-badan k menjalankan Mesyuarat Jawatankuasa Pekerjaan Wilayah Selatan pada Jun 2025 bagi memadankan permintaan & penawaran dalam pasaran ker ini, kerajaan negeri melalui PASAK menjalankan program latihan dalam bidang automotif yang selaras dengan keperluan tenaga kerja di AHTV dan i

Tegasnya, kerajaan negeri turut memberi fokus terhadap daerah-daerah lain dalam negeri Perak dalam usaha memperkasakan TVET secara inklu bertauliah yang juga merupakan rakan strategik TVET di kawasan ini.

| Bil. | Penyedia Latihan di Daerah Kampar |
|---|---|
| 1. | Shai Automotive Academy Sdn. Bhd. |
| 2. | Kolej Menara Perak Jaya Sdn. Bhd. |
| 3. | Miss Nissa Beauty Empire |
| 4. | Manja Lurve Empire |
| 5. | Shazam Ramlee Enterprise |
| 6. | Kolej Teknikal Sri Ayu |

Melalui kerjasama dengan rakan strategik ini, kerajaan negeri melalui PASAK dapat menjalankan program latihan kemahiran yang selaras dengan bi

Berikut adalah pelaksanaan program latihan kemahiran yang dilaksanakan melalui PASAK di daerah Kampar dalam tempoh 2023-2024:

| Tahun | Program | Bilangan Kursus | Bilangan Peserta | Penempatan Kerja |
|---|---|---|---|---|
| 2023 | TVET Modular Industri | 6 kursus | 123 peserta | 123 orang |
| | TVET Anak Yatim | 4 kursus | 51 peserta | |
| 2024 | TVET Modular Industri | 6 kursus | 128 peserta | 117 orang |
| | TVET Mahir Kerja | 4 kursus | 80 peserta | |
| | TVET Anak Yatim | 1 kursus | 10 peserta | |

Secara keseluruhannya, sepanjang tempoh 2023 hingga 2024, kerajaan negeri melalui PASAK telah menjalankan program latihan TVET di daerah k kalangan anak Perak. Melalui program latihan ini, seramai 240 orang peserta telah ditempatkan bekerja selepas tamat latihan.

2. 2. Peningkatan Liputan Internet dan Telekomunikasi (selaras RMK13)
(a) Apakah status pelaksanaan projek menara telekomunikasi baharu di daerah Kampar di bawah JENDELA atau RMK13?
(b) Nyatakan liputan 5G dijangka dapat digunakan sepenuhnya di kawasan bandar dan luar bandar di daerah Kampar?
(c) Nyatakan permasalahan kerajaan negeri bagi membawa liputan 5G di kawasan luar bandar?

Jawapan Soalan 2

**Jawapan:**

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri dengan Kerjasama Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Komunikasi dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malays bagi meningkatkan kesalinghubungan internet sekaligus memastikan semua lapisan masyarakat dapat menikmati jaringan komunikasi yang lebih ba

Setakat 31 Julai 2025, status capaian liputan internet dan komunikasi di kawasan berpenduduk daerah Kampar telah mencapai 99.81%. Di baw beroperasi, sebanyak 87 stesen pemancar telah siap dinaik taraf dan sebanyak 13,529 premis telah tersedia dengan capaian gentian optik. Baki inis 2025.

Bagi Rancangan Malaysia ke-13 (RMK13), pelaksanaan akan memberi tumpuan kepada peluasan infrastruktur digital secara menyeluruh termasuk kawasan perindustrian, industri pendidikan serta lokasi tumpuan awam.

Bagi rangkaian 5G, setakat 31 Ogos 2025, terdapat 25 tapak pemancar 5G telah dibina oleh pihak DNB di daerah Kampar yang menyediakan liputa perkhidmatan kedua; U Mobile, sebanyak 10 tapak pemancar 5G telah dirancang, di mana 2 tapak telah siap dinaik taraf. Baki 8 tapak pemancar Peluasan liputan 5G ke kawasan luar bandar termasuk daerah Kampar akan dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan keperluan dan kesediaa

Selain itu, MCMC akan melaksanakan peningkatan daripada 4 hala ke 6 hala rangkaian teras pelbagai operator (Multi-Operator Core Network – MO

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran dalam pelaksanaan 5G di kawasan luar bandar. Antaranya termasuk faktor bentuk muka bumi Sight (LOS) serta jajaran backhaul gentian optik. Selain itu, taburan penduduk yang berselerak dengan kepadatan yang rendah, ketiadaan infrastruk pembangunan infrastruktur di sesuatu kawasan.

Suka saya yakinkan disini, Kerajaan Negeri melalui kerjsama MCMC dan penyedia perkhidmatan sentiasa berusaha mencari jalan penyelesaian kep

3. 3. Pemulihan Tapak Pelupusan Sampah & Kitar Semula
(a) Apakah langkah kerajaan negeri untuk menaik taraf atau memodenkan tapak pelupusan sampah di daerah Kampar supaya lebih mesra alam?
(b) Apakah teknologi rawatan sisa moden yang digunakan di negeri Perak?
(c) Nyatakan keberkesanan penglibatan komuniti dalam agenda kitar semula yang digalakkan oleh kerajaan negeri?

Jawapan Soalan 3

**JAWAPAN A**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah menjalankan naik taraf Tapak Pelupusan Sampah MDKpr dengan projek naik taraf kolam lecheate dan kemu 2024.

Tapak Pelupusan MDKpr mempunyai 2 sel sampah di mana sel sampah A yang sebelum ini dibiarkan telah dibersihkan dan digunakan semula deng

Disamping itu, pihak MDKpr berhasrat untuk membina kolam lecheate fasa ke-2 berdekatan dengan Sel B bagi menampung penghasilan air lech sampah di pitstop yang ditetapkan dan membina laluan alternatif bagi kecemasan.

**JAWAPAN B**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri kini dalam perancangan untuk mewujudkan Pelan Induk Sisa Pepejal Negeri Perak (PISPEN) sebagai dasar pengurusan sisa p membantu PBT-PBT menguruskan sisa pepejal dan pembersihan awam dengan lebih baik. Negeri Perak berhasrat untuk mewujudkan tapak pelup yang berteknologi hijau dan mesra alam sekitar, *waste to energy (WTE)*.

Dalam perkembangan yang sama, terdapat beberapa PBT yang telah memulakan usaha pengurusan sisa pepejal berkonsep WTE seperti berikut:-

i. Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) - dalam proses pelaksanaan teknologi biogas di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Lahat, Ipoh;

ii. Majlis Perbandaran Manjung (MPM) - membangun dan membina loji *waste to energy* memproses sisa buangan pepejal dan sisa ladar

iii. Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) - melaksanakan proses *pyrolysis* di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Batu 7, Jalan Changkat Jon

iv. Majlis Perbandaran Taiping (MPT) - pengurusan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal MPT ke arah *waste to energy*;

Kerajaan Negeri melalui Bahagian Kerajaan Tempatan juga dari semasa ke semasa akan menilai dan memperhalusi kaedah yang terbaik melalui aplikasi teknologi baharu pengurusan sisa pepejal menerusi Jawatankuasa Penilaian Cadangan Syarikat *(Companies' Proposals Evaluation Commi*

**JAWAPAN C**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Penglibatan komuniti terhadap program kitar semula yang dijalankan setakat ini adalah baik dan mendapat sambutan. Majlis Daerah Kampar (MDK yang telah dijalankan adalah :

1. Program Kitar Semula Barangan Terpakai, Minyak Masak Terpakai, E-waste dan Tayar Terpakai setiap Hari Sabtu Minggu Pertama Setiap Bul
2. Program Minyak Masak Terpakai dengan kerjasama Syarikat Green Energy Asia dan Lotus pada setiap minggu ke-2 setiap Sabtu pada setiap
3. Pertandingan Pengumpulan Barangan Kitar Semula, Minyak Masak Terpakai, E-waste dan Tayar Terpakai Peringkat Majlis Daerah Kampar Agensi Kerajaan.
4. Pengumpulan sisa makanan dari premis perniagaan dan hotel di mana sisa ini dijadikan baja kompos untuk jualan kepada komuniti.
5. Ceramah dan taklimat Program Kitar Semula di sekolah rendah di Daerah Kampar.
6. Pemberian tong kitar semula di sekolah yang terpilih.
7. Pelancaran Kempen Bawa Beg Kitar Semula di Pusat Membeli Belah, Kempen Elak Pembaziran Makanan, Kempen Bawa Bekas Makana dijalankan setiap tahun oleh MDKpr.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS**

1. 1. Pelancongan Pendidikan
(a) Apakah strategi kerajaan negeri mempromosikan Kampar sebagai pusat pelancongan pendidikan?
(b) Apakah program kerjasama dengan institusi pengajian tinggi seperti UTAR?
(c) Adakah peruntukan khas diberikan untuk tujuan ini?

<u>Jawapan Soalan 1</u>

Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Perak sentiasa mengamalkan keterbukaan dalam menerima kerjasama, bantuan kepakaran serta sumbangan dari negeri ini.

Sehubungan itu, JPN Perak telah menjalin kerjasama dengan beberapa institusi pengajian tinggi, termasuk Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), peningkatan kemenjadian murid. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. LINGUATECH (LT): Membina Sinergi Ke Arah Celik 3M
(7 Ogos 2025)
Objektif utama program ini adalah:
i. Menyampaikan hala tuju serta aspirasi JPN Perak berhubung isu penguasaan kemahiran asas 3M di sekolah rendah.
ii. Memberi pendedahan dalam meningkatkan motivasi murid bagi menguasai kemahiran asas tersebut.
iii. Membina jaringan kerjasama dan mewujudkan platform perkongsian amalan terbaik dalam kalangan Guru Pemulihan Khas di seluruh Negeri Pera

2. 12th Symposium on Science Education 2025 (SoSE 2025)
(23 Ogos 2025 – secara dalam talian, kerjasama dengan UTAR)
Objektif penganjuran ini adalah:
i. Memperkukuh kerjasama antara UTAR dan JPN Perak dalam meningkatkan profesionalisme guru.
ii. Berkongsi amalan terbaik khususnya dalam aspek inovasi pengajaran dalam kalangan warga pendidik.
iii. Memberi inspirasi kepada para peserta untuk meningkatkan mutu pengajaran, khususnya dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Mater

Kesimpulannya, JPN Perak sentiasa komited dan bersedia menjalin kerjasama strategik dengan pelbagai pihak bagi memperkukuh ekosistem pendi aspirasi pendidikan negara.

(a) Strategi Memperkenalkan Kampar Sebagai Pusat Pelancongan Pendidikan

Untuk mempromosikan Kampar sebagai pusat pelancongan pendidikan, Majlis Daerah Kampar (MDKpr) melalui kerjasama dengan Kerajaan Ne Salah satu pendekatan utama adalah menjenamakan Kampar sebagai "Edu-Tourism Hub", dengan mengetengahkan keunikan institusi pengajian tin

Selain itu, MDKpr turut menggalakkan pelancongan pendidikan melalui institusi pengajian tinggi dengan mencipta pakej pelancongan yang merang rasmi MDKpr serta kerjasama dengan penggiat industri pelancongan tempatan juga dijalankan untuk meningkatkan capaian dan menarik lebih rama

Penganjuran acara bertaraf antarabangsa seperti World Triathlon Regional Development Cup & Asia Triathlon Junior Cup 2025 yang telah mempromosikan Kampar sebagai pusat pelancongan pendidikan. Kejohanan ini melibatkan lebih daripada 400 peserta dari 23 negara, yang memba

(b) Program Kerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi seperti UTAR
Majlis Daerah Kampar telah menjalin kerjasama erat dengan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Kolej Tunku Abdul Rahman (TARUC), dan inst

- Penyelidikan bersama dalam bidang sejarah, warisan, dan alam sekitar, yang bertujuan untuk memanfaatkan sumber tersebut sebagai tarikar
- Penganjuran seminar, program kemasyarakatan, dan festival kebudayaan yang dapat menarik lebih ramai pelancong dan pengunjung ke Kam

Selain itu, mesyuarat bersama Hospital Tunku Abdul Rahman pada 31 Julai 2025 bersama Tourism Perak telah diadakan untuk mewujudkan produk

(c) Peruntukan Khas untuk Pelancongan Pendidikan
Setakat ini, tiada peruntukan khas yang diberikan secara langsung untuk pelancongan pendidikan di Kampar. Peruntukan yang diterima sebelum ini Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

2. 2. Peningkatan Kemudahan Kesihatan di Luar Bandar
(a) Apakah rancangan kerajaan negeri untuk menambah klinik kesihatan atau menaik taraf klinik sedia ada di luar bandar daerah Kampar?
(b) Adakah peruntukan baharu telah diluluskan untuk peralatan perubatan moden di daerah ini?
(c) Adakah di negeri Perak mengalami kekurangan doktor pakar dan apakah pendekatan kerajaan negeri untuk menangani isu ini?

Jawapan Soalan 2

**JAWAPAN :**

Untuk Makluam Yang Berhormat Malim Nawar **,**

Bagi menjawab soalan pertama (a),

PKD Kampar mempunyai perancangan untuk memohon pertimbangan kerajaan bagi mewujudkan sebuah Kompleks Kesihata menempatkan Klinik Kesihatan Malim Nawar, Klinik Pergigian Malim Nawar serta Pejabat Kesihatan Daerah Kampar dan Perancangan Projek Rancangan Malaysia yang akan datang.

Menjawab soalan kedua (b),
Bagi tahun 2025, PKD Kampar telah menerima peruntukanberjumlah RM 475,450.00 untuk perolehan 11 item peralatan perubatan termasuk sistem nombor giliran pesakit, Klinik Diabetes, Unit Kesihatan Ibudan Anak serta Unit Terapi cara kerja.

c) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amnya dan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Perak khususnya sentiasa mengar Sehingga 31 Mac 2025, seramai 8,653 pakar perubatan berkhidmat di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan d jumlah tersebut, seramai 80 orang Pakar Perubatan Keluarga yang ditempatkan di Klinik Kesihatan. Antara inisiatif yang tela berikut:

I. KKM telah melaksanakan pindaan ke atas Akta Perubatan 1971 (Akta 50) untuk memperkemas proses pengiktirafan kepakai
II. Bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi dalam meningkatkan slot pengajian kepakaran Program Sarjana Per pengajian 2023/ 2024.
III. Menyediakan slot Program Latihan Kepakaran (PLK) bagi Laluan *Parallel* tajaan KKM sehingga 600 slot setiap tahun, meliba
IV. Penyediaan biasiswa KKM bagi pegawai perubatan kontrak untuk mengikuti PLK mulai sesi 2022/2023.
V. Menawarkan 400 slot tajaan HLP kepada pakar perubatan dalam latihan Subkepakaran dan *Area of Interest (AOI)*.
VI. MEwujudkan 800 perjawatan pelbagai bidang kepakaran perubatan setiap tahun (mulai 2023) bagi menampung pengeluara
VII. Memperkenalkan Bayaran Insentif Pakar Pra-warta (BIPPW) dengan kadar yang setara Bayaran Insentif Pakar (BIP) k sehingga mereka menerima pendaftaran pakar di bawah Majlis Perubatan Malaysia (MPM).
VIII. Pelantikan semula secara kontrak Pegawai Perubatan Pakar warganegara yang telah bersara wajib untuk berkhidmat sem dan berkeperluan tinggi.

IX. Mendapatkan perkhidmatan kepakaran daripada pihak swasta untuk berkhidmat di fasiliti KKM secara *sessional*.
X. Menggalakkan Pakar Perubatan warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang dan berkhidmat di tana

Selain itu, KKM juga melaksanakan beberapa langkah bagi retensi pakar sedia ada, antaranya:

I. Mewujudkan gred UD15 khusus bagi pakar perubatan *senior* serta mewujudkan lebih peluang kenaikan pangkat ke gred khas
II. Pakar perubatan juga diberi kelonggaran untuk mengamal di sektor swasta di luar waktu bekerja biasa serta pakar perubatan berkhidmat di sektor swasta yang tertakluk kepada kelulusan ketua jabatan;
III. Elaun sebanyak RM200 sejam akan diberikan kepada Pegawai Perubatan Pakar yang melakukan kes-kes pembedahan elektif.
IV. Kadar Bayaran Insentif Pakar yang ditambah baik dari kadar asal RM1,400.00 - RM2,400.00 kepada RM1,900.00 - RM RM700.00.
V. Kadar bayaran Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa (EKLWBB) atau *on-call (active)* ditambah baik bagi Pegawai Perubata cuti am.

3. 3. Pemulihan Tapak Industri Terbiar
a) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk memulihkan tapak industri terbiar di Kampar bagi menarik pelaburan baharu?
b) Adakah insentif khas ditawarkan kepada pelabur yang mahu membangunkan tapak tersebut?
c) Apakah sasaran peluang pekerjaan yang dapat diwujudkan melalui pembangunan ini?

<u>Jawapan Soalan 3</u>

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan negeri melalui UPEN, Invest Perak serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sedang memberi perhatian khusus terhadap usaha pemulihan ta optimum.

Kampar sebagai sebuah bandar kecil yang pada asasnya didominasi oleh aktiviti pendidikan tinggi, perkhidmatan komuniti, dan perusahaan kecil sederhana (PKS), berpotensi untuk diperluas peranannya melalui pembangur

Antara langkah yang boleh diambil termasuklah melaksanakan penilaian semula infrastruktur asas di tapak tersebut, seperti kemudahan jalan raya, bekalan elektrik, air, telekomunikasi serta sistem perparitan, agar ia dapat memenuhi piawaian industri moden. Kerajaan Negeri turut menekankan keperluan untuk mewujudkan kawasan industri yang tersusun mengikut kluster – contohnya memfokuskan kepada industri berasaskan makanan, logistic serta sokongan kepada sektor pendidikan – supaya ekosistem pela

Bagi menggalakkan pelabur membangunkan semula tapak industri berkenaan, insentif khas atau sistem percukaian khas negeri boleh ditawarkan ke negeri boleh mempertimbangkan kadar premium tanah yang kompetitif dan kelonggaran caj pembangunan, tertakluk kepada kelulusan pihak berkua

Dengan adanya pemulihan ini, Kampar dijangka bukan sahaja dapat menarik masuk pelaburan baharu, tetapi juga membina eko-sistem industri sete masyarakat setempat, memperkukuh rantaian bekalan vendor PKS, serta menghidupkan kembali kawasan perindustrian yang terbiar.

Secara keseluruhan, inisiatif ini berpotensi mewujudkan ribuan peluang pekerjaan, memperkukuh daya saing Kampar, dan menjadikan daerah ini sebahagian daripada peta pelaburan negeri Perak yang lebih bersepadu dan berdaya tahan.

4. 5. Keterjaminan Makanan di Negeri Perak
a) Nyatakan daerah yang terlibat dalam Program Keterjaminan Makanan?
b) Nyatakan insentif khas ditawarkan kepada pengusaha yang terlibat dalam program-program ini?
c) Apakah sasaran peluang pekerjaan yang dapat diwujudkan melalui program pembangunan ini?

<u>Jawapan Soalan 4</u>

a) Nyatakan daerah yang terlibat dalam Program Keterjaminan Makanan?

Untuk makluman YB,

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Perak telah merangka dan melaksanakan beberapa program di bawah agenda **Keterjaminan** memperkukuh sekuriti makanan dalam mencapai halatuju Perak Sejahtera 2030. Sehubungan dengan itu, semua program pembangunan yang d negeri akan melibatkan semua daerah di Negeri Perak.

b) Nyatakan insentif khas ditawarkan kepada pengusaha yang terlibat dalam program-program ini?

Untuk makluman YB

Antara insenif yang ditawarkan kepada pengusaha yang terlibat dalam program-program ini adalah seperti berikut :

1. **Pembangunan Infrastruktur Ladang Dan Pembekalan Input Pertanian** – seperti penyediaan kawasan, sistem pengairan, benih, bahan ta yang diagihkan terus kepada petani.

2. **Latihan & Pemindahan Teknologi** – meliputi teknologi pertanian pintar seperti penggunaan dron untuk pembajaan & kawalan perosak, IoT un

3. **Geran & Bantuan Pembangunan** – untuk peserta projek keterjaminan makanan yang berdaftar, khususnya dalam kalangan belia tani, wanita pemprosesan produk ataupun menaiktaraf premis perniagaan sedia ada agar lebih selesa dan ke arah premis yang mematuhi persijilan MeST

4. **Sokongan Mekanisasi & Automasi** – perkhidmatan kejuruteraan pertanian seperti pembangunan atau pembersihan kawasan dan pertanian p

Diharapkan pengusaha yang berjaya menerima insentif ini dapat menggunakan bantuan yang diberikan ke arah pengeluaran hasil pertanian yang m

c) Apakah sasaran peluang pekerjaan yang dapat diwujudkan melalui program pembangunan ini?

Untuk makluman YB,

Program keterjaminan makanan yang dilaksanakan Jabatan Pertanian Negeri Perak bukan sahaja bertujuan meningkatkan pengeluaran makanan, m

1. **Peluang pekerjaan langsung di lapangan** – melibatkan pekerjaan sebagai pekerja ladang, operator pengeluaran, pengendali dron serta tena

2. **Pekerjaan hiliran & pemprosesan** – termasuk pekerja di pusat pengumpulan hasil (collection centre), kilang pemprosesan makanan, pusat p belia yang mengikuti pengajian pendidikan dan latihan vokasional (TVET) lazimnya akan mendapat tawaran bekerja di dalam bidang ini. S kemahiran untuk mengendalikan bahan mentah serta mesin-mesin pemprosesan.

3. **Keusahawanan belia & komuniti** – melibatkan belia tani sebagai usahawan agro, ejen pemasaran digital, serta peserta projek pertanian kom

Dengan langkah-langkah strategik ini, Jabatan Pertanian Negeri Perak yakin bahawa agenda keterjaminan makanan bukan sahaja dapat memas ekonomi baharu, menjana pekerjaan, serta meningkatkan taraf hidup rakyat di seluruh negeri.

5. 4. Rumah Mampu Milik untuk Belia
a) Apakah jumlah projek rumah mampu milik yang sedang dan akan dibina untuk golongan belia di Kampar?
b) Bilakah projek-projek tersebut dijangka siap sepenuhnya?
c) Apakah bentuk insentif yang disediakan kepada pembeli rumah pertama di Daerah Kampar?

Jawapan Soalan 5

**JAWAPAN A & B**

Untuk makluman Yang Berhormat,

buat masa ini tiada Pembangunan rumah mampu milik di bawah LPHP bagi daerah Kampar.

**JAWAPAN C**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Terdapat pelbagai insentif telah diberikan oleh Kerajaan Negeri bagi pembeli Rumah pertama di Negeri ini. Salah satu daripada insentif tersebut kepada semua golongan khasnya golongan belia untuk memiliki rumah dengan harga yang lebih rendah daripada harga pasaran.

Selain daripada itu juga, Kerajaan Negeri telah menetapkan setiap pembangunan perumahan di Negeri Perak perlu mengambil kira kuota seperti ber

i. 5% - belia
ii. Orang Kurang Upaya (OKU)
iii. 5% - ibu tunggal

Pemohon yang melepasi syarat boleh membeli Rumah Perakku I (kos rendah) dengan harga RM90,000.00 sebuah bagi lot tengah, Rumah Perakl (kos sederhana tinggi) yang berharga RM160,001.00 hingga RM250,000.00 sebuah.

Soalan Dari : YB DR. ABDUL AZIZ BIN BARI
Ahli Dewan Undangan Negeri : (TEBING TINGGI )

**SOALAN-SOALAN LISAN**

1. PEMANTAUAN KERJA KONSESI.

untuk makluman, pihak pusat khidmat dun tebing tinggi memerima banyak laporan mengenai kerja-kerja rutin yang tidak mematuhi spesifikasi yang t kepakaran teknikal dari hasil kerja yang ditunjukkan sehinggakan pegawai dari pusat khidmat terpaksa melakukan tugas pemantauan bagi memanta

soalan:-

1. adakah pihak konsesi melakukan pemantauan teknikal kerja dari pihak rakan niaga semasa mereka melaksanakan kerja dan juga sesudah merek

2. adakah pihak PBT dan juga pihak JKR melakukan pemantauan spesifikasi teknikal di tapak mengikut kaedah perlaksanaan dan juga hasil kerja ya

Jawapan Soalan 1

**JAWAPAN 1**

Untuk makluman Yang Berhormat,

bagi jalan milik Pihak Berkuasa Tempatan yang berdaftar dengan Sistem MARRIS ia adalah di bawah tindakan pihak konsesi. Melalui pasukan tek rakan niaga. Pemantauan ini meliputi tiga (3) peringkat seperti berikut:-

I. **Sebelum kerja dilaksanakan**: Pihak konsesi menyemak kaedah pelaksanaan, peralatan serta bahan yang akan digunakan supaya menepa

II. **Semasa kerja dilaksanakan**: Pegawai teknikal konsesi hadir di tapak bagi memastikan kerja-kerja mengikut spesifikasi, piawaian keselama

III. **Selepas kerja siap**: Pemeriksaan hasil kerja (*post-inspection*) dibuat, diikuti laporan pengesahan sebelum tuntutan pembayaran disahkan.

Bagi Jalan Persekutan dan Jalan Negeri di bawah selian JKR, penyelia syarikat konsesi melaksanakan pemantauan terhadap pekerja-pekerja pencucian longkang serta pembentung sepanjang tempoh kontrak mengikut kepada garis masa dalam program bulanan dan spesfisikasi yang telah

**JAWAPAN 2**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pihak Berkuasa Tempatan juga melakukan pemantauan terhadap kerja-kerja rutin yang dilaksanakan oleh pihak konsesi yang merangkumi skop ker dilaksanakan adalah seperti berikut;-

i. Pematuhan jadual kerja yang dikemukakan oleh pihak konsesi kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

ii. Pemeriksaan bersama (*joint inspection*) setelah kerja siap di antara Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Konsesi / Rakan Niaga.

iii. Mengeluarkan Notis Ketidakpatuhan (NCP) sekiranya kerja tidak memuaskan dan diberikan tempoh masa tiga (3) hari untuk mengambil tind

Selari dengan itu, Kerajaan Negeri melalui Bahagian Kerajaan Tempatan dan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan juga sentiasa memantau pres Pihak Berkuasa Tempatan melalui pelaksanaan tindakan seperti berikut:-

i. Mesyuarat bulanan oleh Wakil Pegawai Penguasa di setiap 15 PBT yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua / Dato' Bandar. Pelapora dengan sempurna;

ii. Mesyuarat pemantauan di peringkat negeri dilaksanakan secara berkala iaitu setiap 3 bulan yang dipengerusikan oleh Pegawai Penguasa dan sebarang isu berbangkit dibincangkan lanjut bagi mendapatkan jalan penyelesaian;dan

iii. Bagi pelaksanaan Perjanjian Tambahan 2 ini, pihak konsesi perlu menyediakan dan membangunkan satu sistem aplikasi pemantauan Penggunaan aplikasi ini adalah secara dalaman yang melibatkan Pihak Berkuasa Negeri, semua PBT negeri Perak dan pihak konsesi ba kerja, pemantauan kualiti kerja, penilaian prestasi kerja dan rekod pembayaran tuntutan kerja siap oleh pihak konsesi.

Pihak JKR menjalankan pemantauan terhadap kualiti kerja yang dilaksanakan oleh pihak konsesi mahupun pihak kontraktor, adalah mengikut spesif

2. SIKAP PEMANDU MALAS.

Pusat Khidmat Dun Tebing Tinggi sering menerima laporan yang tidak menyenangkan daripada sikap pemandu malas. Seperti yang kita sedia maklu depoh simpanan bagi menyimpan kederaan mereka selepas waktu operasi. Seperti yang dimaklumkan awal tadi pemandu-pemandu malas ini melet memudahkan mereka untuk pulang ke rumah. perkara seperti ini banyak membawa implikasi buruk serta bahaya terhadap penduduk. antara iplikasi awam hingga melibatkan kos yang besar serta waktu yang lama untuk membuat kerja-kerja pembaikan.

soalan:-

1.adakah pihak penguatkuasaan peka terhadap masalah ini?.

2. adakah impak dari peruntukan undang-undang yang sediada cukup untuk membuat pihak pemandu dan pihak syarikat lebih bertanggungjawab te

3. siapakah yang harus bertanggungjawab untuk membiayai kos-kos pembaikan aset-aset infrastruktur awam yang telah rosak ini?.

<u>Jawapan Soalan 2</u>

1. Untuk makluman Yang Berhormat

JKR Perak sedia maklum berhubung isu ini melalui aduan yang diterima berhubung kenderaan berat yang diparkir di atas jalan utama di bawah seliaa keselamatan dan integriti infrastruktur jalan sahaja. Kuasa penguatkuasaan terhadap kenderaan berat yang berhenti atau diparkir di lokasi tidak d Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD).

2. Walau bagaimana pun, sekiranya terdapat aduan rasmi daripada orang awam yang disertakan dengan maklumat lengkap seperti butiran pema kepada agensi penguatkuasa berkaitan untuk tindakan sewajarnya

3. Merujuk Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) serta peraturan berkaitan di bawah JPJ, PDRM dan APAD adalah mencukupi untuk mengawal k tindakan undang-undang terhadap pemandu atau syarikat. Oleh yang demikian, JKR sentiasa menyokong terhadap tindakan yang akan dia bertanggungjawab terhadap penggunaan aset mereka.

4. Untuk makluman Yb,Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Perak mengambil serius berhubung aduan orang awam mengenai segelintir pem operasi.

5 Perbuatan ini jelas melanggar syarat lesen operasi, di mana setiap syarikat pengangkutan wajib menyediakan depoh simpanan bagi kenderaan mer

6. Tindakan meninggalkan kenderaan berat di kawasan kediaman bukan sahaja menyalahi undang-undang, malah mengundang risiko keselamatan sert

7. Sehubung itu juga YB, Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Perak ingin menegaskan bahawa kami peka dan proaktif dalam menangani isu ini.

8. Langkah-langkah yang sedang dan akan diambil termasuk:

a)Mengadakan operasi bersepadu bersama PBT di kawasan yang adukan

b) Mengeluarkan saman dan kompaun kepada pemandu atau pemilik kenderaan yang melanggar undang-undang.

90. Menggerakkan JiSA JPJ untuk menjalankan siasatan ke atas syarikat pengendali yang terlibat.

10 .Majlis Bandaraya Ipoh telah menerima aduan awam berkaitan kenderaan berat sebanyak 139 aduan sehingga bulan Ogos 2025 dan sebanyak 2 diletakkan di tempat awam menyebabkan masalah lalu lintas, kesukaran orang awam menggunakan jalan berkenaan dan isu-isu berkaitan kerosakan ja

11. JPJ Perak menggesa syarikat pengangkutan serta para pemandu supaya lebih bertanggungjawab dalam mematuhi undang-undang dan syarat op dengan menyertakan maklumat lengkap seperti lokasi, nombor pendaftaran dan gambar bagi membantu siasatan serta tindakan penguatkuasaan s undang sentiasa ditegakkan.

12. Mengemukakan syor kepada Ketua Pengarah SPAD atau APAD untuk tindakan penggantungan atau pembatalan lesen pengendali sekiranya syarik

13. Adalah menjadi satu kesalahan mana-mana kenderaan perkhidmatan awam bas dan kenderaan perdagangan untuk meletakkan kenderaan di k PERKHIDMATAN yang diedarkan kepada setiap pengendali selepas diluluskan permit atau lesen.

14. Oleh kerana APAD sudah tidak lagi mempunyai fungsi penguatkuasaan, agensi penguatkuasaan lain seperti JPJ dan Pihak Berkuasa Tempatan bol yang sama kepada kami untuk di ambil tindakan samada diberi amaran, surat tunjuk sebab, penggantungan atau penamatan permit dan lesen.

15. Oleh itu, Majlis Bandaraya Ipoh mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah seksyen 46 (1), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) Ipoh) 2024 iaitu kesalahan larangan kenderaan melebihi 2 tan diletakkan di mana-mana taman awam Majlis Bandaraya Ipoh.

16. Pihak Majlis Bandaraya Ipoh dari semasa ke semasa membuat rondaan dan pemeriksaan termasuk di lokasi-lokasi aduan berkaitan kenderaan sebanyak 320 kompaun bernilai RM200,450.00 sehingga bulan Ogos 2025 atas pelbagai kesalahan kenderaan berat dengan kadar denda di antara RM

17. Selain itu, Majlis Bandaraya Ipoh melaksanakan operasi bersepadu dengan agensi-agensi seperti Polis Diraja Malaysia (Bahagian Trafik), Jabatan berat yang ingkar dan tidak mematuhi arahan-arahan yang telah dikeluarkan

18. Majlis Bandaraya Ipoh bertanggungjawab ke atas aduan-aduan kerosakan infrastruktur melibatkan aset-aset di bawah selenggaraan Majlis
.

19. Bagi kerosakan aset-aset infrastrukur yang berlaku di jalan seliaan JKR, kos pembaikan akan ditanggung menggunakan sumber peruntukan darip oleh sumber peruntukan MARRIS Kerajaan Negeri.

3. PENGURUSAN KENDERAAN LUSUH.

Antara masalah yang ada dalam kawasan bandar adalah lambakan kenderaan lusuh. di tepi-tepi jalan dan juga di kawasan yang mempunyai bengke lagi berada atas jalan raya. keadaan ini amat lah buruk kerana, keadaan ini telah mengurangkan kawasan letak kenderaan, memburukkan pemanda melabur untuk berniaga atau berniat membeli rumah kediaman jika mengetahui tempat yang bakal mereka labur itu mempunyai masalah yang seder

soalan:-

1. adakah pihak PBT mempunyai cukup ruang untuk menyimpan kenderaan-kenderaan lusuh yang telah disita?

2. jika tidak, apakah langkah seterusnya yang dilakukan pihak PBT bagi terus menyimpan penambahan kenderaan-kenderaan yang baru disita?

Jawapan Soalan 3

Telah dijawab secara lisan pada 9 September 2025 Persidangan Pertama Mesyuarat Kedua Tahun Ketiga Dewan Negeri Yang Kelima Belas.

**JAWAPAN**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Tebing Tinggi atas soalan berhubung isu kenderaan lusuh. Isu ini merupakan masalah berlarutan yang me keselamatan serta kesihatan awam, malah boleh menjejaskan keyakinan pelabur terhadap kawasan perumahan dan perniagaan di negeri ini.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat, di Stor Sitaan Lahat yang berkeluasan 0.65 ekar, Majlis Bandaraya Ipoh masih mampu menempatkan ke lusuh telah disita dan disimpan di sana. Tindakan ini dijalankan di bawah kuasa PBT melalui Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), yang keindahan kawasan pentadbiran masing-masing.

Walau bagaimanapun, proses pelupusan memerlukan penglibatan agensi lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), yang beroperasi di bawah bermotor.

MBI juga mengambil langkah proaktif menampal risalah bersama notis alih, memaklumkan pemilik bahawa terdapat tiga syarikat kitar semula berle melupuskan kenderaan tanpa menunggu tindakan penguatkuasaan.

Kerajaan negeri juga sentiasa berusaha untuk menangani isu secara menyeluruh, bukan sekadar dari aspek penguatkuasaan, tetapi juga dari segi k

**SOALAN-SOALAN BERTULIS**

1. PREMIS PERNIAGAAN TERBENGKALAI DI STATION 18.

Apakah kaedah penyelesaian dari kerajaan negeri bagi menangani masalah lambakan premis terbengkalai di negeri perak?

Jawapan Soalan 1

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Penyelesaian ke atas lambakan premis terbengkalai adalah di luar bidang kuasa Majlis Bandaraya Ipoh. Namun, sekiranya premis terbengkalai te semak samun dan longgokan sampah, tindakan boleh diambil oleh Majlis Bandaraya Ipoh mengikut prosedur yang ditetapkan melalui pengeluara pemilik premis terbengkalai untuk tindakan.

Sekiranya pemilik gagal patuhi notis yang dikeluarkan atau pemilik gagal dikesan, pihak Majlis boleh mengambil tindakan melalui Seksyen 82(4) untu

2. PREMIS PBT DIJADIKAN SETOR.

Oleh kerana kadar sewa yang murah sebahagian penyewa telah menyalah gunakan kemudahan awam yang telah dipertanggungjawabkan pada me telah di salah gunakan dengan menjadikannya setor simpanan peribadi. perkara ini telah mengakibatkan orang awam setempat tidak mendapat perk benar ingin menjalankan perniagaan terpaksa menjadi penjaja jalanan di kawasan yang sama. contohnya di medan selera KG. SRI KINTA dan juga

soalan:-

1. Adakah garis panduan waktu operasi perniagaan di bincang bersama penyewa sebelum penyewa di benarkan untuk menyewa?.

2. jika tidak, apakah langkah yang diambil oleh pihak PBT bagi menyelesaikan masalah ini?

Jawapan Soalan 2

**JAWAPAN 1**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Setiap permohonan gerai medan selera di kawasan Majlis Bandaraya Ipoh akan diberikan tawaran penyewaan beserta syarat-syarat lesen. Tiada Penerangan secukupnya diberikan kepada penyewa sama ada semasa menerima tawaran ataupun semasa anggota Majlis Bandaraya Ipoh menjala

1. Perniagaan hendaklah sentiasa beroperasi pada setiap hari termasuk Sabtu dan Ahad. Notis pemberitahuan hendaklah ditampal di gerai sekir

2. Pemegang lesen hendaklah memberitahu pihak Majlis Bandaraya Ipoh secara bertulis sekiranya tidak dapat menjalankan perniagaan dalam t

**JAWAPAN 2**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Majlis Bandaraya Ipoh dalam tindakan menjalankan pemantauan secara berkala. Setiap perniagaan yang tidak aktif selama 14 hari berturut-turu sebarang ketidakakuran.

Setelah itu, pihak Majlis akan memberi pertimbangan sama ada peniaga diluluskan untuk bercuti atau tawaran penyewaan dibatalkan. Terdapat bel yang tidak mendapat sambutan peniaga untuk menjalankan perniagaan berasaskan makanan. Oleh itu, bagi mengelakkan sebarang ketirisan hasil s

Soalan Dari : YB ENCIK CHOONG SHIN HENG
Ahli Dewan Undangan Negeri : (CHENDERIANG )

**SOALAN-SOALAN BERTULIS**

1. Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan melalui belanjawan tahunan bagi pembangunan kemudahan infrastruktur dan Kemudahan awam yang

   Sila senaraikan setiap projek pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam yang telah siap serta dengan nilai peruntukan yang telah diluluskan 2023, tahun 2024 dan tahun 2025, termasuk peruntukan projek-projek Marris di kawasan DUN Chenderiang.

   Jawapan Soalan 1

   **JAWAPAN**

   Untuk makluman Yang Berhormat,

   Berikut adalah senarai nama projek dan kos penyelenggaraan yang telah dilaksanakan oleh Majlis Daerah Tapah.

| BIL | TAJUK KERJA | PERUNTUKAN | KOS KERJA |
|---|---|---|---|
| **TAHUN 2024** | | | |
| 1 | Projek Pembangunan Di Taman Tasek Temoh, Mukim Chenderiang, Daerah Batang Padang, Perak | YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI 1 - PPN PERAK | RM 299,970.00 |
| 2 | Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Di Pusat Perniagaan Bukit Baldwin, Tapah, Serta Kerja Berkaitan, MD Tapah. | MARRIS | RM 237,460.00 |
| 3 | Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Di Pekan Chenderiang, Serta Kerja Berkaitan, MD Tapah. | MARRIS | RM 57,063.00 |
| 4 | Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Di Rpt Muhibbah Chenderiang, Serta Kerja Berkaitan, MD Tapah. | MARRIS | RM 90,500.00 |
| 5 | Kerja-Kerja Penyelenggaraan Cerun Di Taman Sri Damai 2, Tapah, Serta Kerja Berkaitan, MD Tapah | MARRIS | RM 93,000.00 |
| 6 | Kerja-Kerja Penyelenggaraan Cerun Di Taman Saga, Tapah Serta Kerja Berkaitan, MD Tapah | MARRIS | RM 74,000.00 |
| 7 | Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Di Taman Bukit Indah, Tapah, Serta Kerja Berkaitan, MD Tapah. | MARRIS | RM 73,178.80 |
| 8 | Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Di Kg. Baru Tapah Road Serta Kerja Berkaitan, MD Tapah. | MARRIS | RM 81,020.00 |
| 9 | Selenggara Papan Tanda Taman Dan | MARRIS | RM 50,000.00 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | Nama Jalan Di Dalam Kawasan Tapah Serta Kerja Berkaitan, MD Tapah | | |
| 10 | Kerja-Kerja Mencantas Dan Menebang Pokok Di Kawasan Tapah Road, Serta Kerja Berkaitan, MD Tapah. | MARRIS | RM 50,000.00 |
| 11 | Selenggara Longkang Moonsun Di Taman Anson, Tapah, Serta Kerja Berkaitan, MD Tapah. | MARRIS | RM 20,000.00 |
| 12 | Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Di Taman Tapah, Serta Kerja Berkaitan, MD Tapah | MARRIS | RM 50,000.00 |
| 13 | Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Di Belakang Bhp Tapah, Serta Kerja Berkaitan, MD Tapah | MARRIS | RM 50,000.00 |
| 14 | Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Di Jalan Raja, Tapah Serta Kerja Berkaitan, MD Tapah | MARRIS | RM 78,240.00 |
| 15 | Kerja-Kerja Tambahan Bagi Penyelenggaraan Jalan Di Taman Tapah Serta Kerja Berkaitan, MD Tapah | MARRIS | RM 20,000.00 |
| 16 | Kerja-Kerja Tambahan Di Pekan Chenderiang, Serta Kerja Berkaitan, MD Tapah | MARRIS | RM 80,000.00 |
| 17 | Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Di Kg. Baru Bukit Pagar, Tapah Serta Kerja Berkaitan, MD Tapah | MARRIS | RM 155,200.00 |
| 18 | Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Di Taman Ria, Tapah Road, Serta Kerja Berkaitan, MD Tapah | MARRIS | RM 50,000.00 |
| 19 | Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Di Sri Damai, Tapah Serta Kerja Berkaitan, MD Tapah | MARRIS | RM 91,500.00 |
| 20 | Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Di Rpt Batu 4 Tapah Road, Serta Kerja Berkaitan, MD Tapah | MARRIS | RM 63,250.00 |
| 21 | Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Di Rpa 2 Sg Lah Chenderiang , Serta Kerja Berkaitan, MD Tapah | MARRIS | RM 50,000.00 |
| 22 | Kerja-Kerja Penyelenggaraan (Penyuraian Trafik-Jalan Sehala Pekan Tapah) Di Jalan Pusat Perniagaan Bukit Baldwin, Tapah, Serta Kerja Berkaitan. MD Tapah | MARRIS | RM 799,990.94 |
| | | **JUMLAH KESELURUHAN** | **RM 2,614,372.74** |

| BIL | TAJUK KERJA | PERUNTUKAN | KOS KERJA |
|---|---|---|---|
| **TAHUN 2025** | | | |
| 1 | Membina Kemudahan-Kemudahan Oku Di Lokasi Taman Tasek Temoh | PELANCONGA - BKT | RM 149,900.00 |
| 2 | Kerja Menaik Taraf Di Taman Tasek Temoh Dan Kerja-Kerja Berkaitan, Md Tapah | PELANCONGA - BKT | RM 149,908.00 |
| 3 | Naik Taraf Gelanggang Futsal Di Taman Tapah, Batang Padang | JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI PERAK | RM 30,000.00 |
| 4 | Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Di Taman Sri Damai, Tapah Serta Kerja Berkaitan, MD Tapah | MARRIS | RM 179,950.00 |
| 5 | Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Di Taman Tapah Jaya, Serta Kerja Berkaitan, MD Tapah | MARRIS | RM 94,040.00 |
| 6 | Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Di Taman Sri Tapah, Serta Kerja Berkaitan, MD Tapah | MARRIS | RM 73,948.00 |
| 7 | Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Di Taman Bukit Indah, Tapah Serta Kerja Berkaitan, MD Tapah | MARRIS | RM 50,000.00 |
| 8 | Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Di Pekan Chenderiang, Serta Kerja Berkaitan, MD Tapah | MARRIS | RM 50,000.00 |
| 9 | Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Di Taman Asoka, Tapah, Serta Kerja Berkaitan, MD Tapah | MARRIS | RM 50,000.00 |
| 10 | Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Di Taman Tapah 2, Tapah, Serta Kerja Berkaitan, MD Tapah | MARRIS | RM 50,000.00 |
| 11 | Kerja-Kerja Selenggara Dan Pembaikan 'Sinkhole' Di Kawasan Bidor, Sungkai Dan Tapah Road, Serta Kerja Berkaitan, Md. Tapah. | MARRIS | RM 50,000.00 |
| 12 | Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Di Kg. Baru Chenderiang, Serta Kerja Berkaitan, MD Tapah | MARRIS | RM 20,000.00 |
| 13 | Kerja-Kerja Penyelenggaraan Jalan Di Jalan Raja Pekan Tapah, Serta Kerja Berkaitan, MD Tapah | MARRIS | RM 684,900.00 |
| | | | |

| | |
|---|---|
| JUMLAH KESELURUHAN | RM 1,632,646.00 |

2. Projek Pembangunan Hospital Tapah

   a) Apakah status terkini bagi kelulusan pembinaan kantin baru di Hospital Tapah?
   b) Bilakah Mesin Hemodialisis akan ditambah di unit dialisis di Hospital Tapah?
   c) Bilakah perkhidmatan pakar di Hospital Tapah akan ditingkatkan.

   Jawapan Soalan 2

**JAWAPAN :**

Untuk makluman YB Berhormat Chenderiang,

Bagi menjawab soalan (a)
Melihat pencapaian ini, kerajaan negeri akan meneruskan lagi Jelajah AIM TVET *with* Cikgu Saarani bagi siri yang keempat ser berperanan sebagai platform pertandingan TVET secara terbuka yang akan memperlihatkan sebanyak lapan (8) kategori per Kimpalan, Gunting Rambut, *Fruit & Vegetables Carving*, *Draping* Pereka Muda, *Special Makeup Effect* dan pertandingan B menarik minat dan semangat golongan belia untuk menceburi TVET, membuka peluang kepada bakat tempatan untuk bersa menyumbang tenaga dalam arus pembangunan negeri.

3. Berapakah jumlah keluasan kawasan perikanan di negeri Perak yang telah diwartakan setakat ini, pecahan mengikut daerah dan jenis kawasan (cor ikan), serta apakah perancangan kerajaan negeri untuk memperluas kawasan yang diwartakan bagi menjamin kelestarian sumber perikanan?

Jawapan Soalan 3

Telah dijawab secara lisan pada 11 September 2025 Persidangan Ketiga Mesyuarat Kedua Tahun Ketiga Dewan Negeri Yang Kelima Belas.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS**

1. Sebagaimana negeri Pahang yang mempunyai penguat kuasa perikanan darat bagi memastikan benih ikan asing yang merosakkan ekosistem perai menubuhkan pasukan penguat kuasa yang sama? Hal ini kerana kerajaan terpaksa membelanjakan ratusan ribu ringgit bagi melaksanakan program dengan menguatkuasakan undang-undang berkaitan pelepasan ikan asing tanpa kawalan, yang sering dilakukan oleh individu tertentu mengikut kep

Jawapan Soalan 1

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, Negeri Perak sememangnya telah mempunyai pegawai penguat kuasa perikanan dara serta berlandaskan Akta Perikanan 1985 (Akta 317).

Walau bagaimanapun, kerajaan negeri mengambil maklum bahawa kaedah-kaedah sedia ada telah diguna pakai sekian keupayaan penguatkuasaan pegawai di lapangan, terutamanya dalam isu-isu semasa seperti pelepasan benih ikan asing k kerajaan dengan menempatkan sebanyak lima(5) perjawatan di Jabatan Perikanan Negeri Perak juga sedikit sebanyak memba

Sebagai langkah penambahbaikan, pindaan kepada Kaedah-Kaedah Perikanan (Sungai) Perak 1992 kini sedang berada di fas Negeri Perak. Untuk makluman tambahan, mengikut rekod semasa Jabatan Perikanan Negeri Perak bilangan pegawai perika Melalui pindaan Kaedah-Kaedah (Sungai) Perak 1992 terdapat klausa baru bagi lantikan dan peranan pegawai perikanan darat

Pindaan ini dijangka akan:

- Memperkemas peruntukan perundangan sedia ada,
- Memperluas bidang kuasa pegawai penguat kuasa di lapangan,
- Meningkatkan keberkesanan pemantauan dan tindakan terhadap aktiviti pelepasan ikan asing tanpa kawalan.

Untuk rekod, sebagai usaha membanteras ikan asing di periaran Negeri Perak, pada tahun 2024 program Pertandingan Memar Perak berjaya mendaratkan sebanyak 0.47 metrik tan ikan asing. Program ini bukan sahaja bertujuan untuk mengurangkan p dan kesedaran kepada masyarakat setempat.

Jabatan Perikanan Negeri Perak telah meneruskan inisiatif ini dengan penganjuran Program Grand Prix Memburu Ikan A memastikan liputan kawasan yang lebih luas serta penglibatan masyarakat yang lebih menyeluruh. Bagi Siri 1 yang telah dilak sebanyak 2.3 metrik tan. Sementara itu, Siri 2 yang berlangsung pada bulan Ogos 2025 telah mencatatkan jumlah pendaratan ketiga dijadualkan berlangsung pada bulan Oktober tahun 2025 dan dijangka dapat memperkukuh lagi pencapaian yang telah c

Melalui pendekatan bersepadu ini, Kerajaan menekankan bahawa usaha mengekang populasi ikan asing tidak boleh bergantur

Kerajaan Negeri Perak akan terus komited untuk memperkukuh aspek penguatkuasaan perikanan darat agar keseimbanga pencegahan awal, seperti pengawalan aktiviti pelepasan benih ikan asing supaya mematuhi prosedur pelepasan benih ikan pembasmian ikan asing setelah ekosistem terjejas.

Sekian, terima kasih.

2. Kebelakangan ini, gangguan kera bukan sahaja menjejaskan tanaman, malah turut mengancam ketenteraman penduduk di beberapa kawasan di ne diambil oleh kerajaan negeri, termasuk kerjasama dengan agensi berkaitan, bagi mengawal populasi kera serta menangani masalah ini secara berke

Jawapan Soalan 2

**Untuk makluman Yang Berhormat Kampong Gajah,**

Kerajaan Negeri amat mengambil serius masalah gangguan kera liar yang semakin meruncing di kawasan penempatan dan pertanian. Bagi m dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai agensi berkaitan.

**Langkah dan Tindakan Bersepadu yang Diambil seperti berikut :**

1. **Operasi Tangkapan dan Pemindahan**

   – Jabatan PERHILITAN dengan sokongan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), RELA, dan JKKK melaksanakan operasi tangkapan secara berj

2. **Pemasangan perangkap**

   – Jabatan PERHILITAN akan melakukan pemasangan perangkap kera di kawasan kampung dan kebun yang mencatatkan aduan tertinggi.

3. **Penguatkuasaan Undang-undang**

   – Tindakan tegas dikenakan terhadap mereka yang memberi makan kepada kera liar atau melakukan aktiviti yang menggalakkan kera mend

4. **Kerjasama Rentas Agensi**

   – Pelaksanaan operasi bersepadu bersama Jabatan Pertanian, PBT, RELA, Polis Diraja Malaysia serta pihak komuniti setempat bagi mening

5. **Pengurusan Habitat dan Populasi**

   – Usaha pemuliharaan habitat, penanaman semula pokok hutan sebagai sumber makanan alternatif, serta kajian kawalan populasi melalui ka

6. **Pendidikan dan Kesedaran Komuniti**

   – Program advokasi dijalankan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kaedah pencegahan, termasuk pengurusan sampah ya

7. **Pemetaan Hotspot Konflik**

   – Data aduan masyarakat dikumpul dan dianalisis menggunakan sistem maklumat geografi (GIS) untuk mengenal pasti kawasan kritikal dan

Dengan adanya pendekatan bersepadu ini, Kerajaan Negeri yakin masalah gangguan kera dapat dikawal secara lebih berkesan. Pendekatan ini b yang mampan bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar dapat dipelihara.

Sekian, terima kasih.

3. Apakah perkembangan permohonan Majlis Daerah Perak Tengah kepada Kementerian Belia dan Sukan bagi kerja-kerja menaiktaraf Stadium Mini K

Jawapan Soalan 3

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pihak Majlis masih belum menerima sebarang kelulusan peruntukan dari Kementerian Belia dan Sukan bagi cadangan menaiktaraf Stadium Mini Ka

4. Merujuk kepada jawapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Sidang Dewan yang lalu berkenaan cadangan pembinaan sebuah kawasan re boleh nyatakan status terkini projek tersebut? Bilakah projek ini dijangka akan dimulakan dan siap sepenuhnya?"

Jawapan Soalan 4

Pembinaan kawasan Rehat dan Rawat (R&R ) akan diperhalusi oleh PDT dan PBT Daerah Perak Tengah bagi memastikan keperluan pembinaar masyarakat setempat.

Soalan Dari : YB DATO' ABDUL YUNUS BIN JAMAHRI
Ahli Dewan Undangan Negeri : (KUALA KURAU )

**SOALAN-SOALAN LISAN**

1. Dua tragedi kemalangan jalanraya yang amat dasyat telah berlaku di Teluk Intan dan Gerik pada tahun ini yang telah mengorbankan 24 jiwa yang tid lain. Susulan kejadian tersebut apakah usaha yang telah dilaksanakan dan perancangan jangka panjang oleh pihak kerajaan bagi menghindari kejac

Jawapan Soalan 1

1) Untuk makluman Yang Berhormat, pihak JKR sentiasa melaksanakan kerja penyenggaraan jalan termasuk skop rutin, berkala paveme bawah seliaan JKR demi memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya.
2) Selain itu, pihak JKR juga melaksanakan program memperelok lokasi berlaku kemalangan jalan raya secara tertumpu serta di lokasi bac
3) Manakala untuk perancangan jangka panjang, penilaian tapak melalui kajian sentiasa menjadi keutaamaan pihak JKR sebagai cada dilaksanakan merupakan penyelesaian terbaik demi keselamatan dan keselesaaan pengguna jalan raya.
4) Berhubung dengan tragedi kemalangan jalan raya khususnya yang membabitkan sebuah bas Persiaran yang membawa pelajar (UPSI)
5) Antara tindakan yang telah diambil oleh pihak Jabatan Siasatan Dan Penguatkuasaan Trafik PDRM Perak adalah dengan mempertin kenderaan pekhidmatan awam (bas) dan kenderaan perdagangan dan rondaan berterusan dilaksanakan di kawasan berisiko tinggi (blac

2. Penutupan perkhidmatan pesakit luar Hospital Parit Buntar bermula pada 4 Ogos 2025 menyebabkan penduduk sekitar Pekan Parit Buntar menghac Titi Serong atau Klinik Kesihatan Jalan Baharu Tanah Kebun yang kedudukannya agak jauh. Apakah pihak kerajaan ada perancangan untuk mewuju yang akan datang?

Jawapan Soalan 2

**Untuk makluman Yang Berhormat Kuala Kurau ,**

PKD Kerian telah membuat perancangan untuk memohon pertimbangan kerajaan bagi mewujudkan sebuah fasiliti baharu klinil bawah Perancangan Projek Rancangan Malaysia yang akan datang.

Hospital Parit Buntar Baru mula beroperasi sepenuhnya

pada 3hb September 2025,jam 2.00 petang.Menggantikan hospital lama dan mewujudkan kemudahan untuk memperluaskan lama akan diserahkan kepada Pejabat Pergigian

Daerah dan Pejabat Kesihatan Daerah untuk mengembangkan

aktiviti-aktiviti perkhidmatan masing-masing.Secara keseluruhanya kapasiti katil yang disediakan di Hospital Parit Buntar Baru a

Jenis kepakaran baharu yang diperkenalkan di hospital Parit Buntar adalah perkhidmatan Pembedahan dan kemudahan HDU jam.Tambahanya ,hospital baharu ini membantu mengurangkan kesesakan pesakit di hospital berhampiran penerimaan step rawatan dan mengurangkan rujukan dengan adanya pakar residen dankemudahan perkhidmatan baru kelak.

Pada masa ini seorang pakar perubatan dalaman, seorang pakar perubatan kecemasan dan 28 orang Pegawai Perubatar sokongan telah diterima namun pengisian akan dbuat secara berperingkat. Hospital ini menerima penempatan latihan klinika

Materniti.

3. Pihak EAIC dalam laporan bertarikh 7 Julai 2025 telah menerima aduan terhadap Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) berkaitan dengan tindakan me yang dikatakan tidak mengikut ketetapan syarat/pekeliling pelesenan serta bercanggah dengan dasar perikanan sedia ada bagi kes nelayan bot kenl diambil terhadap pegawai dan kakitangan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) Daerah Kerian yang terlibat dalam isu tersebut.

Jawapan Soalan 3

Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Kurau atas soalan yang telah diajukan.

Saya ingin memaklumkan bahawa **Jabatan Perikanan Malaysia (DOF)** mengambil sikap yang sangat serius terhadap sebarang aduan berhubung ketidaktelusan, penyalahgunaan kuasa, serta ketidakpatuhan terhadap dasar dan pekeliling prosedur pelesenan vesel dan peralatan menangkap ikan yang telah ditetapkan.

Isu yang dibangkitkan melibatkan penggunaan vesel jenis kenka dua bot, iaitu satu kaedah tangkapan yang berisiko tinggi dan memberi impak negatif kepada habitat dasar laut dan sumber marin. Kaedah ini telah lama dihentikan secara berperingkat di peringkat antarabangsa, dan ketika ini, daerah Kerian merupakan satu-satunya kawasan di dunia yang masih menggunakan bot kenka dua bot secara aktif. Perlu juga saya nyatakan bahawa kaedah tangkapan menggunakan pukat tunda ganding telah diharamkan di seluruh dunia bagi mengawal risiko kerosakan habitat dasar laut dan sumber marin.

Jabatan Perikanan mempunyai dasar khusus berkaitan penggunaan bot kenka dan sedang melaksanakan pelan peralihan secara berfasa untuk menghentikan sepenuhnya kaedah tangkapan ini, sejajar dengan komitmen negara terhadap kelestarian sumber perikanan.

Sebagai langkah peralihan, Jabatan telah menawarkan dua pilihan kepada pemilik bot dan nelayan terlibat, iaitu sama ada berpindah ke Zon C yang sesuai untuk penggunaan peralatan pukat tunda, atau menukar peralatan kepada jenis yang lebih lestari seperti pukat hanyut jika ingin terus beroperasi di Zon B. Langkah ini bertujuan memastikan keseimbangan antara kelangsungan pendapatan nelayan dan keperluan pemuliharaan sumber laut.

Berhubung dengan laporan bertarikh 7 Julai 2025 oleh Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) mengenai dakwaan kelulusan pelesenan dan pertukaran zon yang didakwa bertentangan dengan dasar, saya ingin maklumkan bahawa siasatan dalaman masih dijalankan di peringkat Ibu Pejabat Jabatan Perikanan Malaysia. Kes ini juga telah diserahkan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk tindakan lanjut.

Jabatan Perikanan memberi kerjasama penuh kepada EAIC bagi memastikan penyiasatan dijalankan secara telus dan menyeluruh. Setakat ini, tiada dapatan rasmi yang membolehkan tindakan tatatertib diambil terhadap mana-mana pegawai secara khusus.

Namun begitu, Jabatan tidak akan berkompromi terhadap sebarang pelanggaran integriti. Sebarang hasil siasatan yang mendapati kesalahan akan disusuli dengan tindakan tegas mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Sebagai usaha memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan dan pengurusan perlesenan, pegawai dan kakitangan di peringkat daerah, termasuk di Daerah Kerian, sedang melalui proses penstrukturan semula organisasi seperti yang disarankan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Ini termasuk penempatan semula pegawai, pemantauan prestasi secara berkala, serta pemantapan sistem pemantauan lesen dan pematuhan dasar perikanan.

Saya ingin menegaskan bahawa Jabatan Perikanan Malaysia komited untuk memastikan pengurusan sumber perikanan dijalankan secara telus, berintegriti, dan mampan demi kepentingan semua pihak, terutamanya komuniti nelayan serta kelestarian ekosistem marin kita. Jabatan sentiasa terbuka untuk menerima maklum balas dan akan terus memperbaiki sistem agar kepercayaan awam dapat dipelihara dengan sebaiknya.

Terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS**

1. Mohon dinyatakan projek-projek pembangunan untuk kesejahteraan rakyat yang telah tersenarai dalam RMK-13 bagi Daerah Kerian.

<u>Jawapan Soalan 1</u>

Untuk makluman Yang Berhormat Kuala Kurau, projek pembangunan utama bagi daerah Kerian di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) adalah Projek memberi tumpuan kepada tenaga boleh diperbaharui serta mempromosikan industri rendah karbon. Projek ini dijangka akan menjadi pemangkin pelaburan dalam s manfaat serta limpahan ekonomi bagi penduduk setempat.

Di samping itu, beberapa projek baharu lain di daerah Kerian turut telah dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi untuk pertimbangan kelulusan. Antara projek y

1. Projek Rancangan Tebatan Banjir Bagan Serai
2. Pembinaan Medan Selera Baharu di Kuala Kurau
3. Pembinaan Dewan Tertutup di Kuala Kurau
4. Pembangunan Kawasan Hutan Paya Laut di Kuala Gula sebagai Pusat Eko Pelancongan bagi Negeri Perak

Selain itu, 27 projek sedia ada di bawah RMK-12 di daerah Kerian seperti Rancangan Tebatan Banjir Sungai Samagagah, Daerah Kerian, Projek Menaiktaraf Infras Dan Persimpangan Baharu Di Lebuhraya Utara - Selatan (Plus) Km178.3 Ke Laluan Persekutuan FT001 Di Seksyen 710.9, Daerah Kerian, (Kerja Awalan, Reka Be Pertama (RP1) Tahun 2026 RMK-13. Namun begitu, status kelulusan bagi permohonan projek-projek pembangunan di bawah RMK-13 adalah tertakluk kepada per

2. Apakah perkembangan terkini berkaitan kelulusan projek membina sebuah tandas baharu untuk Masjid Jamek Pekan Kuala Kurau seperti yang telah yang lalu.

<u>Jawapan Soalan 2</u>

3. Kos baikpulih jalan-jalan kampung yang rebak dan runtuh di kawasan Kerian Laut dalam DUN Kuala Kurau semakin mahal dan tinggi kerana mengg kerajaan negeri akan menambah peruntukan pada tahun hadapan khusus bagi projek baikpulih jalan-jalan kampung yang terjejas di kawasan Kerian

<u>Jawapan Soalan 3</u>

Pertanyaan kepada Kerajaan Negeri berkenaan penambahan peruntukan tidak melibatkan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

4. Kawasan jelapang padi Daerah Kerian menghadapi masalah kekurangan air ketika ini akibat musim kemarau yang masih berpanjangan sehingga me perancangan jangka pendek dan jangka panjang bagi menyelesaikan masalah yang sering dihadapi oleh para pesawah di Daerah Kerian.

<u>Jawapan Soalan 4</u>

Tindakan Segera dan Jangka Pendek

I. Antara tindakan awal, langkah penjimatan air telah diambil dengan membuat catuan bekalan air kepada kawasan sawah. Selain itu, suml bergerak. Rumah-rumah pam yang terlibat adalah Rumah Pam, Kerian, Rumah pam Padang Lalang, Pam air bergerak, Tubewell dan Rumah pam k

II. Operasi Pembenihan Awan (OPA) telah dilaksanakan pada bulan 4 Ogos 2025 oleh pihak NADMA dengan kerjasama MET Malaysia ditanggung oleh pihak NADMA.

Tindakan Jangka Sederhana Dan Panjang

I. Pihak Kerajaan melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang melaksanakan projek bagi meningkatkan kapasiti takungan Em Tebatan Banjir – Empangan Bukit Merah (Reka dan Bina). Walaupun tujuan utama projek ini adalah

untuk pengurusan banjir, takungan tambahan ini turut berpotensi membantu dalam menampung keperluan bekalan pengairan, sekiranya pengurusar

II. Selain daripada projek peningkatan kapasiti takungan di Empangan Bukit Merah, Projek Penyaluran Air Mentah dari Sungai Perak ke Emp dan faedah yang besar kepada takungan pengairan bagi Rancangan Pengairan Kerian (RPK). Projek ini bakal menyalurkan sebanyak 1,500 juta lit Intergrated Green Industrial Park ( KIGIP) dan bekalan air untuk Rancangan Pengairan Kerian.

5. Mohon disenaraikan nama projek dan jumlah kelulusan peruntukan kepada setiap Penyelaras DUN atau Pegawai Khas YAB Menteri Besar yang tela peruntukan khas YAB Menteri Besar pada tahun ini.

<u>Jawapan Soalan 5</u>

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah menyediakan Garis Panduan bagi DUN Kerajaan dan Pembangkang Tahun 2025 dibawah maksud p projek pembangunan kecil dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan berkesan.

Bagi kawasan DUN Kerajaan, permohonan perlu dibuat secara dalam talian di portal Sistem Projek Pembangunan P07 Unit Perancang Ekonomi negeri Perak (UPEI

Manakala, bagi permohonan di kawasan DUN Pembangkang semua permohonan hendaklah dimohon secara bertulis kepada YAB Menteri Besar Perak Darul Ric tidak terhad kepada ADUN kawasan tersebut sahaja tetapi juga boleh dipohon oleh lain-lain pihak seperti JPKK Jabatan/ Agensi/ Pertubuhan Berdaftar. Untuk mak (PDT), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta jabatan teknikal lain yang berkaitan, bagi mer berkuatkuasa.

Adalah ditegaskan bahawa peruntukan ini bukanlah peruntukan kepada Penyelaras DUN atau Pegawai Khas YAB Menteri Besar secara individu, sebaliknya ia mer atau Pegawai Khas YAB Menteri Besar hanya berperanan untuk membantu menyelaras permohonan projek-projek berkenaan di kawasan masing-masing.

<u>Sehingga kini, 8 projek pembangunan telah diluluskan berjumlah RM218,950.00. Berikut ada</u>lah senarai projek dan jumlah kelulusan peruntukan mengikut kawasar

| N.09 - KUALA KURAU | | | |
|---|---|---|---|
| PROJEK | | TARIKH KELULUSAN | RM218,950.00 |
| 1 | JPKK Kampung Jalan Pantai - Permohonan Bina Baru Jalan Lot 3. Lot 11 Dan Selenggara Jalan Lot 4 Kg Baru Nelayan, Mukim Tanjung Piandang | 12/5/2025 | RM50,000.00 |
| 2 | JPKK Kampung Jalan Pantai - Permohonan Bina Baru Dataran Surau Al Asma Kg Baru Nelayan, Mukim Tanjung Piandang | 12/5/2025 | RM20,000.00 |
| 3 | Surau Kampung Telaga Air - Permohonan Selenggara Datara Surau Wa'abrahim Kolam Air Mukim Kuala Kurau | 12/5/2025 | RM30,000.00 |
| 4 | Masjid An-Nur - Memohon Pembiayaan Menaiktaraf Infrastruktur Masjid Menurap Dataran Kejat Masjid | 12/5/2025 | RM30,000.00 |
| 5 | Ahli Dewan Negeri Kawasan Kuala Kurau - Menaiktaraf Dataran Surau Haji Rafee Parit Haji Napis Kuala Kurau | 12/6/2025 | RM20,000.00 |
| 6 | Ahli Dewan Negeri Kawasan Kuala Kurau - Membina Baru Tempat Menunggu Ibubapa Di Hadapan SABK Shamsul Maarif Al-Wataniah Tanjung Piandang Serta Kerja Berkaitan | 12/6/2025 | RM20,000.00 |
| 7 | Ahli Dewan Negeri Kawasan Kuala Kurau - Menurap Semua Dataran Dan Bina Baru Pondok Menunggu Ibubapa Di Hadapan Sekolah Kebangsaan Sungai Burong Kampung Tanjung Piandang | 12/6/2025 | RM35,000.00 |
| 8 | PIBG SMK Kuala Kurau - Permohonan Sumbangan Untuk Naik Taraf Dewan Terbuka SMK Kuala Kurau Perak | 1/8/2025 | RM13,950.00 |

Soalan Dari : YB PUAN THULSI THIVANI A/P MANOGARAN
Ahli Dewan Undangan Negeri : (BUNTONG )

**SOALAN-SOALAN LISAN**

1. Perak telah dinobatkan sebagai destinasi pelancongan domestik paling popular di Malaysia, dengan 10.2 juta pelawat pada tahun 2024 dan angka ir
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melalui Tinjauan Pelancongan Domestik 2024 yang diterbitkan pada 19 Jun 2025, Perak disenaraikan sebag
2024.

   i. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh kerajaan negeri Perak bagi mengekalkan momentum pencapaian ini bagi memastikan Perak ke
untuk lima tahun akan datang.

   ii. Adakah kerjasama dengan kerajaan persekutuan membantu mencapai matlamat ini dan adakah terdapat perancangan rapi dengan kerajaan pers
pelancong-pelancong antarabangsa ke negeri Perak.

   Jawapan Soalan 1

   Untuk makluman Yang Berhormat Buntong,

   Kerajaan Negeri Perak sentiasa komited memposisikan negeri ini sebagai destinasi pelancongan yang unik, menarik serta kaya dengan budaya dan
kebersihan, pengurusan yang baik serta keselamatan di kawasan pelancongan, kerana faktor-faktor inilah yang menjadi penentu utama kepada pen

   Selain itu, kerjasama strategik bersama Tourism Perak turut diberi penekanan bagi memastikan industri pelancongan di negeri ini terus berkembang
langkah utama yang dilaksanakan termasuklah:

   1.Pengembangan Produk Pelancongan Baharu
Sebagai contoh, Coffee Trail yang telah dilancarkan di Taman Tasik Temoh, Tapah melibatkan lebih 80 pengusaha kopi tempatan. Inisiatif ini bertujua
diiktiraf sebagai salah satu bandar pengeluar kopi terbaik di dunia oleh Lonely Planet dan Taste Atlas.

   2. Latihan dan Pembangunan Industri Pelancongan
Tourism Perak menganjurkan Kursus Pemasaran Digital pada 18 Ogos 2025 di Gerik, khusus untuk memperkasakan kemahiran pengusaha pelanco
dalam mempromosikan produk masing-masing.

   3. Latihan Pemandu Pelancong Setempat
Melalui kerjasama dengan PASAK dan MOTAC, Tourism Perak menganjurkan Kursus Hos Komuniti Setempat di daerah seperti Kuala Kangsar dan
gus meningkatkan kualiti pengalaman pelancong di Perak.

   4.Penglibatan dalam Acara dan Aktiviti
Kerajaan negeri terus menganjurkan acara tahunan seperti Lenggong Outdoor Festival, Rimba Raid dan Kampar River Fest yang berjaya menarik ke
persada pelancongan.

Bagi memperkukuh inisiatif ini, kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM4 juta di bawah Belanjawan Negeri Perak 2025 bagi projek pem
memulihkan pelbagai kemudahan di destinasi pelancongan utama negeri Perak.

Di samping itu, konsep pelancongan selamat turut diperkukuh melalui pelaksanaan sistem perlesenan di bawah Enakmen Hotel 2023. Langkah ini m
keyakinan kepada para pelancong.
Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Perak turut menjalin kerjasama erat dengan Kerajaan Persekutuan, khususnya melalui Tourism Malaysia da
merealisasikan hasrat menjadikan Perak sebagai salah satu destinasi pelancongan utama negara.

Kerajaan Persekutuan sentiasa memberikan sokongan melalui penganjuran pelbagai program dan aktiviti pelancongan serta bantuan bagi menaik ta
MOTAC 2025 bagi tujuan pemulihan, pemuliharaan, ubah suai dan naik taraf (PPUN) kemudahan pelancongan di negeri ini.

Selain itu, bagi merancakkan kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 (TMM 2026), sebanyak enam Jawatankuasa Kecil telah ditubuhkan di peringka
bertujuan memastikan mekanisme pelaksanaan, pemantauan dan pelaporan kempen TMM 2026 dapat dijalankan secara teratur, sekali gus meningk

Enam Jawatankuasa Kecil yang ditubuhkan adalah seperti berikut:
a) Jawatankuasa Kecil Pemerkasaan Pelancongan
b) Jawatankuasa Kecil Acara Pelancongan dan Kebudayaan
c) Jawatankuasa Kecil Kemudahan Pelancongan, Infrastruktur, Keceriaan & Kebersihan
d) Jawatankuasa Kecil Kemudahsampaian dan Kemudahan Perjalanan
e) Jawatankuasa Kecil Promosi & Pemasaran
f) Jawatankuasa Kecil Pembangunan Pakej

Secara keseluruhannya, komitmen padu antara Kerajaan Negeri Perak dan Kerajaan Persekutuan melalui pelbagai inisiatif strategik, penambahbaika
lagi kedudukan Perak sebagai destinasi pelancongan utama negara. Usaha bersepadu ini bukan sahaja berpotensi menarik lebih ramai pelancong d
identiti budaya dan warisan negeri Perak di persada dunia.

2. Salah satu usaha kerajaan negeri dan Persekutuan adalah membaik pulih atau menaik taraf kawasan perumahan yang telah lama terabai, khususny
menimbulkan risiko keselamatan serta menjadi punca kepada jenayah. Sehubungan itu, adakah terdapat sebarang perancangan khusus untuk mena
Pari Towers di Jalan Gurdial Singh Gill yang telah dibina pada tahun 1963 tetapi sudah tidak berpenghuni selama lebih daripada 10 tahun.

<u>Jawapan Soalan 2</u>

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri mengambil maklum isu bangunan Sungai Pari Towers di Jalan Gurdial Singh Gill, Buntong yang telah lama terbiar. Lembaga Peru
tapak tersebut dan petender yang berjaya telah dilantik.

Projek ini akan dimulakan dalam masa terdekat dengan pembangunan bercampur yang merangkumi komponen perumahan dan komersial. Suatu la
pemaju, Ahli Dewan Undangan Negeri Buntong serta wakil penduduk setempat.

3. Sekuriti makanan merupakan antara tunjang utama Pelan Perak Sejahtera 2030 dan kemajuan teknologi dalam bidang pertanian adalah faktor penti
kerajaan negeri dalam memastikan hasil pertanian negeri dapat dilipatkaligandakan samada dari segi hasil mahupun kualiti supaya dapat dieksport u

<u>Jawapan Soalan 3</u>

Terima kasih Dato Yang di-Pertua.
Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Buntong atas soalan yang dikemukakan.

Dato Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri Perak sentiasa memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh sektor pertanian sebagai teras sekuriti makanan negeri, di samping meningkatkan kualiti hasil serta memperluas peluang eksport. Sejajar dengan itu, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri

Perak (Perak SADC) telah melancarkan Pelan Tindakan Sekuriti Makanan 2030. Pelan ini menjadi panduan utama bagi mengurangkan kebergantungan kepada makanan import, memperbanyakkan sumber dalaman, memperkukuh penglibatan sektor swasta dan masyarakat serta memastikan makanan yang berkhasiat dapat diperoleh pada harga berpatutan.

Antara inisiatif yang sedang digerakkan termasuklah:

1. Program Bantuan Infrastruktur Padi (2022–2025)

Dilaksanakan bersama Jabatan Pertanian dengan peruntukan RM2.76 juta.Merangkumi pembinaan parit ladang, perataan tanah dan pengapuran bagi meningkatkan hasil padi khususnya di kawasan luar jelapang.

2. Projek Tanaman Semula Kelapa di Bagan Datuk

Bermula tahun 2021 melibatkan 191 ekar dengan 61 peserta. Bertujuan menjadikan Bagan Datuk sebagai hab kelapa Negeri Perak.Perak SADC menyediakan prasarana asas dengan sumbangan RM1.2 juta manakala Jabatan Pertanian menanggung pembekalan anak benih.

3. Pembangunan Zon Keterjaminan Makanan

Sebanyak 93.84 hektar tanah telah dirizabkan bagi tujuan pertanian strategik melalui Pejabat Tanah dan Galian Negeri. Kawasan lain turut dikenal pasti untuk pembangunan Pertanian Bersepadu, dengan peluang penyertaan syarikat, agensi kerajaan serta individu melalui pajakan tanah rizab.

4. Kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan

Melibatkan pelaksanaan Projek Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR-INTAN) di bawah Kementerian Ekonomi bagi membantu golongan berpendapatan rendah.

Dato Yang di-Pertua,

Selain projek fizikal, tumpuan turut diberikan kepada penerapan teknologi moden. Jabatan Pertanian Negeri sedang melaksanakan strategi berasaskan penggunaan teknologi pintar seperti Internet of Things (IoT), automasi dan aplikasi data pertanian bagi meningkatkan produktiviti serta memastikan hasil berkualiti tinggi.

- Bagi tanaman yang sudah melepasi kadar sara diri (SSR), usaha ditumpukan kepada peningkatan kualiti agar berdaya saing di pasaran eksport.
- Bagi tanaman yang masih belum mencapai kadar SSR, langkah memperluas kawasan penanaman serta penambahbaikan amalan pertanian moden terus diperkasa.

- Insentif dalam bentuk pembangunan tanah, infraladang, input pertanian serta penyediaan jentera turut diberikan bagi menyokong keberkesanan pengeluaran.

Dato Yang di-Pertua,

Kesemua inisiatif ini selaras dengan aspirasi Pelan Perak Sejahtera 2030 yang menekankan pertanian mampan, moden dan berdaya saing. Kerajaan Negeri optimis bahawa pendekatan bersepadu antara pembangunan infrastruktur, penerapan teknologi pintar dan pemerkasaan pengeluaran berkualiti bukan sahaja akan menjamin keterjaminan makanan, malah mampu melonjakan sektor pertanian Perak sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi negeri melalui peningkatan eksport dan pendapatan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS**

1. Dengan mengambil kira peraturan kesihatan awam yang melarang aktiviti penyembelihan ayam di pasar-pasar untuk memelihara kebersihan dan pe kerajaan negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk membantu peniaga ayam di pasar-pasar lama yang se membekalkan ayam segar untuk memenuhi pilihan pengguna. Adakah kerajaan negeri bersedia mempertimbangkan penyediaan pusat penyembelih menyediakan bantuan berbentuk insentif dan peralatan bagi memastikan kelangsungan perniagaan peniaga-peniaga tersebut?

   Jawapan Soalan 1

   **JAWAPAN**

   Untuk makluman Yang Berhormat,

   Berdasarkan Garis Panduan Pusat Sembelihan Ayam, Itik dan Unggas di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan pada bulan Januari 2014, semua akt saranan tersebut, Majlis Bandaraya Ipoh dengan kerjasama Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah membina Pasar Ayam A

   Di dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Ipoh, terdapat 14 buah kilang atau premis memproses ayam termasuk yang mendap pembuangan *effluent* supaya mematuhi peraturan dan *standard* Jabatan Kesihatan dan Jabatan Alam Sekitar.

   Bagi peniaga-peniaga yang masih menyembelih ayam di pasar-pasar awam milik Majlis Bandaraya Ipoh, peniaga telah diberikan tempoh yang se ayam yang berhampiran dan berlesen sebelum penguatkuasaan garis panduan dilaksanakan.

   Majlis Bandaraya Ipoh sentiasa mendengar keluhan dan rintihan peniaga ayam berkenaan dan berusaha membantu tanpa mengabaikan garis pandu

2. Apakah perancangan kerajaan negeri untuk menyediakan lebih banyak stesen pengecas kenderaan elektrik (EV) dan hibrid di seluruh Perak, termas

<u>Jawapan Soalan 2</u>

**Untuk makluman Yang Berhormat Buntong,**

Antara usaha dan inisiatif Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menggalakkan penggunaan EV adalah seperti berikut:-

i. MBI dalam proses untuk mewujudkan 10 unit *E-Charging* milik MBI (EV@MBI) yang dijangka siap pada akhir 2025;

ii. Pihak MPT mengeluarkan permit parking EV kepada pemilik pemajuan sekiranya permohonan dikemukakan yang hanya mengambil masa sing dijadikan "ev charging centre" bagi menyokong hasrat kerajaan untuk mencapai sasaran sebanyak 10,000 EV *charging bay* di seluruh negara menje alam sekitar dalam menjadikan Taiping sebagai bandar rendah karbon. Sehingga bulan Ogos 2025, terdapat sebanyak 4 permohonan untuk pema daerah, termasuk di kawasan Rehat dan Rawat (R&R), pusat membeli-belah, bangunan kerajaan, dan hab pengangkutan awam. MPT juga telah r Taiping jika terdapat pihak agensi atau syarikat ingin mengemukakan cadangan permohonan.

iii. Menjalinkan kerjasama dengan pihak UiTM Seri Iskandar dan pihak BEAM Malaysia dalam menggalakkan penggunaan EV di Daerah Perak Tei UITM Perak dan membangunkan laluan *e-scooter* bagi beberapa kawasan di pusat Bandar Seri Iskandar;

iv. Mensyaratkan dalam permohonan kebenaran merancang dan pelan bangunan berdasarkan Garis Panduan Perancangan EVCB yang telah dilulu

v. Dalam peringkat perancangan bersama agensi terlibat bagi menggalakkan penggunaan EV terutamanya motosikal di Pulau Pangkor bagi mereal

vi. Pihak MPTI melalui Pelan Tindakan "*Smart City Teluk Intan 2035*" melalui cadangan pembangunan stesen pengecasan kenderaan elektrik b pelancongan baharu di Bandar Teluk Intan;

vii. Dalam sektor pelancongan daerah menggalakkan rangsangan dan pakej pelancongan yang menarik kepada pengguna kenderaan elektrik dan te elektrik;

viii. Pihak MDK Mensyaratkan penyediaan rizab tempat letak kereta EVCB bagi pemajuan skim perniagaan baru dan pada masa sama menge stesen minyak, hotel serta pusat membeli belah selari dengan pelancaran Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon 2021-2030 oleh Keme infrastruktur pengecasan EV di Malaysia menjelang tahun 2025;

x. MDBG dalam tindakan rundingan penyediaan stesen pengecasan bersama pihak syarikat swasta di lokasi-lokasi tumpuan (petak tempat letak kere

xi. MDS sedang dalam proses akhir untuk bekerjasama dengan syarikat swasta untuk mewujudkan dua lokasi bagi menempatkan stesen EV ya

vi. MDT mengeluarkan notis kepada semua pemilik premis sedia ada seperti hotel, stesen minyak, pasaraya, hospital, terminal bas dan sebagainy syarat Kebenaran Merancang kepada pembangunan baharu yang berskala besar berkenaan keperluan penyediaan tempat pengecasan EV di setiap

vii. MDTM telah mensyaratkan pemasangan EVCB dalam kelulusan Kebenaran Merancang berdasarkan GPP Pemasangan EVCB.

Sekian, terima kasih.

3. Memohon memberikan senarai agensi-agensi kerajaan negeri yang berkaitan dengan pendidikan dan pembangunan bakat serta modal insan di neg

Jawapan Soalan 3

**JAWAPAN :**

Untuk makluman Yang Berhormat Buntong,

Berikut merupakan senarai agensi-agensi kerajaan negeri yang berkaitan dengan pendidikan dan pembangunan bakat serta m

1. Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK)
2. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk)
3. Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat Negeri Perak (SPW)
4. Yayasan Perak
5. Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP)

4. Berdasarkan pengumuman bahawa Kerajaan Negeri sedang meneliti tindakan undang-undang terhadap pihak yang disyaki menyebarkan maklumat komunikasi awam dan ketelusan maklumat yang akan diperkemas bagi memastikan rakyat tidak dikelirukan dan tetap yakin dengan tindakan kerajaa diambil untik memperkasakan program pengurusan haiwan jalanan seperti Perak Pawsitive bagi menjamin tindakan negeri bukan sahaja efektif tetap

Jawapan Soalan 4

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Merujuk kepada contoh kes video tular berkaitan pengurusan anjing liar oleh Majlis Bandaraya Ipoh sebelum ni, Kerajaan Negeri melalui Peja memanggil sidang media setelah berbincang dengan semua pemegang taruh yang terlibat bagi menjelaskan isu sebenar kepada rakyat. Seterusnya

Kerajaan Negeri turut mengambil inisiatif menjalankan Program Perak *Pawsitive Initiative* yang telah dimulakan sejak tahun 2024. Program ini a dijalankan di peringkat daerah supaya lebih dekat dengan rakyat dan telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan sejak program ini dianjurk

5. Bagaimanakah kerajaan negeri bekerjasama dengan agensi persekutuan dan rakan sektor swasta untuk menarik lebih banyak pelaburan langsung a

Jawapan Soalan 5

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri Perak bersama Kerajaan Persekutuan melalui agensi seperti MIDA Perak, dan kerjasama kementerian seperti MITI sedang giat me negeri ini. Usaha ini bertujuan untuk menarik pelaburan baharu, memperluaskan rangkaian bekalan (supply chain), dan mewujudkan Perak sebagai a
1. Usaha Kerajaan Negeri & Persekutuan

a. **Pembangunan Taman Perindustrian Berfokuskan Teknologi Tinggi**
Pihak kerajaan dengan kerjasama pihak swasta memperkenalkan serta membangunkan taman perindustrian baharu yang direka khusus untuk meny yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- Silver Valley Hi-Tech Park (SVTP): Menyokong industri campuran, termasuk teknologi tinggi dan pembuatan.
- Kerian Integrated Green Industrial Park (KIGIP): Taman perindustrian hijau pertama di Perak yang memberi penekanan kepada teknologi hijau,
- Ipoh Raya Integrated Park: Direka khusus untuk menyokong pelaburan dalam industri mineral dan berat.

b. **Insentif Pelaburan**
Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 mensasarkan untuk meningkatkan kompleksiti ekonomi negara dengan menarik pelaburan yang bert economic complexity) negara dengan pemain industri digalakkan untuk meningkatkan inovasi dan menghasilkan produk yang lebih canggih. Oleh ya untuk dipertimbangkan galakan pengecualian cukai daripada kerajaan tertakluk kepada kriteria dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Kerajaan Persekutuan memperkenalkan pelbagai insentif iaitu insentif secara langsung dan insentif secara tidak langsung kepada para pelabur sam
Status, Investment Tax Allowance (ITA) dan insentif penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Bagi memastikan syarikat-syarikat sedia ada terus mengembangkan operasinya di Malaysia, Kerajaan Persekutuan telah memperkenalkan Insentif
melalui Belanjawan 2024. Syarikat boleh dipertimbangkan Elaun Cukai Pelaburan iaitu elaun sebanyak 60% atau 100% daripada jumlah perbelanjaa
penolakan bagi elaun ini sebanyak 70% atau 100% daripada pendapatan berkanunnya untuk setiap tahun taksiran.

Selain itu, menyedari kepentingan dalam menggalakkan syarikat mengadaptasi proses automasi, kerajaan juga menyediakan insentif Elaun Modal A
kalangan syarikat-syarikat perkilangan, terutamanya dalam industri-industri yang berintensifkan buruh. Syarikat yang layak boleh mengurangkan jum
dengan pendapatan berkanun.

Bagi menggalakkan pertumbuhan Ekonomi Hijau, iaitu selaras dengan Misi Ketiga di bawah NIMP 2030; ke arah Net Zero (push for net zero), pelaks
memacu ekonomi yang lebih mampan dan lestari. Inisiatif hijau yang dimaksudkan termasuk Galakan Cukai Teknologi Hijau seperti Elaun Cukai Pela
galakan sehingga 31 Disember 2026.

Disamping itu, kerajaan melalui MIDA turut memberikan kemudahan pengecualian duti import dan/atau cukai jualan kepada syarikat-syarikat pengila
atau dikeluarkan di dalam negara.

Selain daripada itu, seperti yang telah diumumkan di dalam pembentangan Belanjawan 2025, kerajaan persekutuan memperkenalkan Kerangka Inse
sedia ada yang menawarkan insentif pelaburan berasaskan produk atau aktiviti tertentu.Kerangka insentif pelaburan baharu ini dijangka akan dilaksa
limpahan ekonomi bagi cadangan pelaburan yang dikemukakan. Syarikat yang diluluskan insentif pengecualian cukai akan membuat tuntutan insent
limpahan ekonomi yang telah dipersetujui. Ini akan memberi lebih fleksibiliti kepada syarikat dalam menentukan kelayakan untuk membuat tuntutan i

Kesemua insentif ini mencerminkan kesungguhan Kerajaan Persekutuan dalam menjadikan Malaysia, termasuk negeri Perak, sebagai destinasi pela
berpaksikan nilai tambah tinggi.

c. **Fasilitasi Pelaburan**
Kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri sentiasa bekerjasama untuk membangunkan sektor industri ke arah pelaburan yang lebih berkualiti tinggi

• Pusat Pelaburan Perak (InvestPerak): Ditubuhkan pada 24 Januari 2006, InvestPerak berfungsi sebagai pusat sehenti bagi pelabur dalam sekt
kerajaan negeri yang melaporkan terus kepada YAB Menteri Besar Perak. Invest Perak juga membantu di dalam memudahcara urusan pelaksanaan
agensi kerajaan negeri yang berkaitan.

• MIDA; Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia / Malaysian Investment Development Authority (MIDA) merupakan agensi utama Kerajaan
Malaysia di samping menawarkan bantuan kepada syarikat yang berhasrat untuk melabur dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Oleh yang de
(melalui MIDA Perak) bagi fasilitet isu-isu yang dihadapi oleh para pelabur di peringkat negeri.

• Sokongan Logistik dan Utiliti: Kerajaan negeri bekerjasama dengan agensi berkaitan untuk memastikan penyediaan kemudahan logistik dan uti

d. **Menarik Pelaburan Utama (Anchor Investment) / Menggalakkan Pembangunan Pelaburan Sediada**
Kerajaan Negeri dan Persekutuan sedang berusaha menarik pelaburan besar daripada syarikat global untuk menjadi syarikat teras (anchor company
mereka sedia ada untuk bertapak di Perak serta memberi peluang perniagaan kepada industri-industri tempatan berkaitan sedia ada.

Di samping itu, pihak kerajaan juga sentiasa menggalakkan syarikat tempatan atau yang sedia ada bertapak di Perak untuk terus mengembangkan /
pertubuhan ekonomi negeri serta pengwujudan peluang pekerjaan. Sebagai contoh, syarikat seperti Unisem dan Carsem yang telah sekian lama be
Perak bagi memenuhi permintaan global.

e. **Pemantapan Rangkaian Bekalan**
Kerajaan Negeri dan Persekutuan sedang berusaha menarik pelaburan daripada industri sokongan seperti pengeluaran wafer, penyediaan bahan ki
promosi ke atas syarikat yang berkaitan di luar negara, terutamanya di Taiwan, China, dan Korea Selatan melalui misi pelaburan antarabangsa deng

f. **Peningkatan TVET & Modal Insan**
Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) bersama-sama dengan politeknik dan universiti seperti Politeknik Ungku Omar dan UTP sedang melatih tenaga
konduktor.

**Kesimpulan**
Dengan perancangan strategik ini, Negeri Perak mampu merebut peluang untuk menjadi hab pelaburan di Malaysia dan serantau. Kerajaan Negeri b
berkembang demi manfaat ekonomi negeri dan rakyat.

Soalan Dari : YB ENCIK NADZIRUDDIN BIN MOHAMED BANDI
Ahli Dewan Undangan Negeri : (CHANGKAT JONG )

**SOALAN-SOALAN BERTULIS**

1. Berapakah jumlah pelaburan yang diterima oleh Negeri Perak bagi tempoh Januari 2023 sehingga Jun 2025 serta berapakah jumlah pendapatan Ke

Jawapan Soalan 1

Untuk makluman Yang Berhormat,

| JAN - DEC 2023 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Main Sector | No. of Project | Potential Employ | Domestic Investment (RM) | Foreign Investment (RM) | Total Investment (RM) |
| **Perak** | **356** | **3,584** | **6,404,462,768** | **2,100,393,489** | **8,504,856,257** |
| Primary | 3 | 0 | 12,061,700 | 0 | 12,061,700 |
| Manufacturing | 43 | 2,857 | 800,122,719 | 1,970,500,880 | 2,770,623,599 |
| Services | 310 | 727 | 5,592,278,349 | 129,892,609 | 5,722,170,958 |

| Sektor Utama | JAN – DIS 2024 | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Bil Projek | Jumlah Pekerjaan | Pelaburan Domestik (RM) | Pelaburan Asing (RM) | Jumlah Pelaburan (RM) |
| **Perak** | **335** | **4,279** | **8,426,517,043** | **317,877,252** | **8,744,394,296** |
| Primary | 3 | 117 | 32,736,700 | 0 | 32,736,700 |
| Manufacturing | 60 | 3,540 | 3,454,231,497 | 266,007,612 | 3,720,239,109 |
| Services | 272 | 622 | 4,939,548,847 | 51,869,640 | 4,991,418,487 |

| State & Main Sector | Jan-June, 2025 | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | No. of Projects | Employment | Domestic Investment (RM) | Foreign Investment (RM) | Total Investment (RM) |
| **Perak** | **203** | **5,053** | **5,540,533,658** | **704,537,828** | **6,245,071,486** |
| Primary | 2 | 28 | 13,490,000 | 0 | 13,490,000 |
| Manufacturing | 37 | 4,811 | 2,972,795,785 | 667,554,751 | 3,640,350,536 |
| Services | 164 | 214 | 2,554,247,873 | 36,983,077 | 2,591,230,950 |

2. Berapakah bilangan anak syarikat milik Kerajaan Negeri Perak yang mencatatkan kerugian bagi tahun kewangan 2024 dan syarikat manakah yang r

Jawapan Soalan 2

Untuk makluman Yang Berhormat Changkat Jong, sehingga tarikh akhir penyata kewangan diaudit bagi tahun kewangan 2024, terdapat 4 anak syarikat milik Keraja

a) Universiti Sultan Azlan Shah @ USAS Berhad: (RM8,594,139.00)

b) Tourism Perak Management Berhad: (RM832,597.00)

c) Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) @ Pusat Kerjaya Amanjaya Sdn Bhd: (RM411,385.00)

d) Perak Investment Management Centre: (RM254,243.00)

Daripada senarai tersebut, syarikat yang merekodkan kerugian tertinggi ialah Universiti Sultan Azlan Shah (USAS Berhad).

Walaupun mencatatkan kerugian, perlu dinyatakan bahawa beberapa entiti ini berperanan penting dalam memenuhi objektif sosial dan pembangunan negeri, bu strategik dan sosial yang disumbangkan kepada rakyat dan ekonomi Negeri Perak.

3. Mohon pihak Kerajaan Negeri menyatakan sejauh manakah keberkesanan program membasmi penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia serta a program tersebut ?

Jawapan Soalan 3

**Jawapan:**

Program atau aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak AADK Negeri Perak khusus kepada golongan belia adalah program SKUAD Antidadah yang di dilaksanakan di setiap daerah sebanyak sekali setahun.

Keadah Pengukuran keberkesanan program dilakukan menerusi Borang Maklum Balas atau Borang Penilaian yang wajib diisi oleh setiap peserta.

Kaedah Pengukuran dilakukan secara 3(tiga) Peringkat iaitu:

a. *Pre Test* (ujian dilakukan sebelum program tersebut bermula, tujuan dilakukan bagi mengukur tahap kefahaman peserta sebelum mengikuti aktiv

b. *Post Test* ( setelah tamat program, setiap peserta diwajibkan untuk menjawab ujian penilian dengan soalan yang sama sewaktu *pre-test* bagi me

c. *Ujian Berkala* (bagi program yang melibatkan remaja ujian susulan keberkesanan program dilakukan setelah 3(tiga) bulan bagi mengukur tahap

Skala pengukuran yang digunakan adalah, sangat setuju(1), tidak setuju(2), tidak pasti(3), setuju(4) atau sangat tidak setuju(5). Antara perkara-pe mengikuti aktiviti tersebut mengenai bahaya dadah, kesesuaian aktiviti serta pengisian yang dilaksanakan oleh pihak AADK, cadangan dari pese program tersebut. Berdasarkan maklum balas yang diterima menerusi boring penilaian tersebut didapati lebih 85% peserta memberi maklum balas y

Pihak AADK juga melaksanakan penilaian kepada setiap program-program yang dilaksanakan samada kepada komuniti, keluarga, tempat kerja bel pihak AADK menerima cadangan daripada peserta bagi tujuan penambahbaikan modul program yang lebih berkesan dan menarik minat golongan sa

4. Berapakah jumlah kedatangan pelancong domestik dan antarabangsa ke Negeri Perak bagi tempoh tahun 2024 hingga separuh pertama tahun 2025 pelancongan dalam tempoh tersebut ?

Jawapan Soalan 4

Untuk makluman Yang Berhormat,

Berdasarkan Survei Pelancongan Domestik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Negeri Perak telah menerima kedatangan pada tahun 2023, yang menunjukkan peningkatan sebanyak 36.1 peratus.

Selain itu, berdasarkan Survei Hotel Guest oleh Tourism Malaysia, pelancong antarabangsa ke Perak juga mencatatkan peningkatan, daripada 867,6 2024, yang menunjukkan peningkatan sebanyak 11.9 peratus.

Pendapatan yang dijana melalui sektor pelancongan adalah seperti berikut:

o Pelancong Domestik:
Anggaran perbelanjaan bagi setiap pelancong domestik adalah sebanyak RM500 untuk penginapan, pengangkutan, makanan, dan lain-lain. Berdas RM5.1 bilion.

o Pelancong Antarabangsa:
Dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM1,000 setiap seorang, anggaran pendapatan yang dijana daripada pelancong antarabangsa boleh mer yang cenderung lebih tinggi serta kebiasaan mereka untuk membelanjakan lebih banyak semasa bercuti.

Untuk tahun 2025, data Survei Pelancongan Domestik hanya akan dikeluarkan pada pertengahan tahun hadapan. Namun, berdasarkan Hotel Guest menerima 235,131 pelancong antarabangsa, berbanding 220,423 pelancong antarabangsa pada tempoh yang sama pada Januari hingga Mac 2024

Soalan Dari : YB ENCIK MOHD HAFEZ BIN SABRI
Ahli Dewan Undangan Negeri : (MANJOI )

**SOALAN-SOALAN LISAN**

1. SURAU AL-FALAH, TAMAN CHEPOR INDAH.

(a)Apakah status permohonan pemberimilikan kekal tanah lot 353972 Mukim Hulu Kinta kepada Surau Al-Falah, Taman Chepor Indah ?

(b)Adakah kerajaan bercadang meluluskan permohonan Surau Al-Falah terhadap tanah lot 373133 Mukim Hulu Kinta dijadikan tapak wakaf saraan k

(c)Adakah kerajaan bercadang meluluskan permohonan Surau Al-Falah terhadap tanah lot 373132 Mukim Hulu Kinta dikekalkan sebagai tapak Seko

Jawapan Soalan 1

Untuk makluman Yang Berhormat Manjoi, pihak Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) telah memanjangkan permohonan pemberimi kepada pihak Pejabat Daerah dan Tanah Kinta (PDT Kinta) pada 30 Julai 2025. Permohonan ini selanjutnya akan diangkat oleh PDT Kinta kepada Negeri mengikut Seksyen 76 Kanun Tanah Negara (Akta 828).

Yang Berhormat Manjoi turut bertanya berkenaan status permohonan oleh Surau Al-Falah terhadap tanah lot 373133 Mukim Hulu Kinta untuk dijadikan tapak waka lot ini telah dipersetujui untuk dibatalkan warta dan diberimilik kepada MAIPk melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak Bil. 1916 pada 11 Oktober 2017 m rakyat. Permohonan pemberimilikan telah dipanjangkan oleh MAIPk dan telah dibayar premium kepada PTG pada 28 Disember 2017.

2. JALAN PINTAS DARI TAMAN DATO AHMAD SAID KE MASJID JAMEK KG. DATO AHMAD SAID TAMBAHAN 3.

(a)Adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan jalan pintas terus dari Taman Dato Ahmad Said ke Masjid Jamek Kg Dato Ahmad Said Tambahan

(b)Adakah kerajaan bercadang bagi pembinaan jalan tersebut juga sebagai laluan alternatif bagi penduduk, pihak berkuasa seperti polis, bomba, JP/

Jawapan Soalan 2

**JAWAPAN A**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Secara keseluruhan, pembangunan teknologi skala besar dalam industri pertanian bukan sahaja mengurangkan kos pengeluaran yang ditanggung oleh usahawantani, malah mampu meningkatkan produktiviti dan hasil pertanian yang akhirnya akan menjamin keterjaminan makanan (food security) dalam negara.

Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) telah **melaksanakan inisiatif** dalam memperkukuh agenda Sekuriti Makanan negeri melalui pelbagai projek berimpak tinggi yang menekankan penggunaan teknologi moden, pembinaan institusi serta penglibatan komuniti. Sejajar dengan aspirasi Perak Sejahtera 2030, sebanyak 42 projek Sekuriti Makanan telah dikenal pasti untuk dilaksanakan, dengan 10 projek utama melibatkan Perak SADC sebagai agensi pelaksana.

Antara projek-projek yang telah dirangka termasuklah **Pelan Tindakan Sekuriti Makanan Perak Sejahtera 2030**, **Akademi Sekuriti Makanan**, **Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR)**, **Program Subsidi Beras yang ditukar kepada Program Subsidi Lembu Korban**, **Program Subsidi Barangan Keperluan Harian** seperti ayam, telur dan daging, penganjuran **Perak Agrotourism Carnival (PAC 2024)**, penganjuran **Perak Agrofest** di bawah inisiatif International Agrofest, pembangunan **Halal Industrial Park**, **Ladang Usahawan Senggang**, serta **Ladang Komersial Sungai Rui di Gerik**. Projek-projek ini dilaksanakan merentasi seluruh Negeri Perak, dengan beberapa daripadanya memberi tumpuan khusus kepada kawasan DUN seperti Bota, Kenering, Pengkalan Hulu, Temenggor, Jalong, Pasir Panjang dan Manong.

Tuan Yang Dipertua,

Kejayaan sesuatu inisiatif Sekuriti Makanan tidak seharusnya hanya diukur daripada jumlah pengeluaran hasil pertanian semata-mata. Kejayaan sebenar perlu dilihat secara menyeluruh, merangkumi keberkesanan pelaksanaan, pembentukan institusi yang berwibawa, impak sosioekonomi kepada rakyat, serta kebolehlanjutan program dalam jangka panjang.

Dalam hal ini, daripada lima projek utama yang telah dilaksanakan, empat daripadanya melibatkan penyertaan aktif Perak SADC. Antara pencapaian yang telah diraih termasuklah penubuhan **Akademi Sekuriti Makanan (ASM)** hasil kerjasama Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Perak SADC dan Institut Darul Ridzuan (IDR). ASM berfungsi sebagai pusat kecemerlangan teknologi pertanian serta pusat rujukan dalam sektor pertanian, penternakan, akuakultur dan agromakanan. MoU penubuhan ASM telah dimeterai pada tahun 2022, dan ia kini beroperasi sebagai wadah penting bagi perkongsian kepakaran akademik dan praktikal.

Selain itu, penganjuran **Perak Agrotourism Carnival (PAC 2024)** pada 17 hingga 19 Mei 2024 di Resort Tasik Raban, Lenggong telah membuka ruang kepada promosi agro dan ekopelancongan negeri. Program ini berjaya menarik lebih **22,000 pengunjung**, memperkenalkan **120 produk pelancongan** serta lebih **30 produk makanan dan minuman** termasuk keperluan pasar rahmah. Malah, platform digital **ecodoor.my** turut dilancarkan sempena program ini, yang sehingga 20 Mei 2024 telah mencatatkan nilai jualan kasar sebanyak **RM255,770**.

Seterusnya, **Perak Agrofest** yang dijalankan di bawah inisiatif International Agrofest turut memberi manfaat besar kepada rakyat melalui penstabilan harga barangan asas. Dengan penglibatan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP), subsidi telah diberikan bagi barangan seperti ayam segar, daging, telur dan produk Yayasan Bina Upaya (YBU), sekali gus membolehkan rakyat mendapatkan barangan keperluan dengan harga lebih rendah. Program ini dilaksanakan secara dwi-tahunan, dengan kejayaan pada tahun 2023 dan akan diteruskan pada tahun 2025.

Tidak ketinggalan, projek **Ladang Komersial Sungai Rui di Gerik** yang dilaksanakan bersama Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) juga telah menunjukkan hasil yang membanggakan. Projek seluas **200 hektar** ini menumpukan kepada tanaman **Nangka Madu J33**. Hasil mula dituai sejak Mei 2025, dan sehingga Jun 2025 sebanyak **1,500 pokok telah mengeluarkan hasil dengan jumlah pengeluaran mencecah 3,360 kilogram**.

Tuan Yang Dipertua,

Keseluruhan pencapaian ini membuktikan bahawa agenda Sekuriti Makanan Negeri Perak bukan hanya tertumpu kepada angka pengeluaran semata-mata. Sebaliknya, ia turut melibatkan penubuhan institusi yang mantap, peningkatan kapasiti modal insan, pemerkasaan ekonomi komuniti tempatan, serta pengukuhan ekosistem agromakanan negeri. Komitmen Kerajaan Negeri jelas dan berterusan dalam memperkukuhkan agenda ini. Pendekatan berasaskan teknologi moden, penglibatan aktif golongan belia tani serta kerjasama pintar antara agensi kerajaan, sektor swasta dan institusi akademik akan terus diperkukuhkan. Inisiatif ini bukan sahaja menyumbang kepada pengukuhan daya tahan makanan negeri, malah turut menyokong pencapaian **Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0)** serta aspirasi **Perak**

**Sejahtera 2030** demi kesejahteraan rakyat dan masa depan negeri yang lebih makmur.

Untuk makluman dan rujukan bersama, senarai penuh 42 projek ini akan saya sediakan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

2. Pengurusan Sampah dan Sisa Pepejal yang baik sangat penting untuk kesihatan awam, alam sekitar dan pembangunan mampan sesebuah negara 672) telah digubal untuk mengawal selia pengurusan sisa pepejal dan perkhidmatan pembersihan awam secara sistematik, cekap dan mesra alam.
i. Adakah kontraktor yang telah dilantik oleh PBT khususnya di daerah Kuala Kangsar tidak mempunyai keupayaan kewangan yang kukuh iaitu kurai Menyebabkan jadual kutipan sampah tidak berjalan dengan baik.
ii. Adakah kerajaan bercadang untuk memperluaskan pengurusan pungutan sampah ke kawasan-kawasan kampung yang memerlukan?

Jawapan Soalan 2

**JAWAPAN 1**

Untuk makluman Yang Berhormat,

MPKK telah melantik kontraktor kutipan sisa pepejal dikawasan ini dan penyelian berkala telah dibuat serta kegagalan kontraktor mematuhi sy dilaksanakan.

Khusus bagi kawasan Manong seperti yang dinyatakan, MPKK telah mengambil tindakan dengan menamatkan perkhidmatan kontraktor yang di melantik kontraktor yang baharu untuk menjalankan kerja kutipan sisa pepejal di kawasan ini bermula 1 Sept 2025.

**JAWAPAN 2**

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan negeri melalui PBT di Negeri Perak telah mengambil inisiatif melaksanakan perkhidmatan kutipan sampah di kawasan luar bandar (dan l 2021 bagi membantu mengurangkan aktiviti pembuangan sampah haram dan pembakaran terbuka yang tidak terkawal.

Sehingga kini, 174 buah kampung telah menerima perkhidmatan ini dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM14,254,978.20 bagi menampun Negeri Perak. Perkhidmatan kutipan sampah di luar kawasan operasi PBT ini masih diteruskan dengan mengekalkan jumlah kampung sedia a mahupun penambahbaikan operasi kutipan.

Setelah masuk tahun ke-lima pelaksanaan inisiatif, Kerajaan Negeri akan terus meneliti keberkesanan dasar dan pelaksanaannya dari semasa memastikan tapak-tapak kutipan sampah (di luar kawasan operasi) yang sedia ada berada pada tahap kebersihan yang terbaik dan proses pengope

Di samping itu, sebarang tindakan menambah bilangan operasi atau memperbaiki fasiliti di tapak-tapak sampah yang sedia adalah mengikut kep berdasarkan objektif asal pelaksanaan inisiatif ini tercapai.

3. Kes buli fizikal yang berlaku di sekolah dan pusat pengajian tinggi sejak akhir-akhir ini semakin membimbangkan semua pihak khususnya ibubapa da kecedaraan fizikal tetapi telah sampai ke tahap kematian. Ibubapa dan masyarakat mula meragui tahap keselamatan dan pengurusan di asrama ser tahap keselamatan di asrama?
i. Adakah modul pendidikan kemanusiaan dan kesedaran jenayah diberi secara khusus kepada pelajar atau diserapkan dalam kurikulum tertentu?
ii. Adakah budaya 'kapla' atau kumpulan ala gengster masih wujud di sekolah khusus di Sekolah Berasrama Penuh (SBP)?

Jawapan Soalan 3

Buli di sekolah ditakrifkan sebagai tingkah laku agresif yang berlaku berulang kali, di mana pembuli menggunakan ketidakseimbangan kuasa (seben mangsa. Ia melibatkan niat bermusuhan untuk menyakiti atau menguasai orang lain, sama ada melalui kaedah fizikal, lisan, sosial (memulau), atau s

Ciri-ciri utama buli:

- Ketidakseimbangan Kuasa:

  Pembuli mempunyai kelebihan kuasa sama ada fizikal, sosial, atau digital berbanding mangsa.

- Pengulangan:

  Perbuatan buli berlaku berulang kali dalam tempoh masa tertentu, menjadikannya satu corak tingkah laku yang disengajakan.

- Niat Berbahaya:

  Pembuli mempunyai niat untuk mencederakan, mengugut, menghina, atau menyebabkan kesusahan kepada mangsa.

Jenis-jenis Buli di Sekolah:

- Buli Fizikal:

  Perbuatan seperti memukul, menolak, menendang, atau merosakkan barang milik mangsa.

- Buli Lisan:

  Menggunakan kata-kata kasar, ejekan, cercaan, atau ancaman secara lisan.

- Buli Sosial/Memulau:

  Sengaja menjauhkan diri, mengasingkan, atau menyebarkan khabar angin untuk memalukan seseorang.

- Buli Siber:

  Menggunakan media sosial, mesej, e-mel, atau permainan internet untuk mengancam, memalukan, atau mengganggu mangsa secara berteru

- Buli Seksual:

  Perbuatan memalukan, mengancam, atau komen berunsur seksual yang berulang-ulang terhadap mangsa.

Kesimpulannya:

Buli bukan hanya sekadar satu insiden, tetapi satu corak tingkah laku agresif yang disengajakan, dilakukan berulang kali, dan melibatkan ketidaksein

Gejala buli merupakan isu yang mendapat perhatian masyarakat. Jabatan Pendidikan negeri Perak telah memberi fokus terhadap gejala buli ini. Usa adalah :

1. Penguatkuasaan Dasar & Pekeliling KPM

Rujukan yang jelas bagi penguatkusaan dasar dan pekeliling adalah merujuk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 7 tahun 2011 : Pelaksanaan

Penyediaan Standard Operating Procedure (SOP) 1:3:7 laporan isu disiplin murid ini menjadi panduan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pe maklumat dan laporan berkaitan isu Pendidikan khususnya yang berkaitan dengan disiplin murid kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. SOP ini tahap kesegaeraan tindakan bagi menangani isu disiplin murid.

2. Rujukan kedua yang sangat penting adalah merujuk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 12 Tahun 202 Kementerian Pendidikan Malaysia.

Garis panduan Pengurusan Salah Laku Buli di Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia ini :

- menjadi asas panduan pengurusan salah laku buli;
- menjelaskan secara terperinci definisi, jenis, faktor dan implikasi salah laku buli;
- menerangkan peranan jawatankuasa pengurusan salah laku buli; dan
- menjelaskan tatacara pengurusan salah kes salah laku, tindakan disiplin dan intervensi Pengurusan salah laku buli.

Jabatan Pendidikan Negeri Perak telah pun membuat penataran kepada semua sekolah dengan sasaran utama adalah kepada Pejabat Pend sekolah di bawah seliaan JPN.

Semua sentiasa diingatkan secara berkala dan bimbingan berfokus diberikan keutamaan kepada sekolah-sekolah berisiko seperti asrama har Sekolah Agama Bantuan Kerajaan di daerah.

Gerak Khas Sentuhan Prihatin Pengurusan tertinggi JPN/PPD telah pun dilaksanakan bermula Ogos 2025 ke asrama-asrama di sekolah berk

Bagi memastikan kawalan tegas ke atas kes buli agar tidak berlaku di sekolah dan asrama, tindakan berikut juga telah diambil secara pantas :

1. Pemerkasaan warden

1.1 Warden sekolah akan dilantik mengikut norma atau ratio atau nisbah yang telah ditetapkan oleh pihak KPM iaitu minima 3 orang dilantik sekiranya ada warden yang meletak jawatan, bersara atau bertukar sekolah supaya pengurusan asrama dapat dilaksanakan deng

1.2 Pengurusan Asrama perlu kepada menyusun jadual bertugas kepada setiap warden agar setiap waktu keberadaan warden sentia

1.3 Setiap warden yang bertugas mestilah mengisi buku laporan warden bertugas mengikut format yang ditentukan berkaitan keselar

2. Pemantauan Asrama

2.1 Setiap asrama mesti mempunyai peraturan yang dipamerkan di lokasi yang boleh dilihat dan dibaca oleh murid agar murid sentiasa

2.2 Asrama mestilah mempunyai peti aduan sendiri selain peti aduan yang berada di sekolah. Peti aduan mestilah terletak di tempat ya warden bertugas agar sebarang aduan dapat segera ditangani dan diseleaikan oleh pentadbir atau warden asrama.

2.3 Setiap pergerakan keluar dan masuk murid asrama hendaklah direkodkan supaya dapat mengesan pergerakan semasa murid asra

2.4 Pemeriksaan dan “roll-call” dilaksanakan secara berkala dengan bantuan pengawas bertugas pada waktu pagi dan malam.

3. Menguatkuasakan / mempastikan peraturan asrama dipatuhi dan mengambil tindakan ke atas hal-hal berkaitan disiplin berdasarkan prosedur yan

4. Mengadakan mesyuarat dengan warden-warden asrama sekurang-kurangnya 2 bulan sekali dan merekodkan mesyuarat tersebut untuk dikemuka

5. Merekodkan aktiviti-aktiviti harian dan berkala dalam buku laporan harian asrama dan Menyediakan laporan harian untuk tindakan Pengetua / Per

6. Menyemak, menyiasat serta mengambil tindakan susulan ke atas Laporan Harian Pengawas Asrama dan Ketua Dormitori.

7. Mengadakan perjumpaan mingguan dengan Lembaga Pengawas Asrama dan Ketua-ketua Dormitori.

Selain itu, Jabatan Pendidikan negeri Perak turut menjalankan aktiviti/program iaitu :

Program yang telah dijalankan :

1. Program Advokasi Jenayah Buli dan Seksual dengan kerjasama Sekretariat Pembangunan Wanita & Negeri Perak kepada sekolah berfokus k 2025)

2. Program Advokasi Jenayah Buli dan Seksual dengan kerjasama Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam Perak di SMK Tasek Damai, Kolej Vol

3. Bacaan Teks Khutbah Jabatan Pendidikan Negeri Perak berkaitan keburukan perlakuan buli dengan kerjasama Jabatan agama Islam Perak (M

4. Program Duta Sahsiah (bacaan kit duta sahsiah dalam perhimpunan pagi)

(Minggu Cegah buli dan seksual)

5. Kem Generasi Madani Duta Sahsiah (Mac 2025)

6. Surat arahan peringatan mesra program advokasi dan intervensi jenayah buli dan seksual ke semua sekolah negeri Perak (Ogos 2025)

Program yang sedang dijalankan :

1. Gerak Khas Sentuhan Prihatin Asrama-asrama negeri Perak bersama Pengurusan Tertinggi JPN Perak dan turut dilaksanakan di peringkat da

Program yang akan dijalankan :

1. Lawatan mengejut ke sekolah dan asrama secara berkala bagi pematuhan pelaksanaan SOP 1:3:7.

2. Amalan Sekolah Penyayang diteruskan sebagai program pencegahan di peringkat sekolah.

3. Peranan Duta Sahsiah di sekolah dalam menyampaikan maklumat atau info buli

4. Sembang santai PDRM bersama-sama guru-guru bagi sekolah berfokus bagi kes buli yang berlaku.

Hasil siasatan yang dilakukan oleh Jabatan Pendidikan Negeri dan maklumat yang diperolehi daripada PDRM, tiada budaya ‘kapla’ atau gangsterim puas hati yang timbul serta perselisihan komunikasi antara murid.

Dari aspek kesejahteraan emosi,

1. Langkah-Langkah Yang Telah Diambil:

Saringan Awal & Intervensi Kaunseling:

- Melaksanakan Saringan Minda Sihat.
- Murid yang dikenal pasti berisiko diberi intervensi awal oleh guru bimbingan dan kaunseling.

2. Langkah-Langkah Sedang Dilaksanakan:

Sokongan Emosi Berterusan:

- Mengadakan sesi kaunseling berkala dan sesi kaunseling krisis kepada mangsa buli dan pelajar yang mengalami tekanan emosi.

3. Langkah-Langkah Akan Diambil:

Kerjasama Strategik Dengan Agensi Sokongan Psikososial:

- Bekerjasama dengan agensi seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), PDRM, NGO psikologi dan kaunseling untuk menyediakan bantu

Saringan Psikososial dan Emosi Murid:

· Pelaksanaan Saringan Minda Sihat bagi mengenal pasti murid yang berisiko tinggi mengalami tekanan, kemurungan atau menjadi man

Sesi Kaunseling:

· Guru Bimbingan dan Kaunseling melaksanakan sesi kaunseling individu atau kelompok kepada murid yang menunjukkan simptom teka

Pengesanan Awal oleh Warden dan Guru Asrama:

· Warden dan guru ditugaskan mengenal pasti murid yang menunjukkan perubahan sikap seperti menarik diri, kemurungan atau ketakuta

Usaha pencegahan dan pengesanan awal juga dilaksanakan melalui Program Minda Sihat di bawah selia Guru Bimbingan dan Kaunseling yang bert
Pelaksanaan Program Minda Sihat DIWAJIBKAN kepada semua murid sekolah menengah (Peralihan – tingkatan enam) dan murid sekolah rendah

GBK juga melaksanakan program KAUNSELING BERFOKUS berfokuskan Disiplin, Sahsiah, Kerjaya dan Psikososial murid. Melalui dapatan SENAF
atau KAWAN atau KELUARGA atau GURU DAN SEKOLAH atau KEBERGANTUNGAN INTERNET. Dapatan data tersebut, GBK akan melaksanaka
modal insan cemerlang.

Kerjasama Strategik Dengan Rakan Sinergi Bagi Pengurusan Psikososial:

2.1 Program 'PEERS"

Bersama LPPKN dalam program Kafe TEEN di mana Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) berperanan sebagai "peers" untuk menyampaikan makluma
Bimbingan dan Kaunseling di sekolah.

2.2 Program Ekspresi Anak Remaja Lestari (PEARL),

Program intervensi yang bertujuan meningkatkan daya tahan dan mengurangkan tingkah laku berisiko dalam kalangan murid. Program kerjasama K

2.3 Bekerjasama dengan agensi seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), PDRM, NGO psikologi dan kaunseling untuk menyediakan bantuar

Program Amalan Sekolah Penyayang sepanjang tahun bertujuan membudayakan sikap kasih sayang dan kepedulian dalam kalangan guru, kakitang
menyeronokkan.

Pengisian Program Amalan Sekolah Penyayang seperti:

- Mengalu-alukan kehadiran murid,

- Mentor-Mentee,

- Meraikan Hari Lahir,

- Ziarah Cakna,

- Memberi penghargaan dan pengiktirafan

- Sapaan mesra

Impak program Amalan Sekolah Penyayang murid merasa disayangi dan dihargai, meningkatkan semangat seronok untuk ke sekolah, dan memben

Usaha-usaha Meningkatkan Tahap Keselamatan di Asrama:

Pemantauan Murid Berisiko

- Menggunakan data daripada Saringan Minda Sihat dan rekod disiplin untuk mengenal pasti murid yang berisiko menjadi pembuli atau mangsa

Modul Pendidikan Kemanusiaan

- Nilai-nilai seperti empati, toleransi, hormat-menghormati dan anti-kekerasan diserapkan melalui:
  - Program Sekolah Penyayang, Mentor Mentee dan Penghargaan kepada murid

Kesedaran Tentang Undang-undang dan Jenayah

- Pelajar didedahkan kepada konsekuensi jenayah menerusi:

- Ceramah oleh PDRM (Program Jom Ke Sekolah / Pencegahan Jenayah Remaja)
- Penyertaan dalam program luar seperti Program Anti-Buli dan Hari Kesedaran Mental

· a. Memperkasakan Program Sistem Keluarga Asrama (SisKA) yang berbentuk kekeluargaan antara guru-guru sekolah, ibu bapa dan guru kau guru dan ibu bapa.

· b. Melaksanakan Lawatan mengejut pengurusan tertinggi JPN, PPD dan pegawai asrama. Ia perlu dilaksanakan yang memfokuskan berkaitar

· c. Slogan dan laungan "kami benci buli" dilaksanakan pada setiap kali perhimpunan atau "roll-call".

a. Melakukan rondaan berkala Warden asrama dan menyediakan laporan harian dalam buku laporan harian warden.

b. Rondaan pengawal keselamatan termasuk sekeliling bangunan asrama dan tempat-tempat "spot".

c. Pemasangan CCTV di asrama

d. Warden perlu sentiasa memantau peti aduan asrama agar dapat segera ditangani dan diselesaikan sekiranya terdapat sebarang aduan.

Soalan Dari : YB ENCIK JASON NG THIEN YEONG
Ahli Dewan Undangan Negeri : (ASTAKA )

**SOALAN-SOALAN LISAN**

1. Apakah inisiatif dan insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan untuk membantu pekerja belia yang tidak mempunyai sijil untuk memperolehi kelayakan s mempunyai peluang perkembangan karier yang lebih baik?

<u>Jawapan Soalan 1</u>

Untuk makluman Yang Berhormat Astaka,

Demi memperkembangkan kerjaya pekerja belia di negeri Perak, kerajaan negeri melalui PASAK menjalankan program latihan ke Kerajaan negeri melalui PASAK kekal aktif menjalankan program TVET yang terdiri kepada sebelas (11) kluster seperti:

I. Program TVET Modular Industri;
II. Program TVET Mahir Kerja;
III. Program TVET OKU;
IV. Program TVET Orang Asli;
V. Program TVET Anak Yatim;
VI. Program TVET Warga Emas;
VII. Program TVET Pelancongan;
VIII. Program TVET Tahfiz;
IX. Program TVET Usahawan;
X. Program TVET Desa Mahir, dan;
XI. TVET Exchange Program.

Melalui program-program TVET ini, belia Perak berpeluang meningkatkan kemahiran mereka dengan bidang yang sejajar denga mengikut acuan industri.

Program TVET ini terbukti berkesan, di mana melalui Program TVET Modular Industri sahaja seramai 649 peserta telah menerim tempatan pada tahun 2025.

Melalui program TVET ini, kerajaan negeri juga menyediakan insentif atau elaun penyertaan kepada peserta sebanyak RM200 hi menamatkan latihan akan memperoleh sijil yang diiktiraf oleh kerajaan negeri.

Tambahan pula, terdapat sebilangan program TVET di bawah PASAK ini juga yang membuka peluang kepada rakyat untuk mempe

I. Program TVET Warga Emas: 'KAIGO Certification & Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 In Elderly Care Training For Santu

II. Program TVET Modular Industri: 'Jahitan Pakaian Korporat Wanita (SKM Modular Penyata Pencapain)'

Selain itu, Program TVET Pelancongan di bawah PASAK turut menawarkan peluang kepada rakyat untuk mendapatkan latihan da Inisiatif ini demi memastikan pekerja di industri pelancongan mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang kukuh dalam meng mereka.

Tidak cukup dengan itu, kerajaan negeri melalui PASAK turut menjalankan inisiatif program TVET ke peringkat antarabangsa dimaksudkan ini ialah TVET Exchange Program yang akan membuka peluang kepada belia Perak untuk menjalani latihan kema kepada tiga (3) bidang kursus latihan, iaitu:

I. Kursus New Energy Vehicle;
II. Kursus Train The Trainer, dan;
III. Kursus Artificial Intelligence in Manufacturing Automation.

Ketiga-tiga kursus latihan ini akan dijalankan pada tahun 2025. Kerajaan negeri memberi penekanan terhadap perkembangan t memperkasakan rakyat Perak dengan nilai kemahiran yang terkini sejajar dengan agenda yang digariskan dalam Perak Sejahtera

2. Terminal Regasifkasi Petronas, Lumut (RGT 3)
   1. Apakah jenis-jenis kerja industri dan perkilangan yang akan dilaksanakan di RGT 3?
   2. Apakah kebaikan dan manfaat yang akan dibawa oleh RGT 3 kepada penduduk-penduduk di Manjung?
   3. Adakah projek RGT 3 akan membawa kesan kepada alam sekitar seperti pencemaran kepada Sungai Manjung?

<u>Jawapan Soalan 2</u>

Untuk makluman Yang Berhormat Astaka,

Projek pembangunan Terminal Regasifikasi RGT-3 ini adalah selaras dengan aspirasi Pelan Perak Sejahtera 2030 serta dijangka menjadi pemangki mewujudkan kira-kira 3,000 peluang pekerjaan di dalam kategori tersebut :
• Profesional & Teknikal
• Kemahiran Teknikal
• Operasi AM
• Keselamatan & Kepatuhan

Pembangunan Terminal Regasifikasi RGT-3 yang telah dibentangkan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 akan dibangunkan di Lumut Maritime Indus

Sungai Udang, Melaka, dan RGT Pengerang, Johor. Projek ini dijangka menjadi pemacu kepada perkembangan infrastruktur industri, logistik, dan te Susulan daripada itu, kajian teknikal serta perancangan strategik, termasuk kajian impak alam sekitar dan keperluan kejuruteraan, sedang dilaksana Walau bagaimanapun, turut dimaklumkan bahawa pihak Lumut Port terikat dengan Non-Disclosure Agreement (NDA) berhubung projek ini. Justeru i

3. Bola Sepak Perak
   1. Perak FC telah menarik diri dari Liga Malaysia dan kini Perak FA mengambil bahagian dalam Liga Amatur (AFL). Apakah inisiatif yang akan dilaku bertanding di liga tertinggi?
   2. Apakah langkah-langkah Kerajaan dalam mencungkil dan memupuk bakat muda dalam bidang bola sepak supaya lebih ramai anak negeri Perak t
   3. Berapakah peruntukan Kerajaan Negeri yang disediakan untuk membangunkan bidang dan fasiliti bola sepak di negeri Perak?

<u>Jawapan Soalan 3</u>

Pihak Kerajaan Negeri Perak melalui Majlis Sukan Negeri Perak dan Persatuan Bola Sepak Perak (Perak FA) sentiasa mengambil berat dalam Pe

Negeri Perak mempersiapkan pasukan menghadapi temasya SUKMA dan seterusnya mewakili pasukan di peringkat tertinggi.

Bagi memastikan pasukan Bola Sepak Negeri Perak tidak terkubur, pihak Majlis Sukan Negeri Perak dengan Kerjasama Persatua Bola Sepak Perak

Pemilihan Pasukan Bola Sepak SUKMA Negeri Perak

Pelaksanaan pemilihan pasukan Bola Sepak SUKMA bermula pada Bulan Mei 2025 di beberapa venue di 6 buah Daerah iaitu Kinta, Hilir Perak,

melancarkan pemilihan.

Pelantikan Jurulatih

Pihak Majlis Sukan Negeri Perak telah melantik dan membiayai elaun Jurulatih bermula pada bula Mei sehingga kini iaitu Encik Syamsul Bin Mohd S

Latihan Pusat Pasukan

Bantuan Kewangan telah disalurkan kepada pihak Persatuan Bola Sepak Perak (Perak FA) bagi pelaksanaan Latihan pusat pasukan di Satdium Che

Bantuan Lain-Lain Perkhidmatan

Bantuan penggunaan sesi Gym di Majlis Sukan Negeri Perak telah diuruskan bagi membantu persediaan fizikal pemain.

Inisiatif ini adalah permulaan bagi membantu pasukan Bola Sepak Negeri Perak dalam Pembangunan Bola Sepak Negeri setelah masalah dan

meneruskan penyertaan di Liga Bola Sepak tertinggi di Malaysia iaitu Liga SUPER. Inisiatif bermain di liga Amatur iaitu Liga A1 adalah sebagai langl

tahun (SUKMA) dan senior.

Terdapat beberapa platform di dlaam Malaysia bagi pemilihan pemain ke pasukan kebangsaan iaitu pemain-pemain yang berpotensi dan beraksi cer

Pihak Kerajaan Negeri Perak melalui Majlis Sukan Negeri Perak sentiasa membantu pasukan Negeri dalam memastikan pasukan Bola Sepak Per Negeri Perak dalam persaingan di Liga A1 yang terdiri daripada 12 pemain SUKMA di dalam pasukan.

Ini juga memberi ruang dan peluang supaya pemain-pemain muda dapat menunjukkan potensi dan aksi yang cemerlang untuk dipilih ke dalam sku telah terpilih menyertai Skuad Malaysia Bawah 23 Kebangsaan bagi menghadapi Kelayakan Piala Asia B23 AFC 2025 pada 1 hingga 9 September 2

Soalan 5

Peruntukan Hal Ehwal Sukan Negeri Perak

Sila Nyatakan jumlah peruntukan Kerajaan Negeri Perak untuk Pembangunan sukan bagi tahun 2024 dan 2025 ?

Tahun 2024

| Bil | Perkara | Jumlah |
|---|---|---|
| 1 | Bajet Mengurus | 7.6 Juta |
| 2 | SUKMA | 7.3 Juta |
| 3 | PARA SUKMA | 1.0 Juta |
| 4 | Sewaan Tempat Latihan | 156,060.00 |

Tahun 2025

| Bil | Perkara | Jumlah |
|---|---|---|
| 1 | Bajet Mengurus | 9.4 Juta |
| 2 | Sewaan Tempat Latihan | 390,120.00 |
| 3 | Sukan SUPER | 748,200.00 |

Bagaimankan peruntukan diagihkan megikut jenis sukan dan Kawasan?

Agihan Peruntukan ini berdasarkan kepada pusat latihan negeri (PLN)& Pusat latihan daerah(PLD)yang telah diwukudkan serta lantikan jurulatih se

Pihak MSN Perak mempunyai 44 pusat latihan daerah(PLD) bagi tahun 2025 di 9 buah daerah di negeri perak dengan melibatkan 22 jenis sukan (s

Setiap Tahun Pihak Kerajaan Negeri Perak sentiasa menyalurkan peruntukan bagi pembangunan sukan di Negeri Perak bermula daripada Program menjadi Juara di peringkat tertinggi.

Hasil daripada sokongan Kerajaan Negeri Perak, kita mampu melahirkan atlet bertaraf antarabangsa sebagai contoh Sin Li Jane (Tenpin Bowling Mitsuki Leong (Tenis) dan ramai lagi.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS**

1. Isu Perlombongan Bitcoin
   Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan dalam membendung kes-kes pencurian elektrik untuk perlombongan Bitcoin yang semakin berleluasa c lain?

   Jawapan Soalan 1

   Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

   1)Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah menasihatkan pengguna agar tidak terlibat dengan gejala pengusikar ianya bukan sahaja boleh mengancam keselamatan pengguna dan ekonomi negara (jika ianya tidak dibendung) malah boleh meningkatkan risiko ke

   2)Berikut adalah tindakan yang telah diambil oleh pihak TNB berserta dengan pihak berkuasa dalam mengekang aktiviti perlombongan haram

   3)Bagi mengekang aktiviti perlombongan bitcoin secara haram ini, pihak TNB telah menggunakan teknologi yang terkini seperti *drone & data*

   4) Dengan penggunaan *data analytic* tersebut dapat menganalisa *meter event* (bagi meter pintar) dan corak penggunaan tenaga elektrik di pr

   5)Seterusnya, *data analytic* ini amat berguna dalam membantu TNB bagi mengesan premis yang terlibat dengan aktiviti perlombongan haram

   6)Selain itu, operasi bersepadu juga turut dilakukan bersama dengan pelbagai agensi seperti Suruhanjaya Tenaga (ST), Polis Diraja Ma Kewangan Nasional (NFCC) dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

   7)Dengan kerjasama strategik bersama dengan agensi-agensi tersebut, ia telah membantu pihak TNB dalam melaksanakan rampasan ke ata

   8)Dalam masa yang sama, peruntukan di bawah Seksyen 37(1), 37(3) dan 37(14) Akta Bekalan Elektrik 1990 yang sebelum ini dikuatku (PDRM).

   9) Penurunan kuasa ini membolehkan PDRM mengambil tindakan terus di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 terhadap kesalahan berkaitan u

   10) Dengan kuasa ini, PDRM dapat melaksanakan tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas, berkesan, dan pantas dalam membanteras ak

   11)Selain itu, Seksyen 38(3), (4) & (5) Akta Bekalan Elektrik 1990 juga memperuntukkan tindakan yang boleh diambil oleh TNB untuk mer meter TNB.

   12)Sejak tahun 2018 sehingga Jun 2025, pihak TNB telah mengambil tindakan ke atas 14,859 premis di seluruh negara dan Negeri Perak s melakukan pengubahsuaian meter atau penyambungan bekalan elektrik secara haram.

   13)Untuk makluman, Negeri Perak merekodkan kedua tertinggi di Semanjung yang melibatkan kes aktiviti perlombongan haram bitcoin.

   14)Aktiviti ini telah mengakibatkan kerugian kepada TNB sebanyak RM4.81 billion bagi tempoh tersebut.

   15)Setakat Julai 2025, sebanyak 970 operasi telah dijalankan bersama PDRM dengan tangkapan sebanyak 430 di 2781premis perlombongar

   16)Disebabkan peningkatan nilai matawang krypto bitcoin daripada tahun 2018 hingga Jul 2025 sebanyak 732%, aktiviti perlombongan bit 2025.

   17)Berikutan ketiadaan akta atau peraturan yang khusus bagi mengawalselia aktiviti perlombongan bitcoin/matawang krypto, pihak TNB atau curang sahaja.

   18)Adalah dicadangkan, satu akta khusus untuk mengawalselia aktiviti perlombongan bitcoin/matawang krypto perlu diwujudkan.

   19)Sebagai langkah pencegahan di Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air , adalah dicadangkan juga agar Subseksyen 37 penggunaan elektrik secara haram dengan mengenakan hukuman yang lebih berat.

   20)Selain itu juga, adalah dicadangkan Penglibatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah penting kerana mereka mempunyai kuasa berka

   21)Disamping itu, PBT dapat membantu menutup atau menyita premis yang terlibat, sekali gus memperkukuhkan tindakan bersepadu bagi me

2. Lampu Jalan
   1. Sila nyatakan peratusan penggunaan lampu jalan LED di DUN Astaka.
   2. Adakah Jabatan Kerja Raya mempunyai perancangan untuk menukar semua lampu jalan di dalam kawasan DUN Astaka kepada lampu LED seca
   3. Adakaah Jabatan Kerja Raya mempunyai perancangan untuk memasang lampu jalan yang lebih banyak sepanjang Jalan A125 iaitu antara Simpa

   Jawapan Soalan 2

   Untuk makluman Yang Berhormat,

   Lampu Jalan

   1. Dimaklumkan bahawa penggunaan 100% lampu jalan LED bagi lampu jalan milik Majlis Perbandaran Manjung (MPM) termasuk di DUN Astaka.

2. Peratusan penggunaan lampu jalan LED di DUN Astakaadalah seperti berikut:

| JALAN LAMPU | JALAN PERSEKUTUAN | JALAN NEGERI |
|---|---|---|
| LAMPU LED | 60% | 17% |
| LAMPU SON | 40% | 83% |

3. JKR melalui Cawangan Kejuruteraaan Elektrik Perak (CKE) dalam perancangan untuk menukar lampu SON kepada jenis LED secara berfasa dar

4. JKR melalui Cawangan Kejuruteraaan Elektrik Perak (CKE) telah membuat perancangan untuk memasang lampu jalan jenis solar LED di jalan te
. Berikut merupakan pemasangan lampu jalan yang telah telah dilaksanakan dari tahun 2023 sehingga 2025:

| TAHUN | Peruntukan | PERKARA | KOS |
|---|---|---|---|
| 2025 | Kerajaan Negeri (P01) | Kerja-Kerja Pemasangan Baru Bagi Lampu Jalan Jenis Solar LED Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Laluan A125, Seksyen 12, Jalan Simpang Lima-Kg.Koh, Manjung, Perak | RM 50,000.00 |
| 2024 | Kerajaan Negeri (P01) | Kerja kerja pemasangan 5 unit lampu solar di A125 SS9.4 (Kg Simpang Lima) | RM49,935.80 |
| 2023 | ICU | Kerja kerja pemasangan 3 unit lampu solar di A125 SS6.8 (SJKC Pekan Gurney) | RM 22,285.00 |
| | Peruntukan Khas Jurutera Daerah | Kerja kerja pemasangan 2 unit lampu solar di A125 SS6.8 (SJKC Pekan Gurney) | RM 14,000.00 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | | **RM 136,220.80** |

3. Gangguan Lalat Manjung
   1. Apakah usaha Kerajaan dalam menyelesaikan masalah gangguan lalat di Daerah Manjung?
   2. Apakah komitmen Kerajaan dalam memperketatkan SOP penguatkuasaan bagi mengeluarkan kompaun kepada ladang-ladang yang menyebabka
   3. Adakah Kerajaan bercadang untuk mengurangkan bilangan reban ayam di Daerah Manjung bagi memperbaiki masalah gangguan lalat yang sema

<u>Jawapan Soalan 3</u>

Jawapan : Gangguan Lalat Manjung

1.

Dalam menyelesaikan masalah gangguan lalat di Daerah Manjung, Kerajaan Negeri Perak melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri telah n
berpotensi memberi kacau ganggu lalat kepada masyarakat sekitar, antaranya :

- Lawatan secara lebih kerap dijalankan bagi memastikan ladang ayam sedia ada mematuhi standard amalan perladangan yang baik khususnya
- Bertindak lebih tegas bagi ladang dengan kesalahan melibatkan kacau ganggu lalat dan kesalaham berulang dengan meningkatkan kadar kom
- Menetapkan penguatkuasaan kepada sistem reban tertutup sepenuhnya menjelang Januari 2027 bagi semua ladang ayam di Negeri Perak.

2.

Dalam memperketatkan SOP penguatkuasaan, bagi pengeluaran kompaun kepada ladang yang mengakibatkan kacau ganggu lalat, beberapa usaha

- Sedang dalam proses penambahbaikan Peraturan Pengawalan Perladangan Unggas (Lesen) 2010 dengan meminda kaedah-kaedah berkaitar
- Menetapkan kadar kompaun bagi kesalahan berkaitan kegagalan mengawal pembiakan lalat dengan cadangan untuk dinaikkan, di mana komp
ulangan dinaikkan kepada RM25,000.
- Menjalankan program bersepadu khas melibatkan kerjasama dengan PBT dan Pejabat Tanah dan agensi berkaitan bagi memantau secara teru
- Pemantauan lebih kerap melalui Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah merangkumi setiap pusingan ternakan ayam, dengan penekanan kep
lalat serta jadual tuaian ayam secara berterusan.

3.

Menjelang tahun 2027, penguatkuasaan sistem reban tertutup akan dilaksanakan sepenuhnya, berkemungkinan besar ladang-ladang yang gagal 
menutup operasi dan ini akan menyebabkan pengurangan bilangan ladang.

Pengurusan ladang juga lebih mudah bagi ladang yang lebih moden dan sistematik dan juga memudahkan pemantauan pihak Jabatan yang secara dijangka akan kekal atau bertambah berikutan keupayaan ladang yang mengamalkan sistem reban tertutup untuk memaksimakan kapasiti penge Perak

4. Banjir Kilat Sitiawan
   1. Apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan untuk memperbaiki keadaan banjir kilat dalam DUN Astaka?
   2. Berapakah jumlah peruntukan projek penebatan banjir yang diperlukan oleh Majlis Perbandaran Manjung bagi menyelesaikan masalah banjir kilat untuk setiap projek.
   3. Adakah Kerajaan bersetuju untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi menyelesaikan masalah banjir kilat di Sitiawan?

   Jawapan Soalan 4

   **JAWAPAN 1**

   Untuk makluman Yang Berhormat,

   Majlis Perbandaran Manjung (MPM) telah membelanjakan peruntukan hampir RM2 juta melalui sumber peruntukan Majlis, Negeri dan juga Persel parit-parit tanah kepada longkang-longkang konkrit dan juga menyelenggara longkang di taman-taman perumahan lama yang sudah rosak sehingga

   Usaha ini membuahkan hasil dengan berkurangnya aduan berkaitan isu-isu banjir di daerah Manjung terutama di DUN Astaka.

   **JAWAPAN 2**

   Untuk makluman Yang Berhormat,

   Anggaran peruntukan yang diperlukan bagi melaksanakan projek penebatan banjir bagi mengatasi masalah banjir kilat di daerah Manjung termasuk

   **JAWAPAN 3**

   Untuk makluman Yang Berhormat,

   Pihak MPM menyokong penuh cadangan penubuhan jawatankuasa khas bagi menyelaras tindakan menangani isu banjir kilat dengan melibatkar (JPS), Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) serta MPM bagi memastikan pendekatan yang lebih menyeluruh dan berkesan untuk menyelesaikan masal

5. Sila nyatakan secara terperinci jumlah peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada sekolah bantuan kerajaan, SUWA dan sekolah agam

   Jawapan Soalan 5

   Untuk makluman YB Astaka, jumlah peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada 3 sekolah tersebut pada tahun 2024 dan 2025 adalah s

| Bil | Sekolah | Peruntukan 2024 (RM) | Peruntukan 2025 (RM) | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Sekolah Bantuan Kerajaan | 3,673,990.00 | 3,617,440.00 | Lampiran A |
| 2. | SUWA | 1,800,000.00 | 1,800,000.00 | Lampiran B |
| 3. | Sekolah Agama | 7,217,942.00 | 7,335,561.00 | Lampiran C |

Nota: Pentadbiran ini sedang menyemak data dengan jabatan terlibat bagi lampiran-lampiran yang disediakan

PERUNTUKAN KEPADA BANTUAN PERKAPITA PELAJAR SEKOLAH KERAJAAN 2024

Jumlah Sumbangan : RM3,673,990.00
Jumlah Sekolah : 1105
Jumlah Pelajar : 367,399

PERUNTUKAN KEPADA BANTUAN PERKAPITA PELAJAR SEKOLAH KERAJAAN 2025

Jumlah Sumbangan : RM3,617,440
Jumlah Sekolah : 1105
Jumlah Pelajar : 362,992

Soalan Dari : YB ENCIK AZMAN BIN NOH
Ahli Dewan Undangan Negeri : (PENGKALAN BAHARU )

**SOALAN-SOALAN LISAN**

1. Menyedari bahawa keselamatan awam adalah keutamaan, khususnya bagi penduduk yang tinggal berhampiran infrastruktur utiliti utama, apakah lar pelaksana Projek RGT3 di sepanjang jajaran paip gas dari Kg Acheh ke utara tanah air bagi memastikan risiko kepada penduduk setempat dapat dir

Jawapan Soalan 1

Untuk makluman Yang Berhormat Pengkalan Baharu,

Projek pembangunan Terminal Regasifikasi RGT-3 ini adalah selaras dengan aspirasi Pelan Perak Sejahtera 2030 serta dijangka menjadi salah satu mampu mewujudkan kira-kira 3,000 peluang pekerjaan TVET. Pembangunan Terminal Regasifikasi RGT-3 yang telah dibentangkan dalam Rancanga cecair (LNG) setara dengan RGT Sungai Udang, Melaka, dan RGT Pengerang, Johor. Projek ini dijangka menjadi pemacu kepada perkembangan in pembangunan Perak Sejahtera 2030.

Walaubagaimanapun, turut dimaklumkan bahawa pihak Lumut Port terikat dengan Non-Disclosure Agreement (NDA) berhubung projek ini. Justeru it

2. Memandangkan banjir berulang terus memberi kesan kepada kehidupan rakyat dan ekonomi setempat, bolehkah pihak Kerajaan menyatakan contol masalah banjir di Negeri Perak, serta menjelaskan pelan atau tindakan JPS bagi mengatasi masalah banjir berulang di Lembangan Sungai Beruas, k

Jawapan Soalan 2

1) Untuk makluman YB, terdapat empat projek Rancangan Tebatan Banjir di Negeri Perak yang telah berjaya dilaksanakan bagi mengurangkan r

i) Rancangan Tebatan Banjir Teluk Intan - Kerja-Kerja Tebatan Banjir dari Kg. Terengganu ke TCG T10-J Jalan Woo Saik Hong, Teluk Intan, Pe

ii) Rancangan Tebatan Banjir Sungai Jebong, Daerah Larut, Matang dan Selama, Perak.

iii) Rancangan Tebatan Banjir Sungai Siput Chandan, Daerah Kuala Kangsar, Pera.

iv) Rancangan Tebatan Banjir Sungai Bidor,Di Changkat Jong, Daerah Hilir Perak, Perak Darul Ridzuan

2) Bagi Pelan mengatasi banjir di Lembangan Sg Beruas, beberapa tindakan sedang dan akan dilaksanakan antaranya ialah :

i) Projek Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Beruas Serta Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan, di Daerah Manjung, Perak Darul Ridzua

ii) Projek ini akan melibatkan pemuliharaan Sungai dan pembinaan kolam takungan banjir.

iii) Perancagan turut diberi perhatian terhadap kawasan terjejas teruk seperti Kg Padang Serai dimana JPS Negeri Perak telah memohon projek

iv) Daerah Manjung, Perak Darul Ridzuan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13), *Rolling Plan 1* bagi tahun 2026 yang melibatkan menaik

3) Sebagai langkah jangka pendek, JPS Negeri Perak telah melaksanakan kerja selenggaraan parit/sungai serta menyediakan pam sementara c

4) Namun begitu, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 19 Jun 1996, telah bersetuju supaya JPS diberi tanggungjawab sepenuh bertanggungjawab mengurus dan menyenggara sistem perparitan di kawasan masing-masing.

3. Walaupun kerja-kerja penyelenggaraan sungai dan parit dilaksanakan setiap tahun oleh pihak JPS melalui proses sebutharga, masalah banjir termer menimbulkan persoalan mengenai keberkesanan langkah-langkah yang diambil. Apakah pihak JPS mempunyai pelan tindakan baharu atau kaedah diatasi sepenuhnya ? Mohon penjelasan beserta cadangan tindakan konkrit agar penyelesaian dapat di laksanakan dengan segera

Jawapan Soalan 3

1) Untuk makluman Yang Berhormat, isu banjir merupakan isu sejagat yang perlu ditangani bersama.

2) Sebagai agensi yang terlibat secara langsung dengan isu ini, pelbagai tindakan jangka pendek dan jangka panjang telah dirancan

3) Selain melaksanakan kerja selenggaraan, kajian dan projek tebatan banjir, JPS juga telah merancang untuk mewujudkan sister mengambil tindakan yang sewajarnya.

4) Sistem Amaran Banjir dilaksanakan secara berperingkat dibawah Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara.

5) Kempen-kempen amaran banjir juga dilaksanakan melalui medium media sosial seperti di Facebook, Radio dan juga Televisyen.

6) JPS juga telah melantik perunding bagi melaksanakan Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) .

7) Kajian ini akan mengenal pasti isu-isu dan kelemahan pada sistem saliran sedia ada termasuklah isu-isu dan permasalahan kuanti

8) Seterusnya, kajian ini akan mencadangkan kerja-kerja yang perlu dilaksanakan berdasarkan penyelesaian jangka panjang dalam

9) Kajian ini juga akan menjadi rujukan serta panduan terutamanya kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi-agensi yan dan mampan.

**SOALAN-SOALAN BERTULIS**

1. Mempercepatkan Pengeluaran Sijil Pendaftaran Surau di Negeri Perak
Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) bagi menyegerakan proses pengeluaran
pentadbiran dan pengurusan dapat berjalan dengan lebih teratur?

<u>Jawapan Soalan 1</u>

Untuk makluman Yang Berhormat Pengkalan Baharu, proses pendaftaran masjid dan surau di Negeri Perak adalah tertakluk kepada prosedur yang ditetapkan oleh J

Salah satu syarat utama sebelum sijil pendaftaran boleh dikeluarkan ialah tapak masjid atau surau tersebut hendaklah telah diwakafkan secara rasmi kepada MAIPk, bagi memastikan hak milik tapak rumah ibadat tidak mudah dipindah milik, diubah guna atau hilang manfaat wakaf yang sepatutnya dinikmati oleh masyarakat.

Sehubungan itu, bagi mempercepatkan proses ini, jawatankuasa masjid atau surau disarankan untuk segera berhubung dengan pihak MAIPk bagi menguruskan doku

Secara umumnya, langkah-langkah pendaftaran adalah seperti berikut:

1. Permohonan dibuat oleh Jawatankuasa Masjid atau Surau dengan mengisi borang Pendaftaran Rumah Ibadat Islam dan dikemukakan kepada Pejabat Agama Daeral
2. Pejabat Agama Daerah akan menyemak permohonan tersebut dan seterusnya memanjangkan kepada Bahagian Pengurusan Masjid JAIPk.
3. Bahagian Pengurusan Masjid JAIPk akan menyemak status tanah tapak masjid atau surau, sama ada telah diwakafkan secara sah kepada MAIPk atau belum.
4. Setelah pengesahan wakaf diperoleh, Sijil Pendaftaran Masjid/Surau akan dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Masjid JAIPk.

Pihak JAIPk dan MAIPk sentiasa komited untuk memperkemas dan mempercepatkan urusan pendaftaran ini agar pentadbiran dan pengurusan surau serta masjid di

2. Penyelenggaraan Tiang dan Kabel
Apakah langkah yang diambil oleh pihak TNB dan Telekom Malaysia bagi memantau serta menyelenggara tiang dan kabel yang kebanyakannya suc
keadaan ini boleh menjejaskan keselamatan awam dan perkhidmatan?

<u>Jawapan Soalan 2</u>

1) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Telekom Malaysia (TM) ingin memaklumkan bahawa setiap aduan yang diterima berkaitan infrastruk

2) Sehubungan itu, satu kumpulan komunikasi melalui aplikasi WhatsApp telah diwujudkan khusus untuk menyelaras dan mempercepatkan ti
serta penutup *manhole* yang terbuka.

3) Walau bagaimanapun, memandangkan jumlah aduan yang diterima adalah tinggi dan melibatkan liputan kawasan yang luas, tindakan akan

4) Sebarang aduan berkaitan isu berikut:

- Tiang telekomunikasi senget atau melendut
- Penutup *manhole* terbuk , Kabel terputus, tergantung atau dicuri hendaklah dimaklumkan segera kepada pihak kami untuk tindakan penutu

5) Keutamaan akan diberikan kepada kes-kes yang berisiko terhadap keselamatan orang awam.

6) Untuk melaporkan aduan, sila hubungi pegawai berikut:

1. **En. Abdul Majid Bin Mohamed Yusop**
No. Telefon: 013-384 2898
2. **Pn. Nur Syuhada Bt Ismail**
No. Telefon: 010-444 8160

7) Di samping itu, pihak TM juga menjalankan rondaan berkala bagi memantau keadaan infrastruktur yang berisiko atau mengalami kerosakan

8) Namun begitu, kerjasama daripada orang awam dan pihak berkuasa tempatan amat diperlukan dalam menyalurkan maklumat berkaitan ker

9) Untuk makluman, kes kecurian kabel masih berlaku hampir setiap hari di kawasan Lembah Kinta. Insiden ini bukan sahaja menyebabkaı
dipotong dibiarkan berjuntai atau melendut akibat ditarik pencuri.

10) TM amat menghargai kerjasama semua pihak dalam memastikan keselamatan dan kelestarian perkhidmatan telekomunikasi kepada masya

11) Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, pihak TNB sentiasa mengambil langkah pemantauan dan penyelenggaraan berkala ke atas tiang dan k

12) Bagi kawasan Pengkalan Baharu, kerja-kerja senggaraan telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak TNB yang merangkumi:

1. Kerja senggaraan rentis dahan pokok yang berhampiran dan menyentuh talian TNB
2. Kerja menegangkan talian TNB
3. Menegakkan tiang TNB

13) Sehingga kini, sebahagian kawasan telah siap diselenggara dengan kos keseluruhan sebanyak RM 50,000.00 . Untuk makluman Yang Berh

14) Pihak TNB akan terus memantau serta mengambil tindakan susulan dari semasa ke semasa demi menjamin keselamatan awam dan kelanc

3. Hukuman Kemalangan Melibatkan Tiang Lampu
Apakah terdapat peruntukan undang-undang, hukuman atau denda daripada pihak Polis terhadap pemandu yang menyebabkan kerosakan tiang lam
Apakah mekanisme yang ada bagi memastikan tiang lampu yang rosak diganti segera selepas insiden tersebut?

<u>Jawapan Soalan 3</u>

(1) Untuk makluman Yang Berhormat Pengkalan Baru, bagi hukuman Kemalangan Melibatkan Kerosakan Tiang Lampu milik TNB, ianya termaktu

Dibawah Akta 447

41 (1) Mana-mana orang yang mengalihkan, memusnahkan atau merosakkan sama ada dengan sengaja atau selainnya, apa-apa pepasang atau kaedah lain bagi menopangkan lampu awam, atau mana-mana alat yang digunakan berkaitan dengan mana-mana pepasangan untu penalti yang boleh dikenakan ke atasnya di bawah Akta ini, ditanggungkan dengan pembayaran pampasan penuh bagi kerosakan yang hadapan mana-mana mahkamah.

(2) Tanpa menjejaskan subseksyen (1), mana-mana mahkamah yang di hadapannya seseorang dipertuduh atas kesalahan di bawah Akta ini perintah bagi pembayaran pampasan itu. Mana-mana perintah sedemikian boleh dikuatkuasakan seolah-olah ia adalah suatu penghakiman di

**Pendakwaan**

42. Tiada pendakwaan boleh dijalankan bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawah Akta ini kecuali oleh

**Pengkompaunan**

